


Natijah Fikir
&
Mutiara Nabawi
Berkenaan
Majlis Zikir

Dr. Abdullaah Jalil



WISDOM
PUBLICATION




Natijah Fikir

&

Mutiara Nabawi

Berkeanaan

Majlis Zikir



Natijah Fikir

&

**Mutiara Nabawi
Berkenaan**

Majlis Zikir

DR. ABDULLAAH JALIL



WISDOM
PUBLICATION



WISDOM PUBLICATION NS0078217-W

No. 110, Jalan Dillenia 3, Laman Dillenia,

Nilai Impian,

Nilai, Negeri Sembilan.

Email: wisdompublisher@gmail.com

FB Page: Wisdom Publication

Gambar/Rekabentuk: Freepik.com. Gambar (Masjid Hasan II, Casablanca, Maghribi) hadapan buku ini diambil daripada Freepik.com

Hak Cipta Terpelihara © 2019 Wisdom Publication

Edisi Pertama

Kemaskini: 11 Mei 2021

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Wisdom Publication (NS0078217-W) atau penulis.

Pencetak:

ZARASA ENTERPRISE,

001372482-A,

C-7-G, Jalan Jati 9, Acacia Avenue, Putra Nilai,

71800 Nilai, Negeri Sembilan.

Tel: +6019-282 6924

Email: zarasaenterprise@gmail.com

Allah ﷻ berfirman (Al-Kahf: 28):

﴿ وَاصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْغَدَاةِ وَالْعَشِيِّ يُرِيدُونَ
وَجْهَهُ وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ عَنْهُمْ تُرِيدُ زِينَةَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا
قَلْبَهُ عَن ذِكْرِنَا وَاتَّبَعَ هَوَاهُ وَكَانَ أَمْرُهُ فُرُطًا ﴾

“Dan jadikanlah dirimu [wahai Nabi Muhammad] sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang berdoa (beribadat) kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharapkan keredaan Allah semata-mata; dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka hanya kerana engkau mahukan kesenangan hidup di dunia; dan janganlah engkau mematuhi orang yang Kami ketahui hatinya lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran Kami di dalam Al-Quran, serta ia menurut hawa nafsunya, dan tingkah-lakunya pula adalah melampaui kebenaran.”

DEDIKASI

Kepada para *ulamā'*, *awliyā'* dan *'arifin*, serta para *mashāyikh Ṣūfiyyah* dan *ṭuruq Ṣūfiyyah mu'tabarah* yang mendidik umat ini dengan zikrullah, khususnya Tuan Guru Dr. Hj. Jahid bin Hj. Sidek [al-Naqshabandi] al-Khalidi, Tuan Guru al-Shaykh Ahmad Fahmi bin Zamzam al-Banjari al-Nadwi al-Maliki, al-Marhum Tuan Guru Baba Abdul Aziz al-Fatani al-Makki dan Tuan Guru al-Shaykh al-Musnid Muhammad Fuad Kamaluddin al-Ahmadi al-Muhammadi.

Kepada kedua ayahanda dan bonda yang amat disayangi lagi dihormati: Haji Jalil Omar and Hapisah Ismail. Semoga Allah memuliakan kalian berdua dengan kemuliaan zikrullah di dunia dan Akhirat.

Kepada isteri yang dikasihi: Suraiya binti al-Marhum Ustaz Haji Osman bin Tuan Guru Haji Ahmad bin Tuan Guru Haji Hussein Kedah al-Banjari, serta anak-anak yang tercinta: Abdurrahman al-Munib, Maryam al-Safiyah, Sara al-Ameena, Ibtisam al-Nafeesa dan Muhammad al-Habib, serta seluruh ahli keluarga.

Dengan harapan semoga kita semua digolongkan oleh Allah ﷻ di kalangan *al-dhākirīn Allah kathīrā wa al-dhākirāt* (para lelaki dan wanita yang berzikir kepada Allah dengan sebanyak-banyaknya).

PRAKATA PENERBIT



Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah ﷻ, yang bertasbih kepada-Nya seluruh penduduk langit dan bumi. Selawat dan salam buat penghulu para Rasul dan Nabi ﷺ - Saidina Muhammad bin Abdullah ﷺ, rasul-Nya dan kekasih-Nya, juga buat ahli keluarga dan para sahabat Baginda ﷺ serta orang-orang beriman yang banyak berzikir kepada Allah ﷻ.

Ammā ba'd (Adapun selepas itu):

Kami memanjatkan kesyukuran kepada Allah ﷻ di atas limpah kurnia dan taufik-Nya, kerana pihak Wisdom Publication sekali lagi dapat menerbitkan sebuah buku hasil usaha Dr. Abdullaah Jalil. Buku ini merupakan salah satu judul dalam siri “Memperbaiki Kefahaman Agama” yang diusahakan oleh beliau. Buku ini bertujuan untuk menjernihkan kefahaman berkenaan “majlis zikir” yang merupakan salah satu amalan penting dan mulia dalam agama Islam. Amalan ini telah menjadi budaya dan kebiasaan yang sangat baik di kalangan masyarakat Islam di seluruh dunia umumnya dan masyarakat Melayu Islam khususnya. Semoga Allah menerima usaha yang kerdil ini daripada kami dan menjadikannya sesuatu yang bermanfaat buat umat Islam. Ya Allah, terimalah usaha kami.

Wisdom Publication

Nilai, Negeri Sembilan

PRAKATA PENULIS



Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segala puji hanyalah bagi Allah ﷻ, yang telah memerintahkan orang-orang beriman untuk menyebut dan mengingati-Nya sebanyak-banyaknya. Selawat dan salam buat penghulu para Rasul dan Nabi ﷺ - Saidina Muhammad bin Abdullah ﷺ, rasul-Nya dan kekasih-Nya, juga buat ahli keluarga dan para sahabat Baginda ﷺ, serta orang-orang beriman yang sentiasa berzikir kepada Allah dalam keadaan sunyi dan nyata serta ketika bersendiri dan beramai-ramai.

Ammā ba'd (Adapun selepas itu):

Penulis memanjatkan segala kesyukuran kepada Allah ﷻ di atas nikmat dan taufik-Nya bagi penulis untuk mengemaskini buku ini pada malam-malam bulan Ramadan yang penuh berkah ini. Buku “Natijah Fikir dan Mutiara Nabawi berkenaan Majlis Zikir” ini diusahakan dengan tujuan untuk memperbaiki salah faham yang berlaku di kalangan sebahagian masyarakat yang dilihat tergesa-gesa dalam membuat tuduhan bid’ah dan sesat terhadap beberapa amalan para ulama’ yang muktabar dan masyarakat Islam khususnya berkaitan Majlis Zikir. Buku ini juga bertujuan untuk membuktikan bahawa Majlis Zikir/ Zikrullah adalah merupakan amalan yang mulia, penting dan mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam Islam. Bahkan, di sana terdapat begitu banyak kurniaan dan rahmat Allah bagi orang-orang yang datang dan berhimpun di dalam Majlis Zikir.

Buku ini pada asalnya adalah merupakan bahagian pertama dari sebuah buku bertajuk “Natijah Fikir dan 40 Hadith Kelebihan Zikir” yang ditulis oleh penulis pada tahun 2013. Kemudian, pada tahun 2019, buku tersebut telah dibahagikan dan dikembangkan menjadi dua buku yang baru dan tersendiri iaitu: (i) Natijah Fikir dan Mutiara Nabawi Berkenaan Majlis Zikir (2019) (Buku ini) dan (ii) 50 Hadith Utama Berkenaan Kepentingan dan Kelebihan Zikir (2019).



Edisi ini adalah merupakan edisi yang dikemaskini buat kali pertama oleh penulis sejak buku ini diterbitkan pada tahun 2019. Semoga buku ini bermanfaat buat para pembaca khususnya dan seluruh umat Islam umumnya. Dan semoga Majlis-majlis Zikrullah akan terus subur di kalangan umat Islam dan dilaksanakan dengan penuh tertib dan adab serta menjadi sebab turunnya rahmat dan pengampunan daripada Allah ﷻ.

Dr. Abdullaah Jalil

Nilai Impian, Nilai, Negeri Sembilan.

29 Ramadan 1442 Hijrah bersamaan 11 Mei 2021.

PANDUAN RINGKAS TRANSLITERASI

’	ء
b	ب
t	ت
th	ث
j	ج
ḥ	ح
kh	خ
d	د
dh	ذ
r	ر
z	ز
s	س
sh	ش
ṣ	ص
ḍ	ض

ṭ	ط
ẓ	ظ
‘	ع
gh	غ
f	ف
q	ق
k	ك
l	ل
m	م
n	ن
h	هـ
h	ة
w	و
y	ي

da	دَا
du	دُو
dī	دِي
al-Taqī	التَّقِيّ

di	دِي
dā	دَا
dū	دُو
Taqiyy al-Dīn	تَقِيّ الدِّينِ

ISI KANDUNGAN

PRAKATA PENERBIT	i
PRAKATA PENULIS	ii
PANDUAN RINGKAS TRANSLITERASI.....	iv
ISI KANDUNGAN	v
PENDAHULUAN.....	1
BAHAGIAN I: PENGENALAN PENGARANG DAN RISALAH FATWA	5
Pengenalan kepada Risalah “ <i>Natījat al-Fikr fi al-Jahr bi al-Dhikr</i> ”	6
Al-Imām al-Ḥāfiẓ al-Mawsū‘ī al-Mujtahid al-Mujaddid Jalāl Al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin Abū Bakr al-Suyūṭī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī al- Shādhīli (w.911H)	7
Para Guru dan <i>Mashāyikh</i>	9
Mengajar, Berfatwa dan Ber‘uzlah	10
Karangan	11
Manhaj	16
Mujaddid Kurun ke-9	18
Para Murid	24
Pujian Para Ulama’	25
Kewafatan.....	26
Kepentingan Fatwa Imam al-Suyuti kepada Masyarakat Islam di Malaysia.....	28
BAHAGIAN II: “NATĪJAT AL-FIKR FI AL-JAHR BI AL-DHIKR” ...	29

[Soalan].....	29
[Jawapan].....	29
Dalil Pertama [Hadith: Kemuliaan Zikrullah di dalam Perhimpunan].....	31
Dalil Kedua [Hadith: Majlis Zikrullah adalah Taman-taman Syurga].....	32
Dalil Ketiga [Hadith: Malaikat Yang Khusus Untuk Majlis Zikrullah]	33
Dalil Keempat [Hadith: Empat (4) Kelebihan Majlis Zikir] ...	35
Dalil Kelima [Hadith: Allah ﷻ Menzahirkan Keredaan-Nya dengan Majlis Zikrullah].....	36
Dalil Keenam [Hadith: Orang Munafik Mencela Orang Yang Banyak Berzikir (i)].....	37
Dalil Ketujuh [Hadith: Orang Munafik Mencela Orang Yang Banyak Berzikir (ii)].....	37
Dalil Kelapan [Hadith: Halaqah Zikir adalah Taman Syurga]	39
Dalil Kesembilan [Hadith: Majlis Ilmu dan Majlis Doa adalah Majlis Zikir].....	40
Dalil Kesepuluh [Hadith: Perhimpunan Zikrullah adalah Majlis Keampunan].....	41
Dalil Kesebelas [Hadith: Majlis-majlis Zikir di Masjid-masjid adalah Majlis Kemuliaan di Akhirat]	42
Dalil Kedua Belas [Athar: Bukit Berbangga dengan Zikir Yang Didengari]	43
Dalil Ketiga Belas [Athar: Bumi Mendengar Zikir Yang <i>Jahar</i> (Diangkat Suara/ Nyaring)]	45
Dalil Keempat Belas [Hadith: Kemuliaan Berzikir di dalam Kelompok Manusia/ Beramai-ramai].....	47
Dalil Kelima Belas [Hadith: Zikir Golongan Awwāh]	48
Dalil Keenam Belas [Hadith: Dhū al-Bijādayn - Seorang Awwāh]	49

Dalil Ketujuh Belas [Hadith: Seorang Awwāh Yang Mengangkat Suara Ketika Berzikir]	50
Dalil Kelapan Belas [Hadith: Rasulullah ﷺ dan Para Sahabat ﷺ Berzikir Tahlil dengan Berjemaah]	51
Dalil Kesembilan Belas [Hadith: Para Malaikat Yang Ditugaskan Mencari Majelis Zikir].....	52
Dalil Kedua Puluh [Hadith: Rasulullah ﷺ Diperintahkan untuk Duduk dengan Sekumpulan Para Sahabat Yang Berzikir].....	53
Dalil Kedua Puluh Satu [Hadith: Rahmat Turun ke atas Kumpulan Manusia Yang Berzikir]	55
Dalil Kedua Puluh Dua [Hadith: Beradalah di Majelis-majlis Zikir dan Sentiasalah Berzikir kerana Ia adalah Sumber Kebaikan Dunia dan Akhirat].....	56
Dalil Kedua Puluh Tiga [Hadith: Duduk bersama Kumpulan Manusia untuk Berzikir selepas Solat Subuh dan Asar]	57
Dalil Kedua Puluh Empat [<i>Sunnah Taqrīriyyah</i> / Athar: Para Sahabat ﷺ Berzikir dengan Mengangkat Suara Selepas Solat Fardu di Zaman Rasulullah ﷺ]	58
Dalil Kedua Puluh Lima [Hadith: Anjuran Melaungkan Zikir <i>Tahlil Kāmil</i> di Pasar].....	59
Dalil Kedua Puluh Enam [Hadith: Perintah Mengangkat Suara Ketika Bertakbir]	60
Dalil Kedua Puluh Tujuh [Athar: ‘Abdullah Ibnu ‘Umar <small>رضي الله عنهما</small> dan Abu Hurayrah <small>رضي الله عنه</small> Bertakbir di Pasar]	61
Dalil Kedua Puluh Sembilan [Athar: Para Sahabat ﷺ Bertakbir dengan <i>Jahar</i> (Mengangkat Suara/ Nyaring)].....	62
Dalil Ketiga Puluh [Athar: Zikir Para Sahabat ﷺ Seumpama Ombak].....	63
Ini adalah Satu Fasal [Kesimpulan dan Penerangan Tentang Kaedah Mengharmonikan Dalil-dalil Yang Pada Zahirnya Dilihat Bertentangan].....	64

[Jawapan berkenaan hadith: “Sebaik-baik Zikir adalah Yang <i>Khafi</i>]	65
[Jawapan berkenaan Tafsiran Ayat 205: Surah al-A‘rāf].....	68
[Jawapan berkenaan Tafsiran Ayat 55: Surah al-A‘rāf].....	75
[Jawapan berkenaan Riwayat Yang Dikaitkan dengan ‘Abdullāh Bin Mas‘ūd ﷺ].....	79
[Sedikit Ulasan Tambahan oleh Penterjemah]	82

BAHAGIAN III: MUTIARA NABAWI BERKENAAN MAJLIS ZIKIR⁸⁷

Pendahuluan	88
Asas Majlis Zikir di dalam Al-Qur’an (Surah al-Kahfi:28)	89
((Rasulullah ﷺ Diperintahkan untuk Duduk di dalam Majlis Zikir bersama Para Sahabat ﷺ))	91
Hadith 1: Rasulullah ﷺ Diperintahkan Untuk Duduk Bersama dengan Para Sahabat ﷺ Yang Berzikir.....	91
Hadith 2: Rasulullah ﷺ Duduk bersama Sekumpulan Sahabat Baginda ﷺ Yang Sedang Mendengar Al-Qur’an	93
Hadith 3: Rasulullah ﷺ Diperintahkan Duduk bersama Para Sahabat Baginda ﷺ Yang Berzikir	95
Hadith 4: Rasulullah ﷺ Duduk di Majlis Zikir ‘Abdullāh bin Rawāḥah ﷺ dan Sahabat-sahabat Beliau	96
Hadith 5: Rasulullah ﷺ Memuji ‘Abdullāh bin Rawāḥah ﷺ Yang Suka untuk Mengajak Sahabat Yang Lain Berzikir Bersamanya dan Menyatakan Ia adalah Majlis Kebanggaan Para Malaikat ¹⁰¹	
((Rasulullah ﷺ Cinta untuk Duduk bersama Kaum Yang Berzikir))	103
Hadith 6: Duduk Bersama di dalam Majlis Zikir Selepas Subuh dan Asar Lebih Baik dari Memerdekakan Empat Orang Hamba	103

((Anjuran Berzikir sama ada Sendiri atau Beramai-ramai))..	104
Hadith 7: Allah Mengingati Orang Yang Berzikir (Mengurniakan Rahmat Yang Khusus) – Sama Ada Dalam Sunyi Bersendirian atau Berjemaah.....	104
((Kelebihan Majlis Zikir)).....	106
Hadith 8: Majlis / Halaqah Zikrullah adalah Taman Syurga	106
8.1 Majlis-majlis Zikir adalah Penyembuh Bagi Hati.....	107
Hadith 9: Empat Kelebihan Majlis Zikir	108
Hadith 10: Majlis Zikrullah oleh Ahli Zikir (<i>Ahl al-Dhikr</i>) adalah Majlis Pengampunan Allah ﷻ dan Persaksian Para Malaikat	109
10.1 Majlis Zikir adalah Majlis Para Malaikat	113
Hadith 11: Berhimpun Untuk Zikrullah adalah Sebab Keampunan	116
Hadith 12: Kaum Yang Berkumpul Kerana Allah dan Zikrullah Dicemburui oleh Para Manusia di Akhirat Kelak.....	117
Hadith 13: <i>Ghanīmah</i> Majlis-majlis Zikrullah ialah Syurga ..	119
13.1 Ghanimah Majlis Zikir adalah Syurga.....	119
Hadith 14: Majlis Zikrullah di Masjid-masjid adalah Majlis Orang-orang Yang Mempunyai Kemuliaan di sisi Allah ﷻ	120
Hadith 15: Allah ﷻ Menzahirkan Keredaan-Nya bagi Majlis Zikrullah terhadap Para Malaikat	121
Hadith 17: Beradalah di dalam Majlis-majlis Zikrullah dan Masuklah Waktu Pagi dan Petang dalam Keadaan Berzikir .	123
Hadith 18: Majlis Zikir adalah Majlis Keampunan dan Rahmat Allah ﷻ	125
((Kehinaan Majlis Tanpa Zikrullah)).....	127
Hadith 19: Majlis Tanpa Zikrullah Busuk Seumpama Bangkai	127
Hadith 20: Majlis Tanpa Zikrullah adalah Satu Penyesalan .	128

Hadith 21: Penyesalan Ahli Syurga kerana Tidak Berzikir / Melazimi <i>Zikrullah</i> Di Dunia	129
PENUTUP	130
PENULIS	136
BIBLIOGRAFI	139

PENDAHULUAN



Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segala puji hanyalah bagi Allah ﷻ, Tuhan semesta alam, yang bertasbih kepada-Nya segala makhluk di bumi dan di langit, pada setiap saat, di waktu pagi dan petang, siang dan malam, dalam keadaan susah dan senang.

Selawat dan Salam buat penghulu kita, Nabi Muhammad ﷺ, yang sentiasa berzikir kepada Allah ﷻ dalam setiap keadaan dan waktunya, juga bagi ahli keluarga serta para sahabat Baginda ﷺ, yang merupakan para lelaki dan wanita yang berzikir kepada Allah ﷻ dengan sebanyak-banyaknya.

Ammā baʿd (Adapun selepas itu),

Zikrullah adalah satu perkara yang amat diberi perhatian dan diambil berat oleh Rasulullah ﷺ, para sahabat Baginda ﷺ serta para ulama' dari generasi Salafus Soleh. Mengapa tidak?! Bukankah amalan zikrullah itu dishariatkan lebih awal berbanding shariat solat fardu lima waktu?! Ini juga adalah kerana zikrullah itu merupakan sokongan bagi Iman sepertimana solat sunat, puasa sunat, sedekah dan umrah menjadi sokongan bagi solat fardu, puasa Ramadan, zakat dan kewajipan Haji.

Para ulama' menyatakan kelalaian (hati) daripada mengingati Allah adalah punca segala maksiat. Bahkan, kelalaian daripada zikrullah itu adalah salah satu daripada tiga lembah kejahatan, maksiat dan kekufuran yang ingin dipacakkan oleh syaitan di kalangan manusia. Allah ﷻ berfirman (al-Mā'idah:91):

﴿ إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيُصَدِّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنتَهُونَ ﴾

“[91] Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan:

- (i) permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan
- (ii) **mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah (zikrullah)** dan
- (iii) [memalingkan kamu] daripada mengerjakan sembahyang.


Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?.”

Masyarakat tempatan di bumi kita ini amat bertuah kerana mereka dapat mengamalkan amalan-amalan zikrullah yang telah disusun rapi berdasarkan nas-nas Shariat dan Athar oleh para ulama', khususnya ulama' Sufi dan tarikat-tarikat muktabar. Berdasarkan pemerhatian penulis, terdapat empat (4) amalan zikrullah secara berjemaah atau majlis zikir yang tersebar luas di dalam masyarakat Melayu Islam di Malaysia dan telah diamalkan sejak zaman berzaman lagi dengan berkat usaha yang dilakukan oleh para ulama' kita yang terdahulu.

Empat amalan tersebut ialah:

- i. Zikir secara berjemaah selepas solat fardu (berdasarkan *al-Awrād al-Qushshāshiyah/ al-Madaniyyah*);
- ii. Bacaan Yasin secara berjemaah dan diiringi dengan doa, khususnya pada malam Jumaat di masjid dan surau;
- iii. Amalan Tahlil secara berjemaah; serta
- iv. Majlis Mawlid Nabi ﷺ yang diisi dengan majlis ilmu, zikrullah khususnya Selawat, qasidah puji-pujian buat Baginda ﷺ berserta doa.

Gambarajah 1: Empat Majlis Zikir (Zikir Berjemaah dengan Suara *Jahr*) Yang Menjadi Amalan Masyarakat Melayu di Malaysia



Amalan-amalan ini merupakan salah satu tunjang kekuatan yang dimiliki oleh umat Islam, khususnya di tanahair kita ini dan padanya begitu banyak keberkatan dan fadilat yang amat besar. Bahkan padanya jua ada *silaturrahim* dan *ukhuwwah Islamiyyah*. Suara-

suara syubhat yang cuba menjauhkan umat Islam daripada amalan-amalan zikrullah seperti ini perlulah dijauhi dan dibasmi dengan hujah penerangan dan hikmah.

Oleh kerana itu, penulis berpendapat bahawa fatwa Imam al-Suyuti ini wajar diterjemahkan dan dikehadapkan ke dalam masyarakat Islam tempatan di tanahair kita ini agar kefahaman masyarakat awam berkenaan amalan zikrullah secara berjemaah ini dapat dipertingkatkan dan syubhat-syubhat yang ditimbulkan oleh sebahagian pihak dapat ditangkis dengan jawapan yang ilmiah lagi beradab. Di samping itu, himpunan hadith-hadith berkenaan kelebihan dan kemuliaan majlis zikir juga dimuatkan di dalam bahagian kedua buku ini agar pembaca dapat menghargai kepentingan dan ketinggian majlis zikir ini dari perspektif Shariat.

Semoga buku ini dapat menjernihkan suasana dan merapatkan saf-saf umat Islam di bumi tercinta ini di atas nama dan amalan zikrullah serta dapat menanam rasa cinta di dalam hati kita kepada amalan dan majlis zikrullah. Amin.

Perbincangan di dalam buku ini dibahagikan kepada tiga (3) bahagian seperti berikut:

Bahagian I	Pendahuluan berkenaan Imam al-Suyuti, Risalah Fatwa “ <i>Natijat al-Fikr</i> ” dan Kepentingannya
Bahagian II	Terjemahan Risalah “ <i>Natijat al-Fikr fi al-Jahr bi al-Dhikr</i> ”
Bahagian III	Mutiara Nabawi berkenaan Majlis Zikir

**BAHAGIAN I: PENGENALAN PENGARANG DAN RISALAH
FATWA**

Risalah Fatwa Natijah Fikir

نَتِيجَةُ الْفِكْرِ
فِي الْجَهْرِ بِالذِّكْرِ

AL-IMĀM AL-ḤĀFIẒ JALĀL AL-DĪN

‘ABD AL-RAḤMĀN BIN ABŪ BAKR

AL-SUYŪṬĪ AL-SHĀFI‘Ī AL-ASH‘ARĪ AL-SHĀDHILĪ

(849 Hijrah – 911 Hijrah)

Pengenalan kepada Risalah “*Natījat al-Fikr fī al-Jahr bi al-Dhikr*”

“*Natījat al-Fikr fī al-Jahr bi al-Dhikr*” (نتيجة الفكر في الجهر بالذكر) adalah merupakan satu juzu’ fatwa daripada himpunan fatwa-fatwa Imam Jalal al-Din al-Suyuti di dalam kitabnya *al-Ḥāwī li al-Fatāwī* (الحاوي للفتاوى). Ia merupakan satu juzu’ daripada fatwa-fatwa berkaitan *Adāb* dan *al-Raqā’iq* yang diletak di dalam bahagian fatwa-fatwa berkaitan hadith (*al-fatāwā al-ḥadīthiyah*). *Natījat al-Fikr* secara ringkasnya adalah merupakan jawapan bagi pertanyaan yang ditujukan kepada beliau berkenaan amalan para ulama Sufi yang berzikir dengan suara yang *jahr* (diangkat/ nyaring dan didengari) dan halaqah-halaqah zikir yang dilakukan di dalam masjid.

Di dalam risalah ini, Imam al-Suyuti telah mengemukakan tiga puluh (30) dalil yang menyokong amalan ini. Di samping itu, beliau membincangkan berkenaan tafsiran beberapa ayat al-Qur’an dan memberikan jawapan bagi beberapa isu yang ditimbulkan. Kitab *al-Ḥāwī li al-Fatāwī* merupakan salah satu kitab fatwa yang amat penting dan istimewa khususnya di dalam mazhab al-Shafi’i. Di dalam kitab ini, Imam al-Suyuti meletakkan sebahagian fatwa-fatwa beliau yang dirasakan penting dan mempunyai manfaat yang besar. Fatwa-fatwa yang dibentangkan di dalam kitab ini merangkumi bidang Fiqh, Usul al-Fiqh, Tafsir, Hadith, Tasawwuf, Nahu, dan pelbagai bidang ilmu yang lain. Sebahagian fatwa beliau adalah dalam bentuk risalah-risalah yang sedikit panjang seperti “*Natījat al-Fikr fī al-Jahri bi al-Dhikr*” ini.

Al-Imām al-Ḥāfiẓ al-Mawsū‘ī al-Mujtahid al-Mujaddid Jalāl Al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin Abū Bakr al-Suyūṭī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī al-Shādhīli (w.911H)

Kedudukan Imam al-Suyuti di dalam dunia keilmuan Islam adalah begitu masyhur. Imam al-Suyuti menguasai pelbagai bidang ilmu Islam dan sememangnya terkenal dengan penulisan beliau yang begitu banyak dan merangkumi pelbagai bidang ilmu. Berdasarkan hakikat ini, beliau digelar sebagai “al-Mawsu‘ī” – ilmunan ensiklopedik.

Nama penuh beliau ialah al-Imām al-Ḥāfiẓ Abū al-Faḍl Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī **‘Abd al-Raḥmān** bin Kamāl al-Dīn Abū al-Manāqib Abū Bakr bin Nāṣir al-Dīn Muḥammad bin Sabiq al-Din Abu Bakr bin Fakhr al-Din ‘Uthman bin Nasir Muhammad bin Sayf al-Din bin Najm al-Din Abu al-Salah Ayyub bin Nasir al-Din Muhammad bin al-Shaykh Humām al-Din al-Asiyuti.

Beliau dilahirkan di Kaherah selepas Maghrib, malam hari Ahad di bulan Rajab, tahun 849 Hijrah atau bulan September/Oktober 1445 Masihi. Beliau telah lahir dalam sebuah keluarga yang masyhur dengan agama dan ilmu sepertimana yang dapat dilihat pada nasab beliau. Bapa beliau adalah daripada kalangan para ulama’ yang soleh dan mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam ilmu Islam. Bapa beliau merupakan seorang Imam di dalam Fiqh, Fara‘id dan ilmu-ilmu yang lain. Moyang beliau al-Shaykh Humām al-Din sememangnya terkenal sebagai Ahl al-Haqiqah dari kalangan para mashayikh Sufi.

Beliau juga digelar dengan “*Ibn al-Kutub*”, yang bermaksud “Anak Buku-buku”. Ini adalah kerana sebelum saat kelahirannya, bapanya meminta ibunya untuk mengambil sebuah kitab, namun begitu sewaktu ibunya ingin mengambil kitab tersebut, ibunya telah melahirkannya di antara kitab-kitab yang terdapat di situ. Beliau kemudiannya dibesarkan di kota yang sama. Bapa beliau pernah membawa beliau menghadiri majlis al-Imam Amir al-Mu’minin fi al-Hadith al-Hafiz Ibnu Hajar al-‘Asqalani ketika beliau berumur tiga (3) tahun. Beliau telah menghafal al-Qur’an di bawah didikan bapanya sehingga surah al-Tahrir.

Beliau menjadi anak yatim ketika memasuki umur (6) tahun. Setelah itu, beliau dijaga dan dididik oleh beberapa orang para ulama’ yang merupakan sahabat bagi bapanya, di antara mereka ialah al-Shaykh al-Imam Jamal al-Din bin al-Humam al-Hanafi. Beliau kemudiannya melengkapkan hafazan al-Qur’an pada umur lapan (8) tahun. Setelah menghafal al-Qur’an, beliau menghafal beberapa buah kitab seperti ‘Umdat al-Ahkam, al-Minhaj (Imam al-Nawawi), Alfiyah Ibn Malik, al-Minhaj (al-Baydawi) dan beliau telah membentangkan hafalan beliau ini di hadapan guru-gurunya. Semua ini dilakukan ketika beliau masih sangat muda. Beliau sememangnya dilihat mempunyai kebijaksanaan dan kekuatan ingatan yang luar biasa.

Sebelum berumur lima belas (15) tahun, Imam al-Suyuti telah memulakan permusafiran bagi menuntut ilmu. Dalam menuntut ilmu, beliau telah bermusafir ke kota-kota ilmu di Mesir selain al-Qahirah seperti Mahallah, Dumyat dan Fayyum, bahkan beliau berkelana sehingga Damsyik, Hijaz, Yaman, Guinea (Takrur) dan Maghribi.

Para Guru dan *Mashāyikh*

Imam al-Suyuti hidup pada zaman yang penuh dengan para ulama' yang masyhur, maka tidak hairanlah jika beliau mempunyai sekitar enam ratus (600) orang guru termasuk dari kalangan para wanita. Sebahagian pengkaji menyatakan beliau mempunyai sekitar 150 para *mashayikh*. Kebanyakan daripada guru-guru beliau adalah para ulama' mazhab Shafie dan mazhab Hanafi.

Manhaj beliau dalam belajar ialah beliau akan memilih guru untuk dilazimi dan beliau melaziminya sehinggalah gurunya itu wafat. Guru beliau yang paling utama bagi beliau ialah Imam Muhyi al-Din al-Kafayji yang digelar oleh beliau sebagai Ustadh al-Wujud. Imam al-Suyuti melazimi beliau selama empat belas (14) tahun penuh dan beliau mengambil kebanyakan ilmunya daripada beliau dalam bidang Tafsir, Usul, Bahasa Arab dan Ma'ani. Dan di antara guru-guru beliau yang lain dan terkenal adalah:

- Shaykh al-Islam Siraj al-Din al-Bulqini – Fiqh Shafie.
- Shaykh al-Islam Sharaf al-Din al-Munawi – Tafsir al-Qur'an dan Fiqh.
- Taqiyy al-Din al-Shamani – Hadith dan sastera Arab.
- Jalal al-Din al-Mahalli al-Shafi'i – Imam al-Suyuti melengkapkan Tafsir al-Jalalayn selepas beliau.
- Shaykh al-Hanafiyyah Shihab al-Din al-Sharmisahi.
- Al-'Izz al-Hanbali
- Sayf al-Din Qasim bin Qatlubagha

Di antara guru-guru beliau dari kalangan wanita ialah:

- Asiyah binti Jarullah bin Salih al-Tabari

- Kamaliyyah binti ‘Abdullah bin Muhammad al-Asfahani
- Ummu Hani’ binti al-Hafiz Taqiyy al-Din Muhammad bin Muhammad bin Fahd al-Makki
- Khadijah binti Faraj al-Zayla‘i

Mengajar, Berfatwa dan Ber‘uzlah

Imam al-Suyuti diberi keizinan untuk mengajar ketika beliau mencapai umur tujuh belas (17) tahun dan beliau mula mengajar ilmu bahasa Arab. Beliau juga mula menulis ketika berumur tujuh belas (17) tahun dan kitab beliau yang pertama bertajuk: “*Sharḥ al-Isti‘ādḥah wa al-Basmalah*”. Beliau telah dipuji oleh gurunya ‘Alam al-Din al-Bulqini berkenaan hal ini dan gurunya telah menyediakan satu *taqrīz* (pujian) bagi kitab tersebut. Imam al-Suyuti juga pernah mengajar Hadith di Madrasah Shaykhuniyyah dan Khanqah Baybarsiyyah.

Imam al-Suyuti mula berfatwa berdasarkan mazhab al-Shafi‘i sejak tahun 871H ketika beliau berusia dua puluh dua (22) atau dua puluh tujuh (27) tahun sehingga umur beliau hampir mencecah empat puluh (40) tahun. Dan ketika beliau mencecah umur sekitar 40 tahun, beliau mula ber‘uzlah daripada berfatwa, mengajar dan daripada menjalani kehidupan umum serta terus melazimi rumah beliau di Rawdat al-Miqyas berdekatan sungai Nil. Dan berkenaan dengan keputusan ini, beliau telah mengarang dua buah kitab memperjelaskan keuzuran beliau ini iaitu: “*al-Maqamah al-Lu’lu’iyyah*” dan “*al-Tanfīs fi al-‘Itidḥar ‘an Tark al-Iftā’ wa al-Tadris.*”

Karangan

Al-Shaykh Ahmad al-Sharqawi menyebut bahawa karangan Imam al-Suyuti mencapai sehingga 725 buah. Dalil Makhtutat al-Suyuti (2009) (Cetakan kedua) yang diusahakan oleh al-Shaykh ‘Abdullah al-Mubarak al-Sabah dengan kerjasama Pusat Makhtutat, Turath dan Watha’iq di Kuwait telah mencatatkan bahawa manuskrip penulisan Imam al-Suyuti melebihi 1080 manuskrip, di mana terdapat 724 manuskrip yang telah dikenal pasti tempatnya, 187 karangan yang masih belum diketahui tempatnya dan 278 karangannya yang telah diterbitkan.

Di antara kitab-kitab beliau ialah:

1. Al-Itqan fi ‘Ulum al-Qur’an
2. Al-Iklil fi Istinbat al-Tanzil
3. Tabaqat al-Mufassirin
4. Al-Durr al-Manthur fi al-Tafsir bi al-Ma’thur
5. Al-Tahbir fi ‘Ulum al-Tafsir
6. Tafsir al-Jalalayn – Beliau melengkapkan kerja gurunya Imam Jalal al-Din al-Mahalli pada separuh kedua dan beliau menyiapkannya hanya dalam tempoh 40 hari.
7. Jam‘ al-Jawami‘ (juga dikenali sebagai al-Jami‘ al-Kabir)- 10 jilid kitab himpunan hadith Rasulullah ﷺ.
8. Tadrib al-Rawi fi Sharh Taqrib al-Nawawi
9. Tanwir al-Hawalik fi Sharh Muwatta’ al-Imam Malik
10. Al-Durar al-Muntathirah fi al-Ahadith al-Mushtahirah/ al-Mushtaharah
11. Al-Jami‘ al-Saghir fi Ahadith al-Bashir al-Nadhir

12. Tabaqat al-Huffaz
13. Al-Ashbah wa al-Naza'ir fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i
14. Al-Hawi li al-Fatawi fi al-fiqh wa-`ulum al-tafsir wa-al-hadith wa-al-usul wa-al-nahw wa-al-i`rab wa-sa'ir al-funun
15. Al-Jami' fi al-Fara'id
16. Tashnif al-Asma' bi Masa'il al-Ijma'
17. Al-Isabah fi Ma'rifat al-Sahabah
18. Tabaqat al-Usuliyin
19. Abwab al Sa'adah fi Asbab al-Shahadah
20. Al-Ashbah wa al-Naza'ir [fi al-'Arabiyyah]
21. Al-Ahadith al-Hisan fi Fadl al-Taylasan
22. Al-Fawz al-'Azim fi Liqa' al-Karim
23. Alfiyyah al-Suyuti [al-Nahwiyyah]
24. Alfiyyah al-Suyuti [fi Mustalah al-Hadith]
25. 'Amal al-Yawm wa al-Laylah
26. Anis al-Jalis
27. Asbab al-Nuzul
28. Isbal al-Kisa' ala al-Nisa'
29. Asrar Tartib al-Qur'an
30. Al-Ayah al-Kubra fi Sharh Qissat al-Isra'
31. 'Ayn al-Isabah fi Istidrak 'A'ishah [عائشة] 'ala al-Sahabah
32. Al-Azhar al-Mutanathirah fi al-Ahadith al-Mutawatirah
33. Al-Bahir fi Hukm al-Nabi ﷺ
34. Al-Bahjah al-Mardiyyah fi Sharh al-Alfiyyah
35. Bushra al-Ka'ib bi Liqa' al-Habib
36. Al-Dibaj ala Sahih Muslim ibn al-Hajjaj

37. Haqiqat al-Sunnah wa al-Bid'ah / al-Amr bi al-Ittiba' wa al-Nahy 'an al-Munkar
38. Al-Hujaj al-Mubayyanah fi al-Tafdil bayna Makkah wa al-Madinah
39. Husn al-Maqsid fi 'Amal al-Mawlid
40. Husn al-Samt fi al-Samt
41. Ihya' al-Mayyit bi Fada'il Ahl al-Bayt
42. Ikhtilaf al-Madhahib
43. Inbah al-Adhkiya' fi Hayat al-Anbiya'
44. Al-Iqtirah fi 'Ilm Usul al-Nahw
45. Al-Izdihar fi Ma 'Aqadahu al-Shu'ara' min al-Ahadith wa al-Athar
46. Jazil al-Mawahib fi Ikhtilaf al-Madhahib
47. Al-Kanz al-Madfun wa al-Falak al-Mashhun
48. Kashf al-Salsalah 'an Wasf al-Zalزالah
49. Al-Radd 'ala Man Akhlada ila al-Ard wa Jahila anna al-Ijtihad fi Kulli 'Asr Fard
50. Al-Shamarikh fi 'Ilm al-Tarikh
51. Al-Shihab al-Thaqib fi Dhamm al-Khalil
52. Al-Tadhkir bi al-Marji' wa al-Masir
53. Asma' al-Mudallisin
54. Bughyat al-Wu'at fi Tabaqat al-Lughawiyyin
55. Ham' al-Hawami' Sharh Jam' al-Jawami' fi 'Ilm al-Nahw
56. Husn al-Muhadarah fi Akhbar Misr wa al-Qahirah
57. Itmam al-Dirayah li Qurra' al-Nuqayah
58. Lubb al-Lubab fi Tahrir al-Ansab

59. Tazyin al-Mamalik bi Manaqib Sayyidina Malik
60. Tuhfat al-Mujalis wa Nuzhat al-Majalis
61. Laqat al-Marjan fi Ahkam al-Jann
62. Lubab al-Nuqul fi Asbab al-Nuzul
63. Al-Luma' fi Khasa'is Yawm al-Juma'
64. Manahil al-Safa fi Takhrij Ahadith al-Shifa
65. Manaqib al-Khulafa' al-Rashidin
66. Al-Manhaj al-Sawi wa al-Manhal al-Rawi fi al-Tibb al-Nabawi
67. Al-Maqamat al-Sundusiyah fi al-Nisbah al-Mustafawiyah
68. Al-Masabih fi Salat al-Tarawih
69. Masalik al-Hunafa fi Walidayy al-Mustafa [ﷺ]
70. Miftah al-Jannah fi al-I'tisam bi al-Sunnah
71. Mufhimat al-Aqran fi Mubhamat al-Qur'an
72. Al-Muhadhdhab fi Ma Waqa'a fi al-Qur'an min al-Mu'arrab
73. Mukhtasar Sharh al-Jami' al-Saghir li al-Munawi
74. Muntaha al-'Amal fi Sharh Hadith Innama al-A'mal
75. Musnad Fatimah al-Zahra' ﷺ wa Ma Warada fi Dadliha
76. Nuzul 'Isa ibn Maryam [ﷺ] Akhir al-Zaman
77. Al-Rawd al-Aniq fi Fadl al-Siddiq (ﷺ)
78. Al-Ghurar fi Fada'il 'Umar (ﷺ)
79. Tuhfat al-'Ajlan fi Fada'il 'Uthman (ﷺ)
80. Al-Qawl al-Jali fi Fada'il 'Ali (ﷺ)
81. Al-Rahmah fi al-Tibb wa al-Hikmah

82. Sawn al-Mantiq wa al-Kalam ‘an Fann al-Mantiq wa al-Kalam
83. Sharh al-Sudur bi Sharh Hal al-Mawta wa al-Qubur
84. Sharh al-Urjuzah al-Musamma bi ‘Uqud al-Juman fi ‘Alam al-Ma‘ani wa al-Bayan
85. Shurut al-Mufassir wa Adabuh
86. Siham al-Isabah fi al-Da‘awat al-Mustajabah
87. Ta‘aqqubat al-Suyuti ‘ala Mawdu‘at Ibn al-Jawzi
88. Tabyid al-Sahifah bi Manaqib al-Imam Abi Hanifah
89. Al-Tadhyil wa al-Tadhnib ‘ala al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar
90. Tahdhib al-Khasa’is al-Nabawiyah al-Kubra
91. Tahdhir al-Khawass min Akadhib al-Qussas
92. Takhrij Ahadith Sharh al-Mawaqif fi ‘Ilm al-Kalam
93. Tanbih al-Ghabi fi Takhti’at Ibn ‘Arabi
94. Tanwir al-Miqbas min Tafsir Ibn ‘Abbas
95. Tanzih al-Anbiya’ ‘an Tashbih al-Aghbiya’
96. Taqrir al-Istinad fi Tafsir al-Ijtihad
97. Al-Ta‘rif bi Adab al-Ta’lif
98. Tartib Suwar al-Qur’an
99. Ta’yid al-Haqiqah al-‘Aliyyah wa Tashyid al-Tariqah al-Shadhiliyyah
100. Al-Ta‘zim wa al-Minnah fi anna Abaway Rasulillah ﷺ fi al-Jannah
101. Tuhfat al-Abrar bi Nukat al-Adhkar li al-Nawawi
102. Wusul al-Amani bi Usul al-Tahani


103. Badhl al-Himmah fi Talab Bara'at al-Dhimmah
104. Daqai'q al-akhbar fi dhikr al-jannah wa al-nar
105. Al-Ithaf bi hubb al-Ashraf
106. Al-Maqamah al-Lu'lu'iyah
107. Al-Tanfīs fi al-I'tidhar 'an Tark al-Ifta' wa al-Tadris

dan lain-lain.

Manhaj


Beliau adalah di antara ulama' yang bermanhaj dengan al-Asha'irah di dalam bidang aqidah dan al-Shafi'iyah di dalam bidang fiqh. Manakala di dalam bidang tarikat dan tasawwuf, Imam al-Suyuti bermanhaj di atas Tariqah al-Shadhiliyyah/ al-Shadhuliyyah.

Gambarajah 2: Manhaj Imam al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti



Guru beliau di dalam bidang tariqah Tasawwuf ialah al-Shaykh al-Kamil Muhammad bin ‘Umar al-Shadhili/ al-Shadhuli.

Beliau juga ada mengarang sebuah kitab yang bertajuk: “*Ta’yīd al-Ḥaqīqah al-‘Aliyyah wa Tashyīd al-Ṭarīqah al-Shādhiliyyah*” [Rujuk gambar di sebelah¹] di dalam menerangkan kedudukan Tariqah al-Shadhiliyyah.



¹ Kitab beliau ini ditashih dan dita'liq oleh al-Shaykh al-Hafiz ‘Abdullah al-Siddiq al-Ghumari.

Mujaddid Kurun ke-9

Imam al-Suyuti sememangnya layak diangkat sebagai Mujaddid kurun-9 bersama dengan tokoh-tokoh mujaddid yang lain seperti mana doanya. Beliau merakamkan doa ini di dalam nazamnya bertajuk “Tuḥfat al-Muhtadīn bi Akhbār al-Mujaddidīn”.



Jadual 1: Para Mujaddid Menurut Imam al-Suyuti dan Doa Beliau agar Dijadikan Allah ﷻ sebagai Mujaddid

<p>الْمَانِحِ الْفَضْلَ لِأَهْلِ السُّنَّةِ</p>	<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَظِيمِ الْمِنَّةِ</p>
<p>Segala puji bagi Allah yang Maha Agung dalam memberi kurniaan, lagi yang Maha Memberi limpah kurniaan/ kelebihan kepada Ahli Sunnah [dan Jama'ah].</p>	
<p>عَلَى نَبِيِّ دِينِهِ لَا يَنْدَرِسُ</p>	<p>ثُمَّ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ نَلْتَمِسُ</p>
<p>Kemudian selawat dan salam kami pohonkan, ke atas Nabi [Muhammad ﷺ] yang agamanya tidak akan lenyap.</p>	
<p>رَوَاهُ كُلُّ حَافِظٍ مُعْتَبَرٍ</p>	<p>لَقَدْ أَتَى فِي خَيْرِ مُشْتَهَرٍ</p>
<p>Sesungguhnya telah datang di dalam khabar (hadith) yang masyhur; setiap hafiz yang diperakui [keilmuannya dalam hadith] telah meriwayatkannya.</p>	

يَبْعَثُ رَبُّنَا هِدْيَ الْأُمَّةِ	بِأَنَّهُ فِي رَأْسِ كُلِّ مِائَةٍ
Bahawa sesungguhnya pada setiap awal seratus tahun (kurun), Tuhan kita akan membangkitkan bagi umat ini.	
دِينَ الْهُدَى لِأَنَّهُ مُجْتَهِدٌ	مَنَا عَلَيْهَا عَالِمًا يُجَدِّدُ
Sebagai kurniaan ke atas umat ini - seorang alim yang akan memperbaharui (menghidupkan), agama petunjuk ini kerana beliau adalah seorang mujtahid.	
خَلِيفَةُ الْعَدْلِ بِإِجْمَاعٍ وَقَرَّ	فَكَانَ عِنْدَ الْمِائَةِ الْأُولَى عُمَرُ
Maka pada kurun yang pertama [si mujaddid] ialah [Khalifah] Umar [bin ‘Abd al-‘Aziz] (w.101H) , Sang khalifah yang adil, <u>secara ijma’</u> ditetapkan.	
لِمَا لَهُ مِنَ الْعُلُومِ السَّامِيَةِ	وَالشَّافِعِيِّ كَانَ عِنْدَ الثَّانِيَةِ
Dan [Imam] al-Shafie (w.204H) adalah mujaddid pada kurun kedua, kerana baginya itu ilmu-ilmu yang sangat tinggi.	
وَالْأَشْعَرِيُّ عَدَّهُ مِنْ أُمَّةٍ	وَأَبْنُ سُرَيْجٍ ثَالِثُ الْأُمَّةِ
Dan [Imam] Ibnu Surayj (w.306H) adalah mujaddid [kurun] yang ketiga, dan [Imam Abu al-Hasan] al-Ash’ari (w.324H) dikira mujaddid oleh mereka (para ulama’) yang mengangkat beliau sebagai Imam.	

<p>الْإِسْفَرَايِينِيُّ خُلْفٌ قَدْ حَكَّوْا</p>	<p>وَالْبَاقِلَانِيُّ رَابِعٌ أَوْ سَهْلٌ أَوْ</p>
<p>Dan [Imam Abu Bakr] al-Baqillani (w.402H) itu adalah yang keempat, ataupun [Imam Abu al-Tayyib] Sahl [al-Saʿluki] (w.404H) atau, [Imam Abu Hamid] al-Isfarayini (w.406H), terdapat khilaf dalam hal ini seperti yang mereka nyatakan.</p>	
<p>وَعَدُهُ مَا فِيهِ مِنْ جِدَالٍ</p>	<p>وَالْحَامِسُ: الْحَبْرُ هُوَ الْغَزَالِيُّ</p>
<p>Dan yang kelima adalah si pendeta Imam al-Ghazali (w.505H), dan pengiraan beliau sebagai mujaddid <u>tidak ada padanya perdebatan.</u></p>	
<p>وَالرَّافِعِيُّ مِثْلُهُ يُوَارِي</p>	<p>وَالسَّادِسُ: الْفَخْرُ الْإِمَامُ الرَّازِيُّ</p>
<p>Dan yang keenam ialah [Imam] Fakhr al-Din al-Razi (w.606H), dan Imam al-Rafi'i (w.623H) seumpamanya seiringan.</p>	
<p>إِبْنُ دَقِيقِ الْعَيْدِ بِاتِّفَاقٍ</p>	<p>وَالسَّابِعُ: الرَّاقِي إِلَى الْمِرَاقِي</p>
<p>Dan yang ketujuh ialah dia yang meningkat ke pelbagai tingkatan [kemuliaan], [Imam] Ibnu Daqiq al-'Id (w.702H) dengan <u>sepakat.</u></p>	
<p>أَوْ حَافِظُ الْأَنَامِ زَيْنُ الدِّينِ</p>	<p>وَالثَّامِنُ: الْحَبْرُ هُوَ الْبُلْقِينِيُّ</p>
<p>Dan yang kelapan ialah si pendeta [Imam Siraj al-Din] al-Bulqini (w.805H), atau Hafiz al-Anam [Imam] Zayn al-Din [al-'Iraqi] (w.806H).</p>	

وَهُوَ عَلَى حَيَاتِهِ بَيْنَ الْفِتْنَةِ	وَالشَّرْطُ فِي ذَلِكَ أَنْ تَمُضِيَ الْمِائَةُ
Dan syaratnya ialah apabila berlalunya kurun tersebut, beliau (si mujaddid) masih hidup di kalangan mereka.	
وَيَنْصُرُ السُّنَّةَ فِي كَلَامِهِ	يُشَارُ بِالْعِلْمِ إِلَى مَقَامِهِ
Ditunjuk dengan ilmu pada kedudukannya, dan beliau menghidupkan Sunnah [Rasulullah ﷺ] dengan kalamnya.	
وَأَنْ يَعْمَ عِلْمُهُ أَهْلَ الزَّمَنِ	وَأَنْ يَكُونَ جَامِعًا لِكُلِّ فَنٍ
Dan hendaklah beliau menghimpunkan semua jenis ilmu, dan [manfaat] ilmunya itu tersebar luas kepada ahli zamannya.	
مِنْ أَهْلِ بَيْتِ الْمُصْطَفَى، وَقَدْ قَوِيَ	وَأَنْ يَكُونَ فِي حَدِيثٍ قَدْ رُوِيَ
Dan dalam sebuah hadith yang diriwayatkan [berkenaan Imam Mahdi], beliau hendaklah, daripada keturunan keluarga [Rasulullah] al-Mustafa [ﷺ], dan ia riwayat yang kuat.	
قَدْ نَطَقَ الْحَدِيثُ وَالْجُمْهُورُ	وَكَوْنُهُ قَرْدًا هُوَ الْمَشْهُورُ
Dan dia adalah seorang individu, mengikut pandangan yang masyhur, yang telah disebut oleh hadith dan majoriti ulama'.	
أَنْتَ، وَلَا يُخَلَفُ مَا الْهَادِي وَعَدُ	وَهَذِهِ تَاسِعَةُ الْمِئِينَ قَدْ
Dan ini adalah kurun yang kesembilan sesungguhnya telah datang, tidaklah [Allah] Yang Maha Memberi Petunjuk itu memungkiri janji[-Nya].	

فِيهَا فَفَضَّلُ اللهُ لَيْسَ يُجَدِّدُ	وَقَدْ رَجَوْتُ أَنِّي الْمُجَدِّدُ
<p>Dan sesungguhnya aku berharap bahawa aku adalah seorang mujaddid: (Imam al-Suyuti) (w.911H) padanya, maka sesungguhnya kurniaan Allah itu tidak dinafikan.</p>	
عِيسَى نَبِيُّ اللهِ ذُو الْآيَاتِ	وَأَخِرَ الْمِينِ فِيمَا يَأْتِي
<p>Dan pada akhir abad nanti yang akan datang, Nabi ‘Isa ﷺ yang memiliki tanda-tanda [kenabiannya] [akan muncul].</p>	
وَفِي الصَّلَاةِ بَعْضَنَا قَدْ أَمَّه	يُجَدِّدُ الدِّينَ هَذِي الْأُمَّةُ
<p>Memperbaharui (menghidupkan) agama bagi umat ini, dan di dalam solat kelak sebahagian daripada kita [iaitu Imam Mahdi] akan menjadi imam baginya.</p>	
بِحُكْمِنَا إِذْ فِي السَّمَاءِ يُعَلِّمُ	مُقَرَّرًا لِشَرْعِنَا وَيُحْكِمُ
<p>Beliau datang menetapkan Shariat kita, dan berhukum dengan hukum [Shariat] kita, tatkala di langit beliau telah diberi ilmu [tentang Shariat ini].</p>	
وَيُرْفَعُ الْقُرْآنُ مِثْلَ مَا بِيَدِي	وَبَعْدَهُ لَمْ يَبْقَ مِنْ مُجَدِّدٍ
<p>Dan selepas kewafatan beliau kelak, tidak akan ada lagi mujaddid, dan al-Qur’an akan diangkat seperti bermulanya.</p>	

<p>مِنْ رَفَعِهِ إِلَى قِيَامِ السَّاعَةِ</p>	<p>وَتَكْثُرُ الْأَشْرَارُ وَالْإِضَاعَةُ</p>
<p>Dan orang-orang jahat akan bertambah ramai serta agama akan disia-siakan, sejak daripada al-Qur'an diangkat sehinggalah berlakunya Kiamat.</p>	
<p>وَمَا جَلَّ مِنْ الْحَقِّ وَأَنْعَمًا</p>	<p>وَأَحْمَدُ اللَّهَ عَلَى مَا عَلَّمَا</p>
<p>Dan aku memuji Allah di atas apa yang telah Dia ajarkan, dan di atas ilmu yang menjadi terang dari tersembunyi, dan di atas apa yang Dia kurniakan.</p>	
<p>وَالْآلِ مَعَ أَصْحَابِهِ الْمَكْرُمَةِ</p>	<p>مُصَلِّيًا عَلَى نَبِيِّ الرَّحْمَةِ</p>
<p>Juga aku berselawat ke atas Nabi [Muhammad ﷺ] yang membawa rahmat, juga ke atas ahli keluarga/para pengikut Baginda ﷺ serta para Sahabat ﷺ yang dimuliakan.</p>	



Jadual 2: Senarai Nama Mujaddid Menurut Imam al-Suyuti

Kurun	Mujaddid
Pertama	Khalifah Umar bin ‘Abd al-‘Azīz (w.101H)
Kedua	Imam Muhammad bin Idris al-Shafi‘i (w.204H)
Ketiga	Imam Ibnu Surayj (w.306H) / Imam Abu al-Hasan al-Ash‘ari (w.324H)
Keempat	Imam Abu Bakr al-Baqillani (w.402H) / Imam Abu al-Tayyib Sahl al-Ṣa‘luki (w.404H) / Imam Abu Hamid al-Isfarayini (w.406H)
Kelima	Imam Hujjat al-Islam Abu Hamid Muhammad al-Ghazali (w.505H)
Keenam	Imam Fakhr al-Din al-Razi (w.606H) / Imam al-Rafi‘i (w.623H)
Ketujuh	Imam Ibnu Daqiq al-‘Id (w.702H)
Kelapan	Imam Siraj al-Din al-Bulqini (w.805H) / Hafiz al-Anam Imam Zayn al-Din al-‘Iraqi (w.806H).
Kesembilan	Imam al-Hafiz Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman al-Suyuti (Doa beliau)

Para Murid

Imam al-Suyuti juga memiliki para murid yang ramai dan mempunyai kedudukan dalam dunia keilmuan Islam. Di antaranya ialah:

- Shams al-Dīn al-Dāwūdī – pengarang kitab “Ṭabaqāt al-Mufassirīn”.
- Shams al-Dīn Muḥammad bin ‘Alī bin Ṭūlūn (Ibnu Ṭūlūn) – pengarang kitab “Mufākahat al-Khillān fi Ḥawādith al-Zamān: Tarīkh Miṣr wa al-Shām”.
- Shams al-Dīn al-Shāmī – pengarang kitab “al-Sīrah al-Shamiyyah”.
- Al-Mu’arrikh al-Kabir Ibnu ‘Iyās – pengarang “Bada’i’ al-Zuhur”.

Pujian Para Ulama’

Imam Shams al-Din al-Dawudi memuji beliau dengan katanya:

كان أعلم أهل زمانه بعلم الحديث وفنونه رجالاً وغريباً، ومتناً وسنداً، واستنباطاً للأحكام منه، وأخبر عن نفسه أنه يحفظ مائتي ألف حديث؛ قال: ولو وجدت أكثر لحفظته. قال: ولعله لا يوجد على وجه الأرض الآن أكثر من ذلك

“Beliau adalah orang yang paling alim pada zamannya berkenaan ilmu hadith dan seni-seninya, sama ada dari sudut perawi atau lafaz yang gharib, dari sudut matan dan sanad, dan dari sudut pengeluaran hukum daripadanya. Dan beliau memberitahu tentang dirinya sendiri bahawa beliau telah menghafaz [dengan lengkap] dua ratus ribu (200,000).

Beliau berkata: Jika aku mendapati lebih dari itu, aku pasti akan menghafalnya.

Dan beliau berkata: Dan mungkin juga tidak ada di atas muka bumi jumlah yang lebih banyak daripada itu.”

Imam al-Mu‘arrikh al-Bahḥḏthah Ibnu Iyās berkata:

كثير الاطلاع، نادرة في عصره، بقية السلف وعمدة الخلف، وبلغت عدّة مصنفاته
نحوًا من ست مائة تأليف، وكان في درجة المجتهدين في العلم والعمل

“[Imam al-Suyuti adalah seorang yang] Banyak/ luas pengetahuannya, warisan ulama’ Salaf dan tunggak ulama’ Khalaf. Bilangan karangannya mencapai sehingga enam ratus (600) karangan. Dan beliau berada di kedudukan para mujtahid di dalam ilmu dan amal.”

Imam Ibn al-‘Imad al-Hanbali pula berkata:

المُسْنَدُ المَحَقُّقُ المَدَقُّقُ، صاحب المؤلفات الفائقة النافعة

“[Imam al-Suyuti adalah seorang] *al-Musnid al-Muhaqqiq al-Mudaqqiq*, pemilik karangan-karangan yang bernilai tinggi lagi bermanfaat.”

Kewafatan

Beliau telah wafat pada waktu sahur di malam Jumaat, 19 Jumādā al-‘Ūla/al-Awwal (bulan ke-5), tahun 911 Hijrah, bersamaan 17 Oktober 1505M, ketika berumur 62 tahun atau lebih tepat 61 tahun, 10 bulan dan 18 hari di rumahnya di Rawḏat al-Miqyās. Sebelum itu, beliau telah jatuh sakit dan mengalami bengkak yang berat di sebelah tangan kirinya selama tujuh hari. Dan dinukilkan bahawa beliau membaca surah Yasin sewaktu merasakan kewafatannya amat hampir. Jenazah beliau telah disembahyangkan oleh begitu ramai umat Islam di Masjid Jami‘ al-Abāriqi selepas solat Jumaat. Kemudian, jenazah beliau disembahyangkan untuk kali kedua oleh

bilangan yang tidak terkira dari kalangan umat Islam. Salah seorang anak murid beliau – al-Shadhili/ al-Shadhuli - menyatakan bahawa:

لَمْ يَصِلْ أَحَدٌ إِلَى تَابُوتِهِ مِنْ كَثْرَةِ اِزْدِحَامِ النَّاسِ

“Seorang pun tidak mampu sampai ke keranda beliau kerana orang ramai yang begitu sesak.”

Beliau dikebumikan di Ḥawsh Qūṣūn di luar Bāb al-Qarāfah di Kaherah. Maqamnya dikenali sebagai “Sayyidi Jalal” dan masyhur serta diketahui di sana. Semoga Allah ﷻ merahmati beliau dan memanfaatkan umat Islam dengan warisan ilmu dan amal yang telah beliau wariskan.



لَهُ الْفَاتِحَةُ



Kepentingan Fatwa Imam al-Suyuti kepada Masyarakat Islam di Malaysia

Fatwa Imam al-Suyuti ini amat relevan untuk dibentangkan kepada masyarakat umum di Malaysia kerana amalan zikir secara berjemaah (beramai-ramai) dengan suara yang *jahr* (suara yang didengari) dan disusun oleh para ulama' Melayu terdahulu telah pun sebatu menjadi sebahagian daripada amalan-amalan baik yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Islam seperti bacaan surah Yasin, wirid selepas solat fardu, tahlil dan majlis Mawlid Nabi ﷺ. Namun begitu, di sana terdapat suara-suara yang menimbulkan syak wasangka terhadap amalan ini dengan tuduhan-tuduhan bid'ah dan seumpamanya.

Semoga pencerahan yang dibuat oleh Imam al-Suyuti ini dapat memperbetulkan sedikit salah faham yang timbul dan mengukuhkan lagi kefahaman masyarakat serta keazaman untuk terus menghidupkan majlis-majlis zikrullah yang mempunyai kelebihan dan kemuliaan yang sangat besar di sisi Allah ﷻ ini.

Dan dalam masa yang sama, penulis berharap agar pihak-pihak yang sering menimbulkan syak wasangka tersebut agar berlapang dada dan memperakui amalan-amalan yang telah diperakui oleh para ulama' Islam walaupun mereka tidak melakukannya. Sebenarnya di sana terdapat beberapa kitab dan risalah lain yang membahaskan perbahasan seumpama ini, namun begitu "*Natijat al-Fikr*" dipilih kerana perbahasannya yang mudah dan ringkas serta kedudukan pengarangnya yang amat tinggi di dalam dunia keilmuan Islam.



BAHAGIAN II: “NATIJAT AL-FIKR FI AL-JAHR BI AL-DHIKR”

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَكَفَى، وَسَلَامٌ عَلَى عِبَادِهِ الَّذِينَ اصْطَفَى

Segala puji bagi Allah dan cukuplah (Dia bagi segala-galanya), dan salam sejahtera ke atas para hamba-Nya yang terpilih.

[Soalan]

سَأَلْتُ - أَكْرَمَكَ اللَّهُ - عَمَّا اعْتَادَهُ السَّادَةُ الصُّوفِيَّةُ مِنْ عَقْدِ حِلَقِ الذُّكْرِ وَالْجَهْرِ بِهِ فِي الْمَسَاجِدِ وَرَفْعِ الصَّوْتِ بِالتَّهْلِيلِ، وَهَلْ ذَلِكَ مَكْرُوهٌ أَوْ لَا؟

Kamu telah bertanya – semoga Allah memuliakan kamu – tentang apa yang menjadi kebiasaan para *Sufiyyah* (ahli-ahli sufi) berkenaan amalan majlis (*halaqah* - bulatan) zikir, dan menjahar zikir tersebut di dalam masjid-masjid, serta mengangkat suara ketika bertahlil: adakah perkara itu makruh atau tidak?

[Jawapan]

الجواب: إِنَّهُ لَا كَرَاهَةَ فِي شَيْءٍ مِنْ ذَلِكَ، وَقَدْ وَرَدَتْ أَحَادِيثُ تَقْتَضِي اسْتِحْبَابَ الْجَهْرِ بِالذُّكْرِ، وَأَحَادِيثُ تَقْتَضِي اسْتِحْبَابَ الْإِسْرَارِ بِهِ، وَالْجَمْعُ بَيْنَهُمَا أَنَّ ذَلِكَ

يُخْتَلَفُ بِاخْتِلَافِ الْأَحْوَالِ وَالْأَشْخَاصِ، كَمَا جَمَعَ النَّوَوِيُّ بِمِثْلِ ذَلِكَ بَيْنَ الْأَحَادِيثِ
الْوَارِدَةِ بِاسْتِحْبَابِ الْجَهْرِ بِقِرَاءَةِ الْقُرْآنِ وَالْوَارِدَةِ بِاسْتِحْبَابِ الْإِسْرَارِ بِهَا،

Sesungguhnya tidak ada elemen makruh pada sesuatu daripada perkara tersebut. Dan telah *warid* (datang) hadith-hadith yang menganjurkan mengangkat suara ketika berzikir dan hadith-hadith yang menganjurkan memperlahkannya (suara ketika berzikir), dan kaedah menghimpunkan di antara kedua-dua anjuran tersebut ialah bahawa perkara tersebut berbeza dengan perbezaan keadaan dan individu, sepertimana yang telah dilakukan oleh Imam al-Nawawi dalam menghimpunkan di antara hadith-hadith yang menganjurkan mengangkat suara ketika membaca al-Quran dan hadith-hadith yang menganjurkan memperlahankan suara bagi tujuan tersebut.

وَمَا أَنَا أُبَيِّنُ ذَلِكَ فَضْلًا فَضْلًا

Dan [ambillah perhatian], aku akan menerangkan perkara tersebut satu persatu.



ذَكَرُ الْأَحَادِيثِ الدَّالَّةِ عَلَى اسْتِحْبَابِ الْجَهْرِ بِالذُّكْرِ تَصْرِيحًا أَوْ اِلْتِزَامًا

**Menyatakan Hadith-hadith Yang Menunjukkan Anjuran
Menjaharkan Suara Ketika Berzikir Sama ada secara Terang
(*Taṣrīḥ*) atau Implikasi (*Iltizām*)**

Dalil Pertama [Hadith: Kemuliaan Zikrullah di dalam Perhimpunan]

Al-Bukhari telah meriwayatkan daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه bahawa beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

((يَقُولُ اللَّهُ: أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي، وَأَنَا مَعَهُ إِذَا ذَكَرَنِي، فَإِنِ ذَكَرَنِي فِي نَفْسِهِ ذَكَرْتُهُ فِي نَفْسِي، وَإِنِ ذَكَرَنِي فِي مَلَأٍ ذَكَرْتُهُ فِي مَلَأٍ خَيْرٍ مِنْهُ))

“Allah ﷻ berfirman (di dalam hadith *qudsi*):

Aku di sisi sangkaan hamba-Ku dengan-Ku, dan Aku bersamanya apabila dia mengingati-Ku.

Sekiranya dia mengingati-Ku di dalam dirinya, maka aku mengingatnya pada diri-Ku (dengan rahmat yang khusus).

Dan sekiranya dia mengingati-Ku di dalam sebuah perhimpunan [orang ramai], maka Aku mengingatnya di dalam perhimpunan yang lebih baik darinya [iaitu perhimpunan para malaikat].”

[Imam al-Suyuti berkata:]

وَالذُّكْرُ فِي الْمَلَأِ لَا يَكُونُ إِلَّا عَن جَهْرٍ

“Dan zikir di dalam sebuah perhimpunan/ perkumpulan itu tidak akan berlaku melainkan dengan *jahar* (mengangkat suara).”

Dalil Kedua [Hadith: Majlis Zikrullah adalah Taman-taman Syurga]

Al-Bazzar dan al-Hakim – di dalam *al-Mustadrak* dan beliau menilai hadith ini sebagai sahih – meriwayatkan daripada Jābir رضي الله عنه bahawa beliau berkata:

خَرَجَ عَلَيْنَا النَّبِيُّ ﷺ فَقَالَ: ((يَا أَيُّهَا النَّاسُ، إِنَّ لِهِنَّ سَرَائِيَا مِنَ الْمَلَائِكَةِ تَحُلُّ وَتَقِفُ عَلَى مَجَالِسِ الذُّكْرِ فِي الْأَرْضِ، فَارْتَعُوا فِي رِيَاضِ الْجَنَّةِ)) ، قَالُوا: وَأَيْنَ رِيَاضِ الْجَنَّةِ؟
قَالَ: ((مَجَالِسُ الذُّكْرِ، فَاعْدُوا وَرُوحُوا فِي ذِكْرِ اللَّهِ))

“Nabi ﷺ telah keluar kepada kami dan bersabda: “Wahai manusia! Sesungguhnya bagi Allah ﷻ itu beberapa rombongan daripada para malaikat yang memasuki dan berhenti/berdiri di majlis-majlis zikir di bumi, maka hendaklah kamu mengambil kebaikan di taman-taman syurga.

Mereka [para sahabat رضي الله عنهم] bertanya: Dan di manakah taman-taman syurga itu?.

Baginda menjawab: Majlis-majlis zikir, maka hendaklah kamu semua memasuki waktu pagi dan petang di dalam zikrullah (menyebut dan mengingati Allah).”

Dalil Ketiga [Hadith: Malaikat Yang Khusus Untuk Majelis Zikrullah]

Muslim dan al-Hakim – lafaznya – meriwayatkan daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه bahawa beliau berkata: Nabi ﷺ bersabda:

((إِنَّ لِلَّهِ مَلَائِكَةً سَيَّارَةً وَفُضَلَاءَ، يَلْتَمِسُونَ مَجَالِسَ الذِّكْرِ فِي الْأَرْضِ، فَإِذَا أَتَوْا عَلَى مَجْلِسِ ذِكْرِ حَفَّ بَعْضُهُمْ بَعْضًا بِأَجْنِحَتِهِمْ إِلَى السَّمَاءِ، فَيَقُولُ اللَّهُ: مِنْ أَيْنَ جِئْتُمْ؟ فَيَقُولُونَ: جِئْنَا مِنْ عِنْدِ عِبَادِكَ يُسَبِّحُونَكَ وَيُكَبِّرُونَكَ وَيُحَمِّدُونَكَ وَيُهَلِّلُونَكَ وَيَسْأَلُونَكَ وَيَسْتَجِيرُونَكَ، فَيَقُولُ: مَا يَسْأَلُونَ؟ وَهُوَ أَعْلَمُ، فَيَقُولُونَ: يَسْأَلُونَكَ الْجَنَّةَ، فَيَقُولُ: وَهَلْ رَأَوْهَا؟ فَيَقُولُونَ: لَا يَا رَبِّ، فَيَقُولُ: فَكَيْفَ لَوْ رَأَوْهَا، ثُمَّ يَقُولُ: وَمِمَّ يَسْتَجِيرُونِي؟ وَهُوَ أَعْلَمُ بِهِمْ، فَيَقُولُونَ: مِنَ النَّارِ، فَيَقُولُ: وَهَلْ رَأَوْهَا؟ فَيَقُولُونَ: لَا، فَيَقُولُ: فَكَيْفَ لَوْ رَأَوْهَا؟ ثُمَّ يَقُولُ: اشْهَدُوا أَنِّي قَدْ غَفَرْتُ لَهُمْ وَأَعْطَيْتُهُمْ مَا سَأَلُونِي وَأَجْرْتُهُمْ بِمَا اسْتَجَارُونِي، فَيَقُولُونَ: رَبَّنَا، إِنَّ فِيهِمْ عَبْدًا خَطَاءً جَلَسَ إِلَيْهِمْ وَلَيْسَ مِنْهُمْ، فَيَقُولُ: وَهُوَ أَيْضًا قَدْ غَفَرْتُ لَهُ، هُمْ الْقَوْمُ لَا يَشْقَى بِهِمْ جَلِيسُهُمْ))

“Sesungguhnya bagi Allah itu para malaikat yang berjalan-jalan dan fudalā’ (hamba-hamba yang mulia) yang mencari-cari majlis-majlis zikrullah di bumi. Apabila mereka mendatangi sebuah majlis zikir, (maka) sebahagian mereka akan meliputi sebahagian yang lain dengan sayap-sayap mereka sehingga ke langit.

Maka Allah ﷻ bertanya: Dari manakah kamu datang?. Mereka menjawab: Kami datang dari hamba-hamba-Mu yang sedang bertasbih kepada-Mu, bertakbir kepada-Mu, memanjatkan pujian kepada-Mu, bertahlil kepada-Mu dan memohon perlindungan daripada-Mu.

Lalu Allah ﷻ bertanya: Apakah yang mereka pohonkan? Sedangkan Dia lebih mengetahui. Mereka menjawab: Mereka memohon syurga daripada-Mu. Allah ﷻ bertanya: Dan adakah mereka telah melihatnya? Mereka menjawab: Tidak, wahai Tuhan kami! Allah ﷻ berfirman: Maka bagaimanakah sekiranya mereka telah melihatnya?!

Kemudian Allah ﷻ bertanya lagi: Dan daripada apakah mereka memohon perlindungan? Sedangkan Dia lebih mengetahui berkenaan mereka. Mereka menjawab: Daripada api neraka. Allah ﷻ bertanya: Dan adakah mereka telah melihatnya? Mereka menjawab: Tidak!. Allah ﷻ berfirman: Maka bagaimanakah sekiranya mereka telah melihatnya?!

Kemudian Allah ﷻ berfirman: Bersaksilah kamu semua bahawa sesungguhnya Aku telah memberi keampunan kepada mereka, dan Aku akan kurniakan apa yang mereka pinta daripada-Ku, dan aku akan melindungi mereka daripada apa yang mereka pinta perlindungan-Ku darinya.

Mereka bertanya: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya ada di kalangan mereka seorang hamba yang duduk bersama mereka secara tersalah (tak sengaja) dan dia bukanlah dari kalangan mereka. Maka Allah ﷻ berfirman: Baginya juga [keampunan-Ku], sesungguhnya Aku telah memberi keampunan kepadanya, mereka (ahli majlis zikir) adalah satu kaum yang tidak akan sengsara orang-orang yang duduk bersama mereka.”

Dalil Keempat [Hadith: Empat (4) Kelebihan Majlis Zikir]

Muslim dan al-Tirmidhī meriwayatkan daripada Abū Hurayrah dan Abu Sa'īd al-Khudrī رضي الله عنهما bahawa mereka berdua berkata: Nabi ﷺ bersabda:

((مَا مِنْ قَوْمٍ يَذْكُرُونَ اللَّهَ إِلَّا حَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ وَغَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ وَنَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ))

“Tidak ada mana-mana kaum (sekumpulan manusia) pun yang berzikir kepada Allah (mengingati-Nya dan menyebut-Nya) melainkan:

- (i) para malaikat akan mengelilingi mereka, dan
- (ii) rahmat (Allah yang khusus) akan meliputi mereka, dan
- (iii) *sakīnah* (ketenangan dan keteguhan Iman) akan turun ke atas mereka, dan
- (iv) Allah ﷻ akan menyebut (nama-nama) mereka kepada sesiapa (dari kalangan para malaikat) yang ada di sisi [kerajaan/ kemuliaan]-Nya.”

Dalil Kelima [Hadith: Allah ﷻ Menzahirkan Keredaan-Nya dengan Majlis Zikrullah]

Muslim dan al-Tirmidhī meriwayatkan daripada Mu‘āwiyah ؓ bahawa:

أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ خَرَجَ عَلَى حَلَقَةٍ مِنْ أَصْحَابِهِ فَقَالَ: ((مَا يُجْلِسُكُمْ؟))، قَالُوا: جَلَسْنَا نَذْكُرُ اللَّهَ وَنَحْمَدُهُ، فَقَالَ: ((إِنَّهُ أَتَانِي جِبْرِيْلُ فَأَخْبَرَنِي أَنَّ اللَّهَ يُبَاهِي بِكُمْ الْمَلَائِكَةَ))

“Sesungguhnya Nabi ﷺ telah pergi keluar ke satu bulatan (*halqah*) yang terdiri daripada para sahabat Baginda ؓ, lalu Baginda ﷺ bertanya: Apakah yang menyebabkan kamu semua duduk berkumpul di sini?.

Mereka [para sahabat ؓ] menjawab: Kami duduk untuk kami berzikir kepada Allah dan memuji-Nya.

Maka Baginda ؓ pun bersabda:

Sesungguhnya Jibril ؑ telah datang kepadaku, dan ia telah memberitahu kepadaku bahawa sesungguhnya Allah ﷻ sedang berbangga-bangga (menzahirkan keredaan-Nya) dengan kamu terhadap para malaikat.”

Dalil Keenam [Hadith: Orang Munafik Mencela Orang Yang Banyak Berzikir (i)]

Al-Ḥākim – telah menilai hadith ini sebagai sahih – dan al-Bayhaqī – di dalam *Shu‘ab al-Īmān* – telah meriwayatkan daripada Abū Sa‘īd al-Khudrī رضي الله عنه bahawa beliau berkata: Rasulullah ﷺ telah bersabda:

((أَكْثِرُوا ذِكْرَ اللَّهِ حَتَّى يَقُولُوا: مَجْنُونٌ))

“Hendaklah kamu memperbanyakkan zikrullah sehingga mereka (orang-orang munafik) mengatakan: [Kamu adalah seorang yang] gila.”

Dalil Ketujuh [Hadith: Orang Munafik Mencela Orang Yang Banyak Berzikir (ii)]

Al-Bayhaqī meriwayatkan di dalam *Shu‘ab al-Īmān* daripada Abū al-Jawzā² رضي الله عنه bahawa beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

((أَكْثِرُوا ذِكْرَ اللَّهِ حَتَّى يَقُولَ الْمُنَافِقُونَ: إِنَّكُمْ مِرَاءُونَ)) - مُرْسَلٌ

“Perbanyakkanlah zikrullah sehingga orang-orang munafik berkata: Sesungguhnya kamu semua adalah golongan riya’ yang mempertontonkan amalan kamu.” - Hadith ini adalah *mursal*.

² Beliau adalah Aws bin Abdullah al-Rab‘i al-Basri dan merupakan salah seorang tokoh besar ulama’ dari kalangan para tabi‘in. Beliau meriwayatkan hadith daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, Saidatina ‘A’ishah رضي الله عنها, ‘Abdullah Ibnu ‘Abbas رضي الله عنهما, ‘Abdullah Ibnu ‘Amr bin al-‘Āṣ رضي الله عنهما dan Safwan bin ‘Assal رضي الله عنه.

[Imam al-Suyuti berkata:]

وَوَجْهُ الدَّلَالَةِ مِنْ هَذَا وَالَّذِي قَبْلَهُ أَنَّ ذَلِكَ إِنَّمَا يُقَالُ عِنْدَ الْجَهْرِ دُونَ الْإِسْرَارِ

“Dan *wajh al-dalālah* (aspek pendalilan) daripada hadith ini dan hadith-hadith sebelumnya ialah tuduhan ini³ tidak akan berlaku melainkan ketika berzikir secara *jahar* semata-mata dan bukannya secara perlahan/ tersembunyi.”

³ Tuduhan “gila” oleh orang-orang munafik kepada orang yang banyak melakukan zikrullah.

Dalil Kelapan [Hadith: Halaqah Zikir adalah Taman Syurga]

Al-Bayhaqī meriwayatkan daripada Anas رضي الله عنه bahawa beliau berkata: Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

((إِذَا مَرَرْتُمْ بِرِيَاضِ الْجَنَّةِ فَارْتَعُوا))، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَا رِيَاضُ الْجَنَّةِ؟ قَالَ:
((حِلَقُ الذُّكْرِ))

“Apabila kamu lalu berdekatan dengan taman-taman syurga, maka bersenang-lenanglah (ambililah kebaikan/ manfaat) di dalamnya.

Para sahabat رضي الله عنهم bertanya: Wahai Rasulullah! Dan apakah taman-taman syurga itu?.

Baginda صلى الله عليه وسلم menjawab dengan bersabda: Bulatan-bulatan (halaqah-halaqah) zikir.”

Dalil Kesembilan [Hadith: Majlis Ilmu dan Majlis Doa adalah Majlis Zikir]

Baqiyy bin Makhlad⁴ meriwayatkan daripada ‘Abdullah Ibnu ‘Amr رضي الله عنه bahawa:

أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ مَرَّ بِمَجْلِسَيْنِ، أَحَدُ الْمَجْلِسَيْنِ يَدْعُونَ اللَّهَ وَيَزْعُبُونَ إِلَيْهِ، وَالْآخَرُ يُعَلِّمُونَ الْعِلْمَ، فَقَالَ: ((كِلَا الْمَجْلِسَيْنِ خَيْرٌ، وَأَحَدُهُمَا أَفْضَلُ مِنَ الْآخَرِ))

“Sesungguhnya Nabi ﷺ telah lalu berdekatan dengan dua majlis. Salah satu daripada dua majlis tersebut para hadirinnya berdoa kepada Allah dan menunjukkan kecintaan kepada-Nya, dan sebuah lagi majlis para hadirinnya mengajarkan dan mempelajari ilmu, lalu Baginda ﷺ bersabda:

Kedua-dua majlis ini adalah baik. Akan tetapi, salah satu daripada kedua-duanya adalah lebih baik daripada yang lain.”

⁴ Beliau adalah al-Imam Shaykh al-Islam al-Hafiz Abu ‘Abd al-Rahman Baqiyy bin Makhlad bin Yazid al-Andalusi al-Qurtubi (201H-276H). Beliau adalah merupakan seorang tokoh tafsir, hadith dan fiqh dari Andalus.

Dalil Kesepuluh [Hadith: Perhimpunan Zikrullah adalah Majlis Keampunan]

Al-Bayhaqī meriwayatkan daripada ‘Abdullah bin Mughaffal رضي الله عنه bahawa beliau berkata: Rasulullah ﷺ telah bersabda:

((مَا مِنْ قَوْمٍ اجْتَمَعُوا يَذْكُرُونَ اللَّهَ إِلَّا نَادَاهُمْ مُنَادٍ مِنَ السَّمَاءِ: قَوْمُوا مَغْفُورًا لَكُمْ، قَدْ
بُدِّلَتْ سَيِّئَاتِكُمْ حَسَنَاتٍ))

“Tidak ada satu kaum (sekumpulan manusia) yang berhimpun untuk/dalam keadaan berzikir kepada Allah ﷻ melainkan akan ada satu penyeru yang menyeru mereka dari langit dengan berkata:

Bangunlah kamu semua dalam keadaan diberikan keampunan buat kamu semua. Sesungguhnya kejahatan-kejahatan kamu telah ditukarkan menjadi kebajikan.”

Dalil Kesebelas [Hadith: Majlis-majlis Zikir di Masjid-masjid adalah Majlis Kemuliaan di Akhirat]

Al-Bayhaqī meriwayatkan daripada Abū Sa'īd al-Khudrī رضي الله عنه bahawa Nabi ﷺ bersabda:

((يَقُولُ الرَّبُّ تَعَالَى يَوْمَ الْقِيَامَةِ: سَيَعْلَمُ أَهْلُ الْجَمْعِ الْيَوْمَ مَنْ أَهْلُ الْكَرَمِ))، فَقِيلَ:
وَمَنْ أَهْلُ الْكَرَمِ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: ((مَجَالِسُ الذُّكْرِ فِي الْمَسَاجِدِ))

“Allah akan berfirman (hadith *qudsi*) di hari Kiamat nanti:

Orang-orang yang berhimpun di sini akan mengetahui siapakah golongan yang mempunyai kemuliaan.

Lalu [Baginda ﷺ] ditanya: Dan siapakah golongan yang mempunyai kemuliaan itu, Wahai Rasulullah?!

Baginda ﷺ menjawab: Majlis-majlis zikir di masjid-masjid.”

Dalil Kedua Belas [Athar: Bukit Berbangga dengan Zikir Yang Didengari]

Al-Bayhaqī meriwayatkan daripada ‘Abdullah Ibnu Mas‘ūd رضي الله عنه bahawa beliau berkata:

إِنَّ الْجَبَلَ لَيُنَادِي الْجَبَلَ بِاسْمِهِ: يَا فُلَانُ، هَلْ مَرَّ بِكَ الْيَوْمَ لِلَّهِ ذَاكِرٌ؟ فَإِنْ قَالَ: نَعَمْ،
اسْتَبَشَرَ

“Sesungguhnya sesebuah bukit/gunung itu akan memanggil bukit/gunung yang lain dengan namanya: Wahai fulan! Adakah telah lalu di atas engkau pada hari ini seseorang yang berzikir kepada Allah?.

Maka sekiranya ia menjawab: Ada, ia akan menjadi gembira.”

Kemudian ‘Abdullah [Ibnu Mas‘ūd] رضي الله عنه pun membaca ayat al-Qur’an (Maryam: 89-90):

﴿لَقَدْ جِئْتُمْ شَيْئًا إِدًّا (89) تَكَادُ السَّمَاوَاتُ يَتَفَطَّرْنَ مِنْهُ وَتَنْشَقُّ الْأَرْضُ وَتَخِرُّ الْجِبَالُ
هَدًّا (90)﴾

“[89] Demi sesungguhnya, kamu telah melakukan satu perkara yang besar salahnya! [kerana mendakwa bagi Al-Rahman itu anak!].

[90] Langit nyaris-nyaris pecah disebabkan (kata-kata mereka) yang demikian, dan bumi pula nyaris-nyaris terbelah, serta gunung-ganang pun nyaris-nyaris runtuh ranap.”

Kemudian beliau berkata:

أَيَسْمَعُونَ الزُّورَ وَلَا يَسْمَعُونَ الْخَيْرَ؟

“Adakah mereka semua (langit, bumi dan gunung-ganang) mendengar kata-kata yang jahat dan mereka tidak mendengar kata-kata yang baik? [seperti zikrullah yang *jahar*].”

Dalil Ketiga Belas [Athar: Bumi Mendengar Zikir Yang *Jahar* (Diangkat Suara/ Nyaring)]

Ibn Jarīr [al-Tabari] meriwayatkan di dalam Tafsirnya daripada Ibnu ‘Abbās رحمتهما berkenaan firman Allah ﷻ (al-Dukhan 44:29):

﴿ قَمَا بَكَتْ عَلَيْهِمُ السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ ﴾

“[29] Mereka (ketika dibinasakan) itu tidak ditangisi oleh langit dan bumi (atau penduduk keduanya)..”

Ibnu ‘Abbās رحمتهما menerangkan dengan berkata:

إِنَّ الْمُؤْمِنَ إِذَا مَاتَ بَكَى عَلَيْهِ مِنَ الْأَرْضِ الْمَوْضِعُ الَّذِي كَانَ يُصَلِّي فِيهِ وَيَذْكُرُ اللَّهُ فِيهِ

“Sesungguhnya seorang yang beriman itu, apabila dia meninggal dunia, maka bumi tempat di mana dia pernah bersolat dan berzikir kepada Allah di atasnya akan menangisi [kewafatannya itu].”

Ibnu Abī al-Dunyā meriwayatkan daripada Abū ‘Ubayd bahawa beliau berkata:

إِنَّ الْمُؤْمِنَ إِذَا مَاتَ نَادَتْ بِقَاعِ الْأَرْضِ: عَبْدُ اللَّهِ الْمُؤْمِنُ مَاتَ، فَتَبْكِي عَلَيْهِ الْأَرْضُ وَالسَّمَاءُ، فَيَقُولُ الرَّحْمَنُ: مَا يُبْكِيكُمَا عَلَى عَبْدِي؟ فَيَقُولُونَ: رَبَّنَا لَمْ يَمْشِ فِي نَاحِيَةِ مِنَّا قَطُّ إِلَّا وَهُوَ يَذْكُرُكَ

“Sesungguhnya apabila seorang yang beriman itu meninggal dunia, maka sebahagian muka bumi akan menyeru: “Seorang

hamba Allah yang beriman telah meninggal dunia”, maka bumi dan langit juga akan turut menangis.

Maka (Allah) Al-Rahman bertanya dengan berfirman: Apakah yang menyebabkan kamu berdua menangis dengan kewafatan hamba-Ku?

Mereka menjawab: Wahai Tuhan kami! Dia tidak pernah berjalan di mana-mana penjurur kami melainkan dalam keadaan dia berzikir kepada Mu.”

[Imam al-Suyuti mengulas:]

وَجْهٌ الدَّلَالَةِ مِنْ ذَلِكَ أَنَّ سَمَاعَ الْجِبَالِ وَالْأَرْضِ لِلذِّكْرِ لَا يَكُونُ إِلَّا عَنِ الْجَهْرِ بِهِ

“*Wajh al-dalālah* (aspek pendalilan dari ayat al-Quran dan tafsirannya) ialah pendengaran gunung-ganang dan bumi bagi zikrullah tidak akan berlaku melainkan sekiranya zikir tersebut dilakukan dengan *jahar* (suara yang didengari).”

Dalil Keempat Belas [Hadith: Kemuliaan Berzikir di dalam Kelompok Manusia/ Beramai-ramai]

Al-Bazzār dan al-Bayhaqī – dengan sanad yang sahih – meriwayatkan daripada [‘Abdullāh] Ibnu ‘Abbās رضي الله عنهما bahawa beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

((قَالَ اللهُ تَعَالَى: عَبْدِي، إِذَا ذَكَرْتَنِي خَالِيًا ذَكَرْتُكَ خَالِيًا، وَإِنْ ذَكَرْتَنِي فِي مَلَأٍ ذَكَرْتُكَ فِي مَلَأٍ خَيْرٍ مِنْهُمْ وَأَكْثَرَ))

“Allah ﷻ berfirman (di dalam hadith *qudsi*):

Wahai hambaKu! Apabila engkau mengingat-Ku dalam keadaan bersendirian, Aku akan mengingati-Ku (dengan rahmat yang khusus) dalam keadaan sendirian jua.

Dan sekiranya engkau mengingati-Ku di dalam satu kelompok/perhimpunan, Aku akan mengingati-Ku (menyebutmu) di dalam satu kelompok/perhimpunan yang lebih baik daripada mereka dan lebih ramai.”

Dalil Kelima Belas [Hadith: Zikir Golongan Awwāh]

Al-Bayhaqī meriwayatkan daripada Zayd bin Aslam (w.136H)⁵ bahawa beliau berkata: Ibnu al-Adra' telah berkata:

انطلقتُ معَ النَّبِيِّ ﷺ لَيْلَةً، فَمَرَّ بِرَجُلٍ فِي الْمَسْجِدِ يَرْفَعُ صَوْتَهُ، قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، عَسَى أَنْ يَكُونَ هَذَا مُرَائِيًا، قَالَ: ((لَا، وَلَكِنَّهُ أَوَّاهٌ))

“Aku telah bertolak bersama dengan Baginda Nabi ﷺ pada suatu malam, kemudian Baginda ﷺ telah lalu berdekatan dengan seorang lelaki di dalam masjid yang sedang mengangkat suaranya.

Maka aku pun berkata: Wahai Rasulullah! Mungkin lelaki ini melakukan amalannya dalam keadaan riya' (menunjuk-nunjuk).

Baginda ﷺ lantas bersabda: Tidak, akan tetapi dia adalah seorang *awwāh* (yang lembut hatinya sedang mengadukan kesedihan atau kegembiraannya kepada Allah).”

⁵ Beliau ialah seorang alim dari kalangan tabi'in yang Faqih lagi Muhaddith di Madinah. Beliau mempunyai halaqah ilmu di dalam Masjid Nabawi pada zaman beliau. Beliau sempat bertemu dengan beberapa orang para Sahabat رضي الله عنهم seperti 'Abdullah Ibnu 'Umar رضي الله عنهما, Jabir bin 'Abdullah رضي الله عنهما, Salamah bin al-Akwa' رضي الله عنه, dan Anas bin Malik رضي الله عنه dan tokoh-tokoh besar tabi'in seperti 'Ata' bin Yasar, 'Ali bin Saidina al-Husayn رضي الله عنه, Sa'id bin al-Musayyib dan 'Abd al-Rahman bin Abu Sa'id al-Khudri رضي الله عنه.

Dalil Keenam Belas [Hadith: Dhū al-Bijādayn - Seorang Awwāh]

Dan al-Bayhaqī meriwayatkan daripada ‘Uqbah bin ‘Āmir رضي الله عنه bahawa:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ لِرَجُلٍ يُقَالُ لَهُ: ذُو الْبِجَادَيْنِ: ((إِنَّهُ أَوَّاهٌ))، وَذَلِكَ أَنَّهُ كَانَ يَذْكُرُ
اللَّهِ

“Sesungguhnya Rasulullah ﷺ telah bersabda mengenai seorang lelaki (sahabat baginda رضي الله عنه) yang dikenali sebagai Dhū al-Bijādayn dengan kata-kata Baginda ﷺ:

Sesungguhnya dia adalah seorang yang lembut hatinya, dan itu adalah kerana beliau (banyak) mengingati Allah ﷻ (berzikir kepadaNya).”

Dalil Ketujuh Belas [Hadith: Seorang Awwāh Yang Mengangkat Suara Ketika Berzikir]

Al-Bayhaqī meriwayatkan daripada Jābir bin ‘Abdullāh رضي الله عنه bahawa beliau berkata:

أَنَّ رَجُلًا كَانَ يَرْفَعُ صَوْتَهُ بِالذِّكْرِ، فَقَالَ رَجُلٌ: لَوْ أَنَّ هَذَا خَفَضَ مِنْ صَوْتِهِ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((دَعُهُ فَإِنَّهُ أَوَّاهٌ))

“Sesungguhnya pernah ada seorang lelaki (di kalangan sahabat Baginda ﷺ) yang mengangkat suaranya ketika berzikir. Maka seorang lelaki berkata: Sekiranya lelaki ini merendahkan suaranya (adalah lebih baik).

Maka Rasulullah ﷺ bersabda: Biarkanlah dia, sesungguhnya dia adalah seorang yang sangat lembut hatinya.”



[Nota (tambahan penterjemah): Awwāh boleh memberi pelbagai maksud seperti orang yang banyak berdoa; banyak bersedih; merendah diri dengan penuh yakin dan melazimi ketaatan; orang yang banyak memuji (Tuhannya); orang yang banyak bertasbih; orang yang banyak menangis; orang yang mempunyai keyakinan (Iman); pemurah lagi lembut; dan seorang yang mempunyai kefahaman ilmu.” Rujukan: *Lisān al-‘Arab*; *Maqāyīs al-Lughah* dan *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*]

Dalil Kelapan Belas [Hadith: Rasulullah ﷺ dan Para Sahabat رضي الله عنهم Berzikir Tahlil dengan Berjemaah]

Al-Hākim meriwayatkan daripada Shaddād bin Aws رضي الله عنه bahawa beliau berkata:

إِنَّا لَعِنْدَ النَّبِيِّ ﷺ إِذْ قَالَ: ((اِرْفَعُوا أَيْدِيَكُمْ فَقُولُوا: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ))، ففَعَلْنَا فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((اَللَّهُمَّ إِنَّكَ بَعَثْتَنِي بِهَذِهِ الْكَلِمَةِ وَأَمَرْتَنِي بِهَا وَوَعَدْتَنِي عَلَيْهَا الْجَنَّةَ، إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ))، ثُمَّ قَالَ: ((أَبَشِّرُوا فَإِنَّ اللَّهَ قَدْ غَفَرَ لَكُمْ))

“Sesungguhnya kami berada di sisi Nabi ﷺ ketika baginda رضي الله عنه bersabda: Angkatlah tangan-tangan kamu dan ucapkanlah:

((لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ))

Tiada Tuhan [yang berhak disembah] melainkan Allah

Maka kami pun melakukannya. Maka Rasulullah ﷺ pun berdoa:

((اَللَّهُمَّ إِنَّكَ بَعَثْتَنِي بِهَذِهِ الْكَلِمَةِ وَأَمَرْتَنِي بِهَا وَوَعَدْتَنِي عَلَيْهَا الْجَنَّةَ، إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ))

“Ya Allah! Sesungguhnya Engkau telah membangkitkan daku dengan kalimah ini, dan Engkau memerintahkan daku dengannya, dan Engkau menjanjikan daku syurga di atasnya, sesungguhnya Engkau tidak akan memungkir janji.”

Kemudian Baginda رضي الله عنه bersabda: “Terimalah berita gembira! Sesungguhnya Allah ﷻ telah mengampunkan kamu semua.”

Dalil Kesembilan Belas [Hadith: Para Malaikat Yang Ditugaskan Mencari Majelis Zikir]

Al-Bazzār meriwayatkan daripada Anas رضي الله عنه bahawa Nabi ﷺ bersabda:

((إِنَّ اللَّهَ سَيَّارَةٌ مِنَ الْمَلَائِكَةِ يَطْلُبُونَ حِلَقَ الذُّكْرِ، فَإِذَا أَتَوْا عَلَيْهِمْ حَفُّوا بِهِمْ، فَيَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى: غَشَوْهُمْ بِرَحْمَتِي فَهُمْ الْجُلَسَاءُ لَا يَشْقَى بِهِمْ جَلِيسُهُمْ))

“Sesungguhnya bagi Allah ﷻ itu rombongan yang berjalan-jalan dari kalangan para malaikat yang mencari-cari bulatan-bulatan (halaqah-halaqah) zikir, maka apabila mereka mendatangi ahli-ahli majlis zikir tersebut, mereka akan meliputi ahli-ahli zikir tersebut.

Maka Allah ﷻ pun berfirman (hadith *qudsi*):

Liputilah mereka dengan rahmat-Ku, maka mereka adalah rakan-rakan duduk yang tidak akan sengsara sesiapa yang duduk bersama mereka.”

Dalil Kedua Puluh [Hadith: Rasulullah ﷺ Diperintahkan untuk Duduk dengan Sekumpulan Para Sahabat Yang Berzikir]

Al-Ṭabarānī dan Ibnu Jarīr meriwayatkan daripada ‘Abd al-Raḥmān bin Sahl bin Ḥanīf ؓ bahawa beliau berkata:

نَزَلَتْ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ وَهُوَ فِي بَعْضِ أَبِيَاتِهِ: ((وَأَصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْغَدَاةِ وَالْعَشِيِّ)) [الكهف: 28] الْآيَةَ، فَخَرَجَ يَلْتَمِسُهُمْ فَوَجَدَ قَوْمًا يَذْكُرُونَ اللَّهَ تَعَالَى، مِنْهُمْ نَائِرُ الرَّأْسِ وَجَافُ الْجِلْدِ وَذُو الثَّوْبِ الْوَاحِدِ، فَلَمَّا رَأَاهُمْ جَلَسَ مَعَهُمْ وَقَالَ: ((الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ فِي أُمَّتِي مَنْ أَمَرَنِي أَنْ أَصْبِرَ نَفْسِي مَعَهُمْ))

“Wahyu al-Quran (al-Kahf 18:28):

﴿وَأَصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْغَدَاةِ وَالْعَشِيِّ﴾

“Dan jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang berdoa/ beribadat kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, ..”

telah turun ke atas Rasulullah ﷺ sedang Baginda ﷺ berada di sebahagian rumah-rumah Baginda ﷺ.

Lalu Baginda ﷺ keluar mencari golongan ini dan Baginda ﷺ mendapati satu kaum(kumpulan manusia) yang sedang berzikir kepada Allah ﷻ. Di kalangan mereka itu ada yang kusut rambutnya, lagi kering kulitnya serta ada orang yang memakai hanya satu pakaian sahaja.

Apabila Baginda ﷺ melihat mereka, Baginda ﷺ lantas duduk bersama-sama mereka dan bersabda:

((الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ فِي أُمَّتِي مَنْ أَمَرَنِي أَنْ أَصْبِرَ نَفْسِي مَعَهُمْ))

“Segala puji hanya bagi Allah yang telah menjadikan di kalangan umatku golongan yang mana diriku diperintahkan untuk bersabar duduk berdamping bersama-sama dengan mereka.”

Dalil Kedua Puluh Satu [Hadith: Rahmat Turun ke atas Kumpulan Manusia Yang Berzikir]

Al-Imām Aḥmad meriwayatkan di dalam [kitabnya] *al-Zuhd* daripada Thābit bahawa beliau berkata:

كَانَ سَلْمَانُ فِي عِصَابَةٍ يَذْكُرُونَ اللَّهَ فَمَرَّ النَّبِيُّ ﷺ فَكَفُّوا فَقَالَ: ((مَا كُنتُمْ تَقُولُونَ؟))
قُلْنَا: نَذْكُرُ اللَّهَ، قَالَ: ((إِنِّي رَأَيْتُ الرَّحْمَةَ تَنْزِلُ عَلَيْكُمْ فَأَحْبَبْتُ أَنْ أُشَارِكَكُمْ فِيهَا))،
ثُمَّ قَالَ: ((الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ فِي أُمَّتِي مَنْ أَمَرْتُ أَنْ أَصْبِرَ نَفْسِي مَعَهُمْ))

“Pernah satu ketika, Salman [al-Farisi] ﷺ berada di dalam satu kumpulan manusia yang sedang berzikir kepada Allah ﷻ, maka Nabi ﷺ pun lalu dan mereka semua berhenti.

Baginda ﷺ bertanya dengan bersabda: “Apakah yang kamu semua telah sebutkan [sebentar tadi]?”.

Kami menjawab: “Kami berzikir kepada Allah ﷻ”

[Maka], Baginda ﷺ pun bersabda: “Sesungguhnya aku telah melihat rahmat turun ke atas kamu semua, maka aku pun berasa suka untuk menyertai kamu dalam mendapatkannya.”

Kemudian Baginda ﷺ bersabda [lagi]: “Segala puji hanyalah bagi Allah ﷻ yang telah menjadikan di kalangan umatku golongan yang mana diriku diperintahkan untuk bersabar duduk berdamping bersama-sama dengan mereka.”

Dalil Kedua Puluh Dua [Hadith: Beradalah di Majlis-majlis Zikir dan Sentiasalah Berzikir kerana Ia adalah Sumber Kebaikan Dunia dan Akhirat]

Al-Asbahānī meriwayatkan di dalam al-Targhib daripada Abū Razīn al-‘Uqayli ؓ bahawa:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ لَهُ: ((أَلَا أَدُلُّكَ عَلَى مَلَاكِ الْأَمْرِ الَّذِي تُصِيبُ بِهِ خَيْرِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةَ؟)) قَالَ: بَلَى، قَالَ: ((عَلَيْكَ بِمَجَالِسِ الذُّكْرِ، وَإِذَا خَلَوْتَ فَحَرِّكْ لِسَانَكَ بِذِكْرِ اللَّهِ))

“Sesungguhnya Rasulullah ﷺ telah bertanya kepada beliau [dengan bersabda]: Tidakkah [kamu mahu] aku tunjukkan kepadamu perkara paling utama [dari sekalian amalan soleh] yang dengannya engkau akan mendapat kebaikan dunia dan akhirat?”.

Aku menjawab: “Bahkan!”.

Baginda ؓ bersabda: “Hendaklah engkau [dapatkan/menghadiri] majlis-majlis zikir, dan sekiranya engkau bersendirian, maka gerakkanlah lidahmu dengan zikrullah.”

Dalil Kedua Puluh Tiga [Hadith: Duduk bersama Kumpulan Manusia untuk Berzikir selepas Solat Subuh dan Asar]

Ibn Abī al-Dunyā, al-Bayhaqī dan al-Asbahānī meriwayatkan daripada Anas رضي الله عنه bahawa beliau berkata: Rasulullah ﷺ berkata:

((لَأَنْ أَجْلِسَ مَعَ قَوْمٍ يَذْكُرُونَ اللَّهَ بَعْدَ صَلَاةِ الصُّبْحِ إِلَى أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا طَلَعَتْ عَلَيْهِ الشَّمْسُ، وَلَأَنْ أَجْلِسَ مَعَ قَوْمٍ يَذْكُرُونَ اللَّهَ بَعْدَ الْعَصْرِ إِلَى أَنْ تَغِيبَ الشَّمْسُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا فِيهَا))

“Sesungguhnya sekiranya aku dapat duduk bersama satu kaum (kumpulan manusia) yang berzikir kepada Allah ﷻ selepas solat Subuh sehingga terbitnya matahari, [maka ia] adalah lebih aku cintai daripada apa yang terbit ke atasnya matahari (seluruh dunia ini).

Dan sesungguhnya sekiranya aku dapat duduk bersama satu kaum (kumpulan manusia) yang berzikir kepada Allah ﷻ selepas (solat) Asar sehingga terbenamnya matahari, [maka ia] adalah lebih aku cintai daripada dunia ini dan apa yang ada di dalamnya.”

Dalil Kedua Puluh Empat [*Sunnah Taqrīriyyah/ Athar: Para Sahabat* ﷺ Berzikir dengan Mengangkat Suara Selepas Solat Fardu di Zaman Rasulullah ﷺ]

Al-Shaykhān (al-Bukhārī dan Muslim) meriwayatkan daripada [‘Abdullāh] Ibnu ‘Abbās رضي الله عنه bahawa beliau berkata:

إِنَّ رَفَعَ الصَّوْتِ بِالذُّكْرِ حِينَ يَنْصَرِفُ النَّاسُ مِنَ الْمَكْتُوبَةِ كَانَ عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ ﷺ،
قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ (رضي الله عنه): كُنْتُ أَعْلَمُ إِذَا انْصَرَفُوا بِذَلِكَ إِذَا سَمِعْتُهُ

“Sesungguhnya [amalan] mengangkat suara ketika berzikir apabila orang ramai telah selesai mengerjakan solat fardu telah dilakukan pada zaman Nabi ﷺ.

Ibnu ‘Abbās رضي الله عنه berkata lagi:

Aku mengetahui bahawa mereka (para sahabat Nabi ﷺ) telah selesai mengerjakan solat dengan amalan/perkara itu (zikir dengan mengangkat suara) apabila aku mendengarnya.”

Dalil Kedua Puluh Lima [Hadith: Anjuran Melaungkan Zikir *Tahlil Kāmil* di Pasar]

Al-Ḥākim meriwayatkan daripada ‘Umar bin al-Khaṭṭāb رضي الله عنه bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

((مَنْ دَخَلَ السُّوقَ فَقَالَ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، كَتَبَ اللَّهُ لَهُ أَلْفَ أَلْفِ حَسَنَةٍ وَمَحَا عَنْهُ أَلْفَ أَلْفِ سَيِّئَةٍ، وَرَفَعَ لَهُ أَلْفَ أَلْفِ دَرَجَةٍ، وَبَنَى لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ))

“Barangsiapa memasuki pasar, lalu dia menyebut:

((لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ))

“Tidak tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah, yang Esa, tiada bagi-Nya sekutu, bagi-Nya kekuasaan dan bagi-Nya segala pujian, Dia menghidupkan dan mematikan, dan Dia berkuasa ke atas tiap-tiap sesuatu”,

[maka] Allah ﷻ akan menulis (mencatat) baginya sejuta kebajikan, dan memadamkan daripadanya sejuta kejahatan, dan mengangkat baginya sejuta darjat, serta membina baginya sebuah mahligai di syurga.”

[Imam al-Suyuti berkata:]

وَفِي بَعْضِ طُرُقِهِ: ((فَنَادَى))

“Dan di dalam sebahagian jalan-jalan periwayatan hadith ini, (lafaz yang digunakan ialah): “Lalu dia menyeru/melaungkan.”

Dalil Kedua Puluh Enam [Hadith: Perintah Mengangkat Suara Ketika Bertakbir]

Aḥmad, Abū Dāwud, al-Tirmidhī – dan beliau menilai hadith ini sebagai sahih, al-Nasā’ī dan Ibnu Mājah meriwayatkan daripada al-Sā’ib رضي الله عنه bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

((جَاءَنِي جِبْرِيلُ عليه السلام فَقَالَ: مُرْ أَصْحَابَكَ يَرْفَعُوا أَصْوَاتَهُمْ بِالتَّكْبِيرِ))

“Jibril عليه السلام telah datang kepadaku dan berkata:

Perintahkanlah para sahabatmu agar mereka mengangkat suara-suara mereka ketika bertakbir (menyebut *Allāhu Akbar*).”

Dalil Kedua Puluh Tujuh [Athar: ‘Abdullah Ibnu ‘Umar رضي الله عنه dan Abu Hurayrah رضي الله عنه Bertakbir di Pasar]

Al-Marūzī telah meriwayatkan di dalam kitab al-Īdayn daripada Mujāhid bahawa beliau menyatakan:

أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ وَأَبَا هُرَيْرَةَ رضي الله عنهما كَانَا يَأْتِيَانِ السُّوقَ أَيَّامَ الْعَشْرِ فَيُكَبِّرَانِ، لَا يَأْتِيَانِ السُّوقَ إِلَّا لِذَلِكَ

“Sesungguhnya ‘Abdullāh Ibnu ‘Umar رضي الله عنه dan Abū Hurayrah رضي الله عنه, mereka berdua sentiasa datang ke pasar pada sepuluh hari (awal Dhū al-Ḥijjah) dan lantas mereka bertakbir.

Mereka berdua tidak datang ke pasar melainkan untuk itu (bertakbir).”

Dalil Kedua Puluh Sembilan [Athar: Para Sahabat ﷺ Bertakbir dengan *Jahar* (Mengangkat Suara/ Nyaring)]

Dan beliau juga telah meriwayatkan daripada ‘Ubayd bin ‘Umayr bahawa beliau berkata:

كَانَ عُمَرُ يُكَبِّرُ فِي قُبَّتِهِ فَيُكَبِّرُ أَهْلُ الْمَسْجِدِ، فَيُكَبِّرُ أَهْلُ السُّوقِ، حَتَّى تَرْتَجَّ مِنِّي تَكْبِيرًا

“(Saidina) ‘Umar (al-Khaṭṭāb) ﷺ pernah bertakbir di kubahnya, maka orang-orang yang berada di dalam masjid pun bertakbir, lalu orang-orang yang berada di pasar pun bertakbir, sehingga bergetar (bumi) Mina dengan suara takbir.”

Dalil Ketiga Puluh [Athar: Zikir Para Sahabat ﷺ Seumpama Ombak]

Dan beliau meriwayatkan juga daripada Maymūn bin Mahrān bahawa beliau berkata:

أَدْرَكْتُ النَّاسَ وَإِنَّهُمْ لَيَكْبُرُونَ فِي الْعَشْرِ حَتَّى كُنْتُ أَشْبَهُهَا بِالْأَمْوَاجِ مِنْ كَثَرَتِهَا

“Aku telah sempat menjumpai satu golongan manusia (para Sahabat ﷺ) dan sesungguhnya mereka akan bertakbir di sepuluh hari awal Dhu al-Hijjah (dengan jahar) sehingga aku pernah menyerupakannya dengan ombak-ombak lautan lantaran banyaknya ia.”

Ini adalah Satu Fasal [Kesimpulan dan Penerangan Tentang Kaedah Mengharmonikan Dalil-dalil Yang Pada Zahirnya Dilihat Bertentangan]

[Imam al-Suyuti berkata:]

فَضْلٌ: إِذَا تَأَمَّلْتَ مَا أوردْنَا مِنَ الْأَحَادِيثِ عَرَفْتَ مِنْ مَجْمُوعِهَا أَنَّهُ لَا كَرَاهَةَ الْبَيِّنَةِ فِي الْجَهْرِ بِالذِّكْرِ، بَلْ فِيهِ مَا يَدُلُّ عَلَى اسْتِحْبَابِهِ إِمَّا صَرِيحًا أَوْ التِّرَامًا، كَمَا أَشَرْنَا إِلَيْهِ،

Apabila engkau memerhatikan/ memikirkan dengan teliti apa yang telah kami bentangkan daripada hadith-hadith tersebut, engkau dapat tahu daripada keseluruhannya bahawa tidak ada elemen makruh langsung di dalam menjaharkan zikir (berzikir dengan suara yang didengari/ mengangkat suara).

Bahkan, padanya (dalil-dalil tersebut) apa yang menunjukkan kepada galakan/ anjuran berkenaannya, sama ada secara jelas atau implikasi sepertimana yang telah kami tunjukkan kepadanya.

[Jawapan berkenaan hadith: “Sebaik-baik Zikir adalah Yang *Khafi*]

وَأَمَّا مُعَارَضَتُهُ بِحَدِيثٍ: ((خَيْرُ الذُّكْرِ الْخَفِيُّ)) فَهُوَ نَظِيرٌ مُعَارَضَةٍ أَحَادِيثِ الْجَهْرِ
بِالْقُرْآنِ بِحَدِيثٍ: ((الْمُسِرُّ بِالْقُرْآنِ كَالْمُسِرِّ بِالصَّدَقَةِ))

Dan apa yang dilihat sebagai pertentangannya dengan hadith:

((خَيْرُ الذُّكْرِ الْخَفِيُّ))

“Sebaik-baik zikir adalah yang tersembunyi (perlahan)”

Maka ia adalah seumpama pertentangan hadith-hadith yang mengajurkan *jahar* dengan al-Quran dengan hadith (berikut):

((الْمُسِرُّ بِالْقُرْآنِ كَالْمُسِرِّ بِالصَّدَقَةِ))

“Orang yang memperlahankan suara dengan bacaan al-Qur’an seumpama orang menyembunyikan amalan bersedekah.”

وَقَدْ جَمَعَ النَّوَوِيُّ بَيْنَهُمَا بِأَنَّ الْإِخْفَاءَ أَفْضَلُ حَيْثُ خَافَ الرَّيَاءَ أَوْ تَأَذَى بِهِ مُصَلُّونَ أَوْ
نِيَامٌ، وَالْجَهْرُ أَفْضَلُ فِي غَيْرِ ذَلِكَ؛ لِأَنَّ الْعَمَلَ فِيهِ أَكْثَرُ وَلِأَنَّ فَايِدَتَهُ تَتَعَدَّى إِلَى
السَّامِعِينَ، وَلِأَنَّهُ يُوقِظُ قَلْبَ الْقَارِئِ وَيَجْمَعُ هَمَّهُ إِلَى الْفِكْرِ وَيَضْرِفُ سَمْعَهُ إِلَيْهِ وَيَطْرُدُ
النَّوْمَ وَيَزِيدُ فِي النَّشَاطِ،

Dan [Imam] al-Nawawi telah menghimpunkan di antara kedua-dua hadith ini dengan kenyataan bahawa memperlahankan suara (*al-ikhfā*)

itu adalah lebih baik apabila pembacanya takut akan riya', atau takut orang yang sedang bersolat atau sedang tidur disakiti/diganggu.

Dan menjaharkan bacaan al-Qur'an itu lebih baik dalam keadaan selain itu kerana usaha amalan yang dilakukan adalah lebih banyak, dan kerana faedahnya akan sampai kepada pendengarnya, dan kerana ia mampu menyedarkan hati pembaca, dan menghimpunkan segala tumpuannya kepada berfikir (dengan al-Qur'an), dan ia dapat menarik pendengarannya kepadanya, dan menjauhkan tidur (atau perasaan mengantuk) dan lebih menambahkan kecergasan (pembaca).

وَقَالَ بَعْضُهُمْ: يُسْتَحَبُّ الْجَهْرُ بِبَعْضِ الْقِرَاءَةِ وَالْإِسْرَارُ بِبَعْضِهَا؛ لِأَنَّ الْمُسْرَّ قَدْ يَمَلُّ
فَيَأْنَسُ بِالْجَهْرِ، وَالْجَاهِرُ قَدْ يَكِلُّ فَيَسْتَرِيحُ بِالْإِسْرَارِ. انْتَهَى،
وَكَذَلِكَ نَقُولُ فِي الذُّكْرِ عَلَى هَذَا التَّفْصِيلِ، وَبِهِ يَحْصُلُ الْجَمْعُ بَيْنَ الْأَحَادِيثِ.

Dan sebahagian daripada para ulama' telah berkata:

يُسْتَحَبُّ الْجَهْرُ بِبَعْضِ الْقِرَاءَةِ وَالْإِسْرَارُ بِبَعْضِهَا

“Disunatkan menjaharkan sebahagian bacaan al-Qur'an dan memperlahankan sebahagiannya yang lain.”

Ini adalah kerana orang yang membaca dengan perlahan mungkin akan merasa jemu, maka ia dapat merasa lebih mesra dengan bacaan secara *jahar*. Dan orang yang membaca secara *jahar* mungkin akan merasa keletihan, maka dia dapat merasa kerehatan dengan membaca secara perlahan. Selesai [nukilan].

Dan begitulah jua, perbincangan mengenai zikir juga berdasarkan perincian sebegini. Maka dengan itu terhasillah kesatuan atau himpunan (keharmonian) di antara hadith-hadith ini.

[Jawapan berkenaan Tafsiran Ayat 205: Surah al-A'raf]

فَإِنْ قُلْتَ: قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ((وَأَذْكُرْ رَبَّكَ فِي نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً وَدُونَ الْجَهْرِ مِنَ الْقَوْلِ)) [الأعراف: 205] قُلْتُ: الْجَوَابُ عَنْ هَذِهِ الْآيَةِ مِنْ ثَلَاثَةِ أَوْجُهٍ:

Sekiranya kamu berkata: Allah ﷻ berfirman (al-A'raf 7:205):

﴿وَأَذْكُرْ رَبَّكَ فِي نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً وَدُونَ الْجَهْرِ مِنَ الْقَوْلِ ...﴾

“Dan sebutlah serta ingatlah akan Tuhanmu dalam hatimu, dengan merendah diri serta dengan perasaan takut (melanggar perintahnya), dan dengan tidak pula menyaringkan suara ...”

Aku berkata: Jawapan (bagi ayat) ini ialah daripada tiga sudut/aspek:

الأوّل: أَنَّهَا مَكِّيَّةٌ كَأَيَّةِ الْإِسْرَاءِ: ((وَلَا تَجْهَرُ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتُ بِهَا)) [الإسراء: 110] وَقَدْ نَزَلَتْ حِينَ كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَجْهَرُ بِالْقُرْآنِ فَيَسْمَعُهُ الْمُشْرِكُونَ فَيَسُبُّونَ الْقُرْآنَ وَمَنْ أَنْزَلَهُ، فَأَمَرَ بِتَرْكِ الْجَهْرِ سَدًّا لِلذَّرِيعَةِ، كَمَا نُهِيَ عَنْ سَبِّ الْأَصْنَامِ لِذَلِكَ فِي قَوْلِهِ تَعَالَى: ((وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ)) [الأنعام: 108] وَقَدْ زَالَ هَذَا الْمَعْنَى، وَأَشَارَ إِلَى ذَلِكَ ابْنُ كَثِيرٍ فِي تَفْسِيرِهِ.

Pertama: Sesungguhnya ia adalah ayat *makkiyyah* yang turun di Mekah seperti ayat al-Isra' (17: 110):

﴿وَلَا تَجْهَرُ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتُ بِهَا﴾

“Dan janganlah engkau nyaringkan bacaan doa atau sembahyangmu, juga janganlah engkau perlahankannya, ...”

Dan sesungguhnya ia telah turun ketika Nabi ﷺ menjaharkan bacaan al-Qur’an dan bacaan Baginda ﷺ tersebut didengari oleh kaum mushrikin, lalu mereka pun mencaci al-Qur’an dan pihak yang mewahyukannya. Maka Allah ﷻ memerintahkan agar bacaan secara *jahar* ditinggalkan berasaskan kaedah *sadd al-dharī‘ah* (menutup jalan ke arah kejahatan), seperti Dia telah melarang daripada perbuatan mencaci berhala seperti mana firman-Nya: (al-An‘ām 6:108):

﴿وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ﴾

“Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan...”.

Dan sesungguhnya makna larangan yang dimaksudkan ini telah gugur, dan Ibnu Kathir telah menunjukkan perkara ini di dalam tafsirnya.

Nota Tambahan

Ketika mentafsirkan ayat 110/Surah al-Isra’, Imam Ibnu Kathir (di dalam kitab tafsirnya “Tafsir al-Qur’an al-‘Azīm”) menukulkan riwayat daripada Ibnu ‘Abbās رضي الله عنه bahawa beliau berkata:

نزلت هذه الآية ورسول الله ﷺ متوارٍ بمكة: ﴿وَلَا تَجْهَرُ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتُ بِهَا﴾
قَالَ: كَانَ إِذَا صَلَّى بِأَصْحَابِهِ رَفَعَ صَوْتَهُ بِالْقُرْآنِ، فَلَمَّا سَمِعَ ذَلِكَ الْمُشْرِكُونَ سَبُّوا

الْقُرْآنَ وَسَبُّوا مَنْ أَنْزَلَهُ وَمَنْ جَاءَ بِهِ، قَالَ: فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى لِنَبِيِّهِ ﷺ: ﴿ وَلَا تَجْهَرُ بِصَلَاتِكَ ﴾ أَيِ بِقِرَاءَتِكَ فَيَسْمَعُ الْمُشْرِكُونَ فَيَسُبُّونَ الْقُرْآنَ ﴿ وَلَا تُخَافِتْ بِهَا ﴾ عَنْ أَصْحَابِكَ، فَلَا تُسْمِعُهُمُ الْقُرْآنَ حَتَّى يَأْخُذُوهُ عَنْكَ ﴿ وَابْتَغِ بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا ﴾، أَخْرَجَاهُ فِي الصَّحِيحَيْنِ مِنْ حَدِيثِ أَبِي بَشِيرٍ جَعْفَرِ بْنِ إِيَّاسٍ بِهِ، وَكَذَا رَوَاهُ الضَّحَّاكُ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، وَزَادَ: فَلَمَّا هَاجَرَ إِلَى الْمَدِينَةِ سَقَطَ ذَلِكَ يَفْعَلُ أَيَّ ذَلِكَ شَاءَ.

“Ayat ini telah diturunkan ketika mana Rasulullah ﷺ masih mengamalkan Islam secara berselindung di Mekah: (iaitu) “Dan janganlah engkau nyaringkan bacaan doa atau sembahyangmu, juga janganlah engkau perlahankannya.”

Beliau berkata: Apabila Baginda ﷺ bersolat dengan para sahabat Baginda ﷺ, Baginda ﷺ mengangkat suara Baginda ﷺ, dan apabila orang-orang musyrik telah mendengar [bacaan al-Qur’an] itu, mereka mencaci al-Qur’an dan mereka mencaci siapa (Allah) yang menurunkannya dan (Rasulullah ﷺ) yang mendatangkannya [kepada mereka].

Beliau berkata: Maka Allah ﷻ berfirman kepada Nabi-Nya ﷺ: “Dan janganlah engkau nyaringkan bacaan doa atau sembahyangmu” – iaitu bacaanmu bagi al-Qur’an, maka orang-orang musyrik mendengarnya, lalu mereka mencaci al-Qur’an -, juga “Janganlah engkau perlahankannya” – iaitu janganlah engkau tidak memperdengarkan al-Qur’an kepada para sahabatmu agar mereka dapat mengambilnya (mempelajarinya) daripadamu -, dan gunakanlah sahaja satu cara yang sederhana antara itu.

(Riwayat ini) telah dinukilkan oleh al-Bukhari dan Muslim di dalam

kedua-dua kitab “Sahih” mereka daripada hadith Abi Bishr Ja far bin Iyās, dan seperti itu jua (riwayat) al-Daḥḥāk daripada Ibnu ‘Abbas رحمتهما, dan beliau menambah: “Maka apabila Baginda ﷺ berhijrah ke Madinah, gugurlah [larangan itu], [kemudian] Baginda ﷺ melakukan mana-mana yang Baginda ﷺ kehendaki [daripada kedua-duanya - sama ada bacaan secara nyaring atau perlahan].”



الثَّانِي: أَنَّ جَمَاعَةً مِنَ الْمُقْسِرِينَ، مِنْهُمْ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنِ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ شَيْخُ مَالِكٍ، وَابْنُ جَرِيرٍ حَمَلُوا آيَةَ عَلَى الذَّاكِرِ حَالَ قِرَاءَةِ الْقُرْآنِ، وَأَنَّهُ أَمَرَ لَهُ بِالذِّكْرِ عَلَى هَذِهِ الصِّفَةِ تَعْظِيمًا لِلْقُرْآنِ أَنْ تَرْفَعَ عِنْدَهُ الْأَصْوَاتُ، وَيُقَوِّيه اتِّصَالَهَا بِقَوْلِهِ: ((وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا)) [الأعراف: 204] قُلْتُ: وَكَانَتْ لِمَا أَمَرَ بِالْإِنْصَاتِ خَشْيَةً مِنْ ذَلِكَ الْإِخْلَادِ إِلَى الْبَطَالَةِ، فَنَبَّهَ عَلَى أَنَّهُ وَإِنْ كَانَ مَأْمُورًا بِالسُّكُوتِ بِاللِّسَانِ إِلَّا أَنْ تَكْلِيفَ الذِّكْرِ بِالْقَلْبِ بَاقٍ حَتَّى لَا يَغْفَلَ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ، وَلِذَا خَتَمَ آيَةَ بِقَوْلِهِ:

﴿وَلَا تَكُنْ مِنَ الْغَافِلِينَ﴾ [الأعراف: 205]

Kedua: Sesungguhnya sebahagian daripada ulama’ tafsir, seperti ‘Abd al-Rahman bin Zayd bin Aslam, guru kepada Malik dan Ibnu Jarir, telah meletakkan ayat ini ke atas orang yang berzikir ketika dia sedang membaca al-Qur’an. Dan sesungguhnya dia diperintahkan untuk berzikir di dalam keadaan ini⁶ kerana (bertujuan) untuk

⁶ Tidak terlalu nyaring dan tidak terlalu perlahan.

mengagungkan al-Qur'an daripada suara-suara (lain) yang dinyaringkan di sisinya. Dan perkara yang menguatkan maksud ini ialah hubungannya dengan firman Allah ﷻ (al-A'rāf 7:204) (pada ayat sebelumnya, iaitu):

﴿ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا ﴾

“Dan apabila Al-Qur'an itu dibacakan, maka dengarlah akan dia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya)..”

Aku berkata: Dan seolah-olahnya apabila Allah ﷻ memerintahkan kita untuk diam (ketika mendengar al-Qur'an), ditakuti pula akan menyebabkan orang-orang yang berdiam itu tidak melakukan apa-apa, maka Dia memberi perhatian bahawasanya walaupun seseorang itu diperintahkan untuk diam dengan lisannya tetapi sesungguhnya tuntutan untuk berzikir dengan hati masih lagi ada agar dia tidak lalai daripada zikrullah, dan oleh kerana itulah Allah ﷻ mengakhiri ayat 205 di dalam surah al-A'rāf dengan firmanNya:

﴿ وَلَا تَكُنْ مِنَ الْغَافِلِينَ ﴾

“Dan janganlah engkau jadi dari golongan orang-orang yang lalai.”

Nota Tambahan

Ayat al-Quran (al-A'rāf 7:204-205):

﴿ وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴾

“[204] Dan apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan dia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk

mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat.

﴿ وَاذْكُرْ رَبَّكَ فِي نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً وَدُونَ الْجَهْرِ مِنَ الْقَوْلِ بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ وَلَا تَكُنْ مِنَ الْغَافِلِينَ ﴾

[205] Dan sebutlah serta ingatlah akan Tuhanmu dalam hatimu, dengan merendah diri serta dengan perasaan takut (melanggar perintahnya), dan dengan tidak pula menyaringkan suara, pada waktu pagi dan petang dan janganlah engkau menjadi dari orang-orang yang lalai.”



الثَّالِثُ: مَا ذَكَرَهُ الصُّوفِيَّةُ أَنَّ الْأَمْرَ فِي الْآيَةِ خَاصٌّ بِالنَّبِيِّ ﷺ الْكَامِلِ الْمَكْمَلِ، وَأَمَّا غَيْرُهُ مِمَّنْ هُوَ مَحَلُّ الْوَسَاوِسِ وَالْخَوَاطِرِ الرَّدِيَّةِ فَمَأْمُورٌ بِالْجَهْرِ؛ لِأَنَّهُ أَشَدُّ تَأْثِيرًا فِي دَفْعِهَا، قُلْتُ: وَيُؤَيِّدُهُ مِنَ الْحَدِيثِ مَا أَخْرَجَهُ الْبَزَّازُ عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((مَنْ صَلَّى مِنْكُمْ بِاللَّيْلِ فَلْيَجْهَرْ بِقِرَاءَتِهِ؛ فَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ تُصَلِّي بِصَلَاتِهِ وَتَسْمَعُ لِقِرَاءَتِهِ، وَإِنَّ مُؤْمِنِي الْجِنِّ الَّذِينَ يَكُونُونَ فِي الْهَوَاءِ وَجِيرَانُهُ مَعَهُ فِي مَسْكَنِهِ يُصَلُّونَ بِصَلَاتِهِ وَيَسْتَمِعُونَ قِرَاءَتَهُ، وَإِنَّهُ يَنْطَرِدُ بِجَهْرِهِ بِقِرَاءَتِهِ عَنْ دَارِهِ وَعَنِ الدُّورِ الَّتِي حَوْلَهُ فَسَاقُ الْجِنِّ وَمَرَدَةُ الشَّيَاطِينِ)) .

Ketiga: Ia adalah apa yang telah disebutkan oleh para Sufiyyah (ahli-ahli Sufi) bahawa perintah tersebut hanyalah khusus bagi Nabi ﷺ yang merupakan insan yang sempurna lagi disempurnakan. Manakala orang lain selain daripada Baginda ﷺ adalah tempat bagi berlakunya was-was dan lintasan-lintasan yang jahat/buruk, maka

dia diperintahkan untuk menjaharkannya (zikrullah) kerana itu lebih berkesan dalam menangkis perkara-perkara tersebut.

Aku berkata: Dan kenyataan ini diperkuatkan oleh hadith yang telah diriwayatkan oleh al-Bazzār daripada Mu‘ādh bin Jabal رضي الله عنه bahawa beliau berkata: Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

((مَنْ صَلَّى مِنْكُمْ بِاللَّيْلِ (مِنَ اللَّيْلِ) فَلْيَجْهَرْ بِقِرَاءَتِهِ ؛ فَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ تُصَلِّي بِصَلَاتِهِ، وَتَسْمَعُ لِقِرَاءَتِهِ، وَإِنَّ مُؤْمِنِي الْجِنِّ الَّذِينَ يَكُونُونَ فِي الْهَوَاءِ، وَجِيرَانُهُ مَعَهُ فِي مَسْكِنِهِ يُصَلُّونَ بِصَلَاتِهِ، وَيَسْتَمِعُونَ قِرَاءَتَهُ، وَإِنَّهُ يَنْظُرُ بِجَهْرِهِ بِقِرَاءَتِهِ (لِيَطْرُدَ بِجَهْرِ قِرَاءَتِهِ) عَنْ دَارِهِ، وَعَنِ الدُّورِ الَّتِي حَوْلَهُ فَسَاقَ الْجِنُّ، وَمَرَدَةَ الشَّيَاطِينِ))

“Barangsiapa di kalangan kamu yang bersolat di waktu malam, maka hendaklah dia menjaharkan bacaannya. Maka sesungguhnya para malaikat itu bersolat dengan solatnya dan mendengar bacaannya, dan para mukminin dari kalangan jin yang berada di udara dan jirannya yang bersamanya di kawasan tempat tinggalnya juga bersolat dengan solatnya dan mendengar bacaannya itu. Dan dengan suaranya yang *jahar* bagi bacaannya itu, maka sesungguhnya jin-jin yang fasik dan syaitan-syaitan yang jahat akan lari bertempiaran dari rumahnya dan rumah-rumah di sekelilingnya.”

[Nota: Hadith tersebut diriwayatkan oleh al-Bazzār (*al-Baḥr al-Zakkhār*) dan al-Haythamī (*Kashf al-Astār*). Ia merupakan bahagian awal daripada sebuah hadith yang agak panjang.]

[Jawapan berkenaan Tafsiran Ayat 55: Surah al-A'raf]

فَإِنْ قُلْتَ: فَقَدْ قَالَ تَعَالَى: ((اَدْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً إِنَّهُ لَا يُحِبُّ
الْمُعْتَدِينَ)) [الأعراف: 55] وَقَدْ فُسِّرَ الْإِعْتِدَاءُ بِالْجَهْرِ فِي الدُّعَاءِ،

Sekiranya engkau berkata: Sesungguhnya Allah ﷻ telah berfirman (al-A'raf 7:55):

﴿ اَدْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ﴾

“Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.”

Dan sesungguhnya maksud melampau itu telah ditafsirkan sebagai mengangkat suara ketika berdoa.

قُلْتُ: الْجَوَابُ عَنْهُ مِنْ وَجْهَيْنِ:

Aku berkata: Jawapan bagi perkara ini adalah dari dua sudut/aspek:

أَحَدُهُمَا: أَنَّ الرَّاجِحَ فِي تَفْسِيرِهِ أَنَّهُ تَجَاوَزُ الْمَأْمُورِ بِهِ أَوْ اخْتِرَاعُ دَعْوَةٍ لَا أَصْلَ لَهَا فِي الشَّرْعِ، وَيُؤَيِّدُهُ مَا أَخْرَجَهُ ابْنُ مَاجَةَ وَالْحَاكِمُ فِي مُسْتَدْرَكِهِ وَصَحَّحَهُ عَنْ أَبِي نَعَامَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ «أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ مُغَفَّلٍ سَمِعَ ابْنَهُ يَقُولُ: اَللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْقَصْرَ الْأَبْيَضَ عَنْ يَمِينِ الْجَنَّةِ، فَقَالَ: إِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: ((سَيَكُونُ فِي هَذِهِ الْأُمَّةِ قَوْمٌ يَعْتَدُونَ فِي الدُّعَاءِ)) فَهَذَا تَفْسِيرُ صَحَابِيٍّ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُرَادِ.

Pertamanya: Sesungguhnya maknanya yang lebih kuat (*rājih*) di dalam pentafsiran ayat ini ialah apabila seseorang itu melampaui batasan yang telah diperintahkannya [dalam berdoa] atau dia mencipta doa-doa yang tidak mempunyai asas di dalam Shariat.

Kenyataan ini diperkuatkan oleh hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Mājah dan al-Ḥākim di dalam *Mustadraknya* dan dinilai sahih olehnya daripada Abū Na‘āmah bahawa sesungguhnya ‘Abdullāh bin Mughaffal رضي الله عنه pernah mendengar anaknya berdoa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْقَصْرَ الْأَيْصَرَ عَنْ يَمِينِ الْجَنَّةِ

“Ya Allah! Aku memohon daripada-Mu sebuah mahligai putih di sebelah kanan syurga.”

Dia lantas berkata: Sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

((سَيَكُونُ فِي هَذِهِ الْأُمَّةِ قَوْمٌ يَعْتَدُونَ فِي الدُّعَاءِ))

“Akan muncul di dalam umat ini satu kaum yang melampau di dalam berdoa.”

Nota Tambahan

Riwayat Ibnu Mājah:

Abu Na‘āmah meriwayatkan bahawa:

أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ مُغْفَلٍ، سَمِعَ ابْنَهُ، يَقُولُ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْقَصْرَ الْأَيْصَرَ عَنْ يَمِينِ الْجَنَّةِ، إِذَا دَخَلْتُهَا، فَقَالَ: أَيُّ بُنْيٍّ! سَلِ اللَّهَ الْجَنَّةَ وَعُدْ بِهِ مِنَ النَّارِ، فَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: ((سَيَكُونُ قَوْمٌ يَعْتَدُونَ فِي الدُّعَاءِ))

“Sesungguhnya ‘Abdullāh bin Mughaffal ﷺ telah mendengar anak lelakinya berdoa: Ya Allah! Sesungguhnya aku meminta daripada-Mu mahligai putih di sebelah kanan syurga, apabila aku memasukinya.

Maka beliau berkata: Wahai anakku! Mintalah daripada Allah itu syurga dan mintalah perlindungan dengan-Nya daripada api neraka, maka sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

Akan muncul satu kaum yang melampau dalam berdoa.”

Riwayat al-Hākim:

Abu Na‘āmah meriwayatkan bahawa:

أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ مُغَفَّلٍ، سَمِعَ ابْنَهُ، يَقُولُ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْقَصْرَ الْأَيْصَرَ مِنْ يَمِينِ الْجَنَّةِ، قَالَ: إِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: ((يَكُونُ فِي هَذِهِ الْأُمَّةِ قَوْمٌ يَعْتَدُونَ فِي الدُّعَاءِ وَالطُّهُورِ))

“Sesungguhnya ‘Abdullāh bin Mughaffal ﷺ telah mendengar anak lelakinya berdoa: Ya Allah! Sesungguhnya aku meminta daripada-Mu mahligai putih di sebelah kanan syurga.

[Maka] beliau pun berkata: Sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: Akan muncul satu kaum di dalam umat ini yang melampau dalam berdoa dan bersuci.”

Nota: Hadith yang seumpamanya juga telah diriwayatkan oleh Abu Dawud; Ahmad; Ibnu Hibban; Abu Dawud al-Tayalisi; Abu Ya‘la al-Mawsili; al-Ruyani; Ibnu Hajar al-Asqalani; Ibnu Abi Shaybah dan lain-lain.



الثَّانِي: عَلَى تَقْدِيرِ التَّسْلِيمِ، فَالْآيَةُ فِي الدُّعَاءِ لَا فِي الذُّكْرِ، وَالدُّعَاءُ بِخُصُوصِهِ الْأَفْضَلُ فِيهِ الْإِسْرَارُ؛ لِأَنَّهُ أَقْرَبُ إِلَى الْإِجَابَةِ، وَلِذَا قَالَ تَعَالَى: ((إِذْ نَادَى رَبَّهُ نِدَاءً خَفِيًّا)) [مريم: 3] وَمِنْ ثَمَّ اسْتُحِبَّ الْإِسْرَارُ بِالْإِسْتِعَاذَةِ فِي الصَّلَاةِ اتِّفَاقًا؛ لِأَنَّهَا دُعَاءٌ،

Kedua: Andainya kita menerima tafsiran yang pertama itu (larangan berdoa dengan suara yang kuat), maka ayat ini adalah larangan perbuatan tersebut di dalam doa dan bukannya di dalam zikir. Dan doa itu secara khususnya lebih baik dilakukan secara tersembunyi/perlahan kerana itu lebih dekat kepada penerimaan.

Dan kerana itulah, Allah ﷻ berfirman (Maryam 19:3):

﴿إِذْ نَادَى رَبَّهُ نِدَاءً خَفِيًّا﴾

“(Ingatkanlah peristiwa) ketika Nabi Zakaria berdoa kepada Tuhannya dengan doa permohonan secara perlahan.”

Dan kerana itulah disunatkan membaca *al-Isti‘ādhah* di dalam solat secara perlahan berdasarkan kesepakatan para ulama’ kerana ia merupakan satu doa.

[Jawapan berkenaan Riwayat Yang Dikaitkan dengan ‘Abdullāh Bin Mas‘ūd ؓ]

فَإِنْ قُلْتَ: فَقَدْ نُقِلَ عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ أَنَّهُ رَأَى قَوْمًا يَهْلُلُونَ بِرَفْعِ الصَّوْتِ فِي الْمَسْجِدِ
فَقَالَ: مَا أَرَأَيْكُمْ إِلَّا مُبْتَدِعِينَ، حَتَّى أَخْرَجَهُمْ مِنَ الْمَسْجِدِ.

Dan sekiranya engkau berkata: Maka sesungguhnya telah dinukilkan daripada [‘Abdullāh] Ibnu Mas‘ūd ؓ bahawa beliau pernah melihat satu kaum yang bertahlil dengan mengangkat suara di dalam masjid, dan lalu beliau berkata:

مَا أَرَأَيْكُمْ إِلَّا مُبْتَدِعِينَ

“Tidaklah aku melihat kamu semua melainkan sebagai ahli-ahli bid’ah.”

Sehinggalah beliau menghalau mereka keluar dari masjid.

قُلْتُ: هَذَا الْأَثَرُ عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ يَحْتَاجُ إِلَى بَيَانِ سَنَدِهِ وَمَنْ أَخْرَجَهُ مِنَ الْأُئِمَّةِ الْحُفَّازِ
فِي كُتُبِهِمْ، وَعَلَى تَقْدِيرِ ثُبُوتِهِ فَهُوَ مُعَارِضٌ بِالْأَحَادِيثِ الْكَثِيرَةِ الثَّابِتَةِ الْمُتَقَدِّمَةِ، وَهِيَ
مُقَدَّمَةٌ عَلَيْهِ عِنْدَ التَّعَارُضِ،

Aku berkata: Athar yang dinukilkan daripada [‘Abdullāh] Ibnu Mas‘ūd ؓ ini perlu kepada penerangan berkenaan sanadnya, dan siapa yang meriwayatkannya dari kalangan para Imam yang Huffaz di dalam kitab-kitab mereka. Dan seandainya ditakdirkan bahawa ia *thābit*, maka ia adalah bertentangan dengan hadith-hadith yang begitu banyak lagi *thābit* yang terdahulu tadi. Dan hadith-hadith

tersebut lebih diutamakan apabila berlaku pertentangan dalil di dalam hal ini.

ثُمَّ رَأَيْتُ مَا يَقْتَضِي إِنْكَارَ ذَلِكَ عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ، قَالَ الْإِمَامُ أَحْمَدُ بْنُ حَنْبَلٍ فِي كِتَابِ
الزُّهْدِ: ثَنَا حُسَيْنُ بْنُ مُحَمَّدٍ، ثَنَا الْمَسْعُودِيُّ، عَنْ عَامِرِ بْنِ شَقِيقٍ، عَنْ أَبِي وَائِلٍ قَالَ:
هَؤُلَاءِ الَّذِينَ يَزْعُمُونَ أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ كَانَ يَنْهَى عَنِ الذِّكْرِ، مَا جَالَسْتُ عَبْدَ اللَّهِ مَجْلِسًا قَطُّ
إِلَّا ذَكَرَ اللَّهَ فِيهِ.

Dan kemudiannya, aku telah menjumpai sebuah riwayat [lain] yang mengingkari riwayat tersebut (beliau menghalang mengangkat suara ketika bertahlil) berkenaan [‘Abdullāh] Ibn Mas‘ūd رضي الله عنه .

Al-Imam Ahmad bin Hanbal berkata di dalam kitab *al-Zuhd*:

Husayn bin Muḥammad telah memberitahu kami dengan katanya:
al-Mas‘ūdī telah memberitahu kami dengan riwayat daripada
‘Āmir bin Shaqīq, daripada Abū Wā‘il bahawa beliau berkata:

هَؤُلَاءِ الَّذِينَ يَزْعُمُونَ أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ كَانَ يَنْهَى عَنِ الذِّكْرِ، مَا جَالَسْتُ عَبْدَ اللَّهِ مَجْلِسًا قَطُّ
إِلَّا ذَكَرَ اللَّهَ فِيهِ.

“Dan mereka itu adalah golongan yang menyangka bahawa
‘Abdullāh [Ibnu Mas‘ūd رضي الله عنه] pernah melarang daripada zikir
(dengan mengangkat suara), akan tetapi aku sendiri tidak pernah
duduk bersama-sama dengan ‘Abdullāh [Ibnu Mas‘ūd رضي الله عنه] di dalam
satu majlis melainkan beliau akan berzikir kepada Allah ﷻ di
dalamnya.”

وَأَخْرَجَ أَحْمَدُ فِي الزُّهْدِ عَنْ ثَابِتِ الْبُنَانِيِّ قَالَ: إِنَّ أَهْلَ ذِكْرِ اللَّهِ لَيَجْلِسُونَ إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ،
وَإِنَّ عَلَيْهِمْ مِنَ الْآثَامِ أَمْثَالَ الْجِبَالِ، وَإِنَّهُمْ لَيَقُومُونَ مِنْ ذِكْرِ اللَّهِ تَعَالَى مَا عَلَيْهِمْ مِنْهَا
شَيْءٌ

Dan [Imam] Ahmad telah meriwayatkan di dalam (kitab) *al-Zuhd* daripada Thābit al-Bunānī bahawa beliau berkata:

إِنَّ أَهْلَ ذِكْرِ اللَّهِ لَيَجْلِسُونَ إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَإِنَّ عَلَيْهِمْ مِنَ الْآثَامِ كَأَمْثَالِ الْجِبَالِ، وَإِنَّهُمْ
لَيَقُومُونَ مِنْ ذِكْرِ اللَّهِ تَعَالَى مَا عَلَيْهِمْ مِنْهَا شَيْءٌ

“Sesungguhnya ahli-ahli zikrullah akan duduk [bersama] untuk berzikir kepada Allah sedangkan di atas mereka dosa-dosa [yang banyak] seumpama gunung ganang.


Dan sesungguhnya apabila mereka bangun daripada zikrullah, tidak ada lagi di atas mereka dari dosa-dosa tersebut suatu apa pun.”

[Nota: Juga diriwayatkan oleh Abu Nu‘aym al-Asbahani di dalam *Hilyat al-Awliya’* dengan sanadnya.]

[Sedikit Ulasan Tambahan oleh Penterjemah]

Dari sudut kenyaringan suara dan memperlahkannya ketika berzikir, para ulama' telah membahagikan zikrullah itu kepada dua jenis iaitu:

1. Zikir secara *jahar* (nyaring/ didengari/ mengangkat suara) (*Dhikr al-Jahr*)
2. Zikir secara *khafi* (tersembunyi/ perlahan) (*Dhikr al-Khafi*)



Kedua-dua bentuk zikir ini dishariatkan di dalam Islam dan riwayat-riwayat hadith daripada Rasulullah ﷺ menunjukkan bahawa Baginda ﷺ menganjurkan kedua-dua bentuk zikir ini. Dan sebahagian para ulama' telah menetapkan bahawa zikir yang tersembunyi itu lebih baik dan sebahagian yang lain pula menetapkan bahawa zikir secara jahar itu lebih baik sekiranya tiada elemen riya' atau pun menyakiti (*īdhā'*) orang yang sedang bersolat, membaca al-Quran atau tidur.

Dari perspektif usul fiqh pula, sifat *jahar* semata-mata (boleh didengari) tidak munasabah untuk menjadi 'illah pengharaman bagi sesuatu zikir melainkan apabila ada 'illah yang lain seperti *ifrāt* (melampau) dan *īdhā'* (menyakiti orang lain) pada perkara yang tidak dibenarkan. Ini adalah kerana zikir yang *jahar* (didengari) itu mempunyai asas yang tidak boleh dipertikaikan lagi di dalam Shariat.

Sekiranya sifat *jahar* semata-mata menjadi 'illah pengharaman, maka tidak ada ibadat dalam Shariat yang dilakukan dengan suara yang *jahar* dan ini adalah bertentangan sama sekali dengan nas-nas Shariat yang begitu banyak.

Sebenarnya di sana terdapat banyak dalil berkenaan berzikir secara *jahar* secara umum. Al-Imam Abu al-Hasanat Muhammad Abdul-Hayy al-Laknawi al-Hindi telah mengumpulkan sebanyak empat puluh lapan (48) hadith dalam menerangkan keharusan berzikir secara *jahar* di dalam kitabnya: “*Sibāḥat al-Fikr fi al-Jahr bi al-Dhikr.*” Beliau menyebut:

فَهَذِهِ أَحَادِيثٌ صَحِيحَةٌ يَظْهَرُ مِنْهَا وَمِنْ نَظَائِرِهَا صَرَاحَةٌ أَوْ إِشَارَةٌ: أَنْ لَا كَرَاهَةَ فِي
الْجَهْرِ بِالذِّكْرِ، بَلْ فِيهَا مَا يَدُلُّ عَلَى جَوَازِهِ، أَوْ اسْتِحْبَابِهِ، كَيْفَ لَا وَالْجَهْرُ بِالذِّكْرِ لَهُ أَثَرٌ
فِي تَرْقِيقِ الْقُلُوبِ، مَا لَيْسَ فِي السِّرِّ

“Maka hadith-hadith yang sahih ini, zahir daripadanya dan seumpamanya secara jelas atau implikasi: bahawa tidak ada elemen makruh di dalam menjaharkan zikir, bahkan padanya terdapat bukti yang menjadi dalil keharusannya atau galakan terhadapnya; mengapa tidak? Bukankah di dalam menjaharkan zikir itu terdapat kesan-kesan (yang efektif) di dalam melunakkan hati-hati yang tidak ada pada zikir secara senyap/sembunyi.”

Beliau juga membuat kesimpulan bahawa kenyataan para ulama' dan hadith yang melarang berzikir secara jahar pada hakikatnya adalah merujuk kepada jahar *mufrit* (ataupun jahar yang melampau) dan bukan semata-mata jahar.

Beliau berkata:

وَالظَّاهِرُ أَنَّ مُرَادَ مَنْ قَالَ: الْجَهْرُ حَرَامٌ، هُوَ الْجَهْرُ الْمُفْرِطُ بِدَلِيلٍ أَنَّهُمْ يَسْتَدِلُّونَ عَلَيْهِ بِقَوْلِهِ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ: ((إِرْبَعُوا عَلَى أَنْفُسِكُمْ)) - الْحَدِيثُ، وَقَدْ عَرَفْتَ فِي شَأْنِ وُرُودِهِ أَنَّ وُرُودَهُ إِنَّمَا كَانَ فِي الْجَهْرِ الْمُفْرِطِ، لَا فِي الْجَهْرِ مُطْلَقًا، مَعَ أَنَّهُ كَيْفَ تَثَبَّتْ الْحُرْمَةُ الْحَقِيقِيَّةُ بِخَيْرِ الْآحَادِ الَّذِي هُوَ مِنَ الْأَدِلَّةِ الظَّنِّيَّةِ!؟

“Dan yang zahir/jelas bahawa sesungguhnya maksud yang dikehendaki oleh sesiapa (dari kalangan ulama’) yang berkata: *Jahar* (dengan zikir) itu adalah haram: Ia adalah merujuk kepada kepada *jahar* yang melampau (*mufrit*) dengan dalil bahawa mereka menggunakan dalil hadith Rasulullah ﷺ:

((إِرْبَعُوا عَلَى أَنْفُسِكُمْ))

“Berhemahlah terhadap diri-diri kamu [dengan tidak perlu mengangkat suara dengan melampau].”

Dan sesungguhnya kamu telah mengetahui bahawa keadaan *wurudnya* (datangnya) hadith ini adalah merujuk kepada *jahar* yang melampau, dan bukannya semata-mata *jahar* secara mutlak. Dan lagi, bagaimanakah boleh terjadinya pengharaman hakiki dengan satu khabar *ahad*⁷ yang tergolong daripada dalil-dalil yang *zanniyyah* (tidak mencapai tahap yakin)?!.”



⁷ Ini adalah kerana mazhab Hanafi membezakan tahap pengharaman itu berdasarkan status nas, sama ada ia mutawatir, masyhur atau ahad.


Nota tambahan: Hadith berkenaan jahar *mufrit*

Abū Mūsā al-Ash‘ārī رضي الله عنه berkata: Pernah pada satu ketika kami bersama Rasulullah ﷺ. Maka apabila kami melalui satu lembah, kami bertahlil dan bertakbir (sehingga) suara-suara kami diangkat (menjadi nyaring). Nabi ﷺ pun bersabda:

((يَا أَيُّهَا النَّاسُ، إِزْبَعُوا عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ فَإِنَّكُم لَّا تَدْعُونَ أَصَمًّا، وَلَا غَائِبًا، إِنَّهُ مَعَكُمْ إِنَّهُ سَمِيعٌ قَرِيبٌ تَبَارَكَ اسْمُهُ وَتَعَالَىٰ جَدُّهُ))

“Wahai sekalian manusia! Berhemahlah terhadap diri-diri kamu [dengan tidak perlu mengangkat suara dengan melampau]. Maka sesungguhnya kamu tidak berdoa/ menyeru kepada sesuatu yang pekak, mahupun ghaib. Sesungguhnya Dia bersama kamu, sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Hampir - Bertambah-tambahlah keberkatan nama-Nya dan maha tinggi kemuliaanNya.

T: al-Bukhari; Abu Dawud; Ahmad; al-Nasa'i - al-Sunan al-Kubra; Abu Dawud al-Tayalisi; al-Bazzar; Abu Ya‘la al-Mawsili; al-Ruyani dan lain-lain.



**BAHAGIAN III: MUTIARA NABAWI BERKENAAN MAJLIS
ZIKIR**

**Mutiara Nabawi
Berkenaan
Majlis Zikir**

Pendahuluan



Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segala puji hanyalah bagi Allah ﷻ, Tuhan semesta alam, yang bertasbih kepada-Nya segala makhluk di bumi dan di langit, pada setiap saat, di waktu pagi dan petang, siang dan malam, dalam keadaan susah dan senang.

Selawat dan Salam buat penghulu kita, Nabi Muhammad ﷺ, yang sentiasa berzikir kepada Allah ﷻ dalam setiap keadaan dan waktunya, juga bagi ahli keluarga serta para sahabat Baginda ﷺ, yang merupakan para lelaki dan wanita yang berzikir kepada Allah ﷻ dengan sebanyak-banyaknya.

Ammā ba'd (Adapun selepas itu),

Di bahagian yang kedua ini, penulis berusaha untuk menghimpunkan hadith-hadith berkenaan kemuliaan “Majlis Zikir” yang boleh disifatkan sebagai dalil yang jelas dan terang (*ṣarīh*) atau secara isyarat bagi penshariatannya. Tujuan penulis di sini adalah untuk menzahirkan lagi kemuliaan dan ketinggian “Majlis Zikir” ini di dalam Shariat Islam⁸, di samping memudahkan rujukan bagi mereka yang memerlukannya.

⁸ Insha Allah, usaha ini akan dilakukan secara berterusan dari masa ke semasa.

(وبالله التوفيق)

Asas Majlis Zikir di dalam Al-Qur'an (Surah al-Kahfi:28)

Perhimpunan zikrullah atau majlis zikir mempunyai asasnya di dalam al-Qur'an. Menurut al-Shaykh al-Hafiz 'Abdullah bin al-Siddiq al-Ghumari, asas bagi perhimpunan para ulama' Sufi berzikir secara berjemaah berasal dari perhimpunan para Sahabat Rasulullah ﷺ dari kalangan Ahli Suffah di Masjid Nabawi bagi berzikir dan berdoa. Dan berkenaan merekalah, maka turunnya firman Allah ﷻ yang memerintahkan Rasulullah ﷺ untuk duduk bersama mereka. Allah ﷻ berfirman (Al-Kahfi:28):

﴿وَأَصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْعَدْوَةِ وَالْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُ وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ عَنْهُمْ تُرِيدَ زِينَةَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُ عَن ذِكْرِنَا وَاتَّبَعَ هَوَاهُ وَكَانَ أَمْرُهُ فُرُطًا﴾

“Dan jadikanlah dirimu (wahai Muhammad) sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang berdoa/ beribadat kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharap keredaan Allah semata-mata; dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka hanya kerana engkau mahukan kesenangan hidup di dunia; dan janganlah engkau mematuhi orang yang Kami ketahui hatinya lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran Kami di dalam Al-Qur'an, serta dia menurut hawa nafsunya, dan tingkah-lakunya pula adalah melampaui kebenaran.”

Kemudian perhimpunan zikrullah seperti ini dilakukan dan dihidupkan oleh tokoh-tokoh ulama' Sufi Ahli Sunnah dan Jama'ah yang terkenal seperti Imam al-Harith al-Muhasibi, Imam al-Junayd al-Baghdadi, Imam al-Shibli dan lain-lain.

Berhimpun dan berzikir secara berjemaah dengan suara yang jahar bukanlah satu perkara yang asing di dalam Islam. Amalan ini telah dilakukan oleh Rasulullah ﷺ dan para sahabat رضي الله عنهم sejak zaman mereka lagi. Bahkan Rasulullah ﷺ telah memberitahu fadilat dan kelebihan yang banyak bagi majlis-majlis zikir sepertimana yang akan dibentangkan selepas ini. Sebahagiannya dinyatakan dengan jelas oleh Baginda ﷺ dan sebahagian lain adalah dengan isyarat yang memerlukan pemerhatian yang mendalam untuk memahaminya.

Hadith-hadith tersebut adalah seperti berikut:

((Rasulullah ﷺ Diperintahkan untuk Duduk di dalam Majelis Zikir bersama Para Sahabat ﷺ))

Hadith 1: Rasulullah ﷺ Diperintahkan Untuk Duduk Bersama dengan Para Sahabat ﷺ Yang Berzikir

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ سَهْلٍ بْنِ حُنَيْفٍ رضي الله عنه:

أَنَّ هَذِهِ الْآيَةَ لَمَّا نَزَلَتْ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ وَهُوَ فِي بَعْضِ آيَاتِهِ: ﴿وَاصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْغَدَاةِ وَالْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُ﴾، فَخَرَجَ يَلْتَمِسُ، فَوَجَدَ قَوْمًا يَذْكُرُونَ اللَّهَ، مِنْهُمْ ثَائِرُ الرَّأْسِ، وَجَافِي الْجِلْدِ، وَذُو الثَّوْبِ الْوَاحِدِ، فَلَمَّا رَأَاهُمْ جَلَسَ مَعَهُمْ، فَقَالَ: ((الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ لِي فِي أُمَّتِي مَنْ أَمَرَنِي أَنْ أَصْبِرَ نَفْسِي مَعَهُ))

Daripada 'Abd al-Rahmān bin Sahl bin Hunayf رضي الله عنه, beliau berkata:

“Ayat ini, ketika ia diturunkan kepada Rasulullah ﷺ, Baginda ﷺ sedang berada di sebahagian rumah-rumah Baginda ﷺ, [ayat 28/ surah al-Kahfi]:

﴿وَاصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْغَدَاةِ وَالْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُ﴾

Dan jadikanlah dirimu (wahai Nabi Muhammad) sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang berdoa/ beribadat kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharapkan keredaan Allah semata-mata.

Maka Baginda ﷺ pun keluar mencari golongan ini, lalu Baginda ﷺ mendapati satu kaum [dari kalangan para Sahabat Baginda ﷺ] yang sedang berzikir kepada Allah. Ada dari kalangan mereka yang

kusai rambutnya, kering kulitnya/ kurus, dan ada yang hanya memakai satu helai pakaian sahaja.

Apabila Baginda ﷺ melihat mereka, Baginda ﷺ pun duduk bersama mereka dan bersabda:

((الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ لِي فِي أُمَّتِي مَنْ أَمَرَنِي أَنْ أَضْبِرَ نَفْسِي مَعَهُ))

Segala puji bagi Allah yang menjadikan bagiku pada umatku ini mereka yang aku diperintahkan untuk duduk berdamping rapat bersama mereka.”

T: {al-Ṭabarī, 2000 #338}, No. 21057 [Lafaz di atas].

Hadith 2: Rasulullah ﷺ Duduk bersama Sekumpulan Sahabat Baginda ﷺ Yang Sedang Mendengar Al-Qur'an

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رضي الله عنه، قَالَ:

جَلَسْتُ فِي عِصَابَةِ مِنْ ضَعْفَاءِ الْمُهَاجِرِينَ، وَإِنْ بَعْضُهُمْ لَيَسْتَتِرُ بِبَعْضٍ مِنَ الْعُرِيِّ، وَقَارِئٌ يَقْرَأُ عَلَيْنَا إِذْ جَاءَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ فَقَامَ عَلَيْنَا، فَلَمَّا قَامَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ سَكَتَ الْقَارِئُ، فَسَلَّمَ، ثُمَّ قَالَ: ((مَا كُنتُمْ تَصْنَعُونَ؟))، قُلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّهُ كَانَ قَارِئٌ لَنَا يَقْرَأُ عَلَيْنَا، فَكُنَّا نَسْتَمِعُ إِلَى كِتَابِ اللَّهِ، قَالَ: فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ مِنْ أُمَّتِي مَنْ أَمَرْتُ أَنْ أَضِيرَ نَفْسِي مَعَهُمْ))، قَالَ: فَجَلَسَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ وَسَطْنَا لِيَعْدَلَ بِنَفْسِهِ فِينَا، ثُمَّ قَالَ بِيَدِهِ: هَكَذَا فَتَحَلَّقُوا وَبَرَزَتْ وُجُوهُهُمْ لَهُ، قَالَ: فَمَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ عَرَفَ مِنْهُمْ أَحَدًا غَيْرِي، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((أَبْشِرُوا يَا مَعْشَرَ صَعَالِيكِ الْمُهَاجِرِينَ بِالنُّورِ التَّامِّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ قَبْلَ أَغْنِيَاءِ النَّاسِ بِنِصْفِ يَوْمٍ وَذَلِكَ خَمْسُ مِائَةِ سَنَةٍ))

Daripada Abu Sa'id al-Khudri رضي الله عنه, beliau berkata:

“Pernah satu ketika aku duduk bersama satu kumpulan dari kalangan orang-orang yang lemah dari kalangan Muhajirin. Sebahagian daripada mereka hanya dapat menutup sebahagian sahaja tubuh mereka [kerana tidak cukup pakaian] dan seorang pembaca al-Qur'an sedang membacakan al-Qur'an kepada kami.

Tiba-tiba Rasulullah ﷺ datang dan Baginda ﷺ berdiri di sisi kami. Apabila Rasulullah ﷺ berdiri di sisi kami, si pembaca al-Qur'an pun diam. Baginda ﷺ memberi salam dan bersabda: Apa yang

kamu semua sedang lakukan?. Kami berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya seorang pembaca al-Qur'an dari kalangan kami membacanya untuk kami, dan kami mendengar kepada bacaan al-Qur'an [olehnya].

Rasulullah ﷺ pun bersabda: Segala puji bagi Allah yang menjadikan dari kalangan umatku orang-orang yang aku diperintahkan untuk duduk berdamping rapat bersama mereka.

Lalu Rasulullah ﷺ pun duduk di tengah-tengah kami untuk berada seimbang kepada semua yang ada dari kalangan kami. Kemudian Baginda ﷺ bersabda dengan isyarat tangan Baginda ﷺ - begini. Lalu mereka semua pun duduk dalam bulatan sehingga wajah-wajah mereka semua tampak kepada Baginda ﷺ.

Beliau berkata: Aku merasakan bahawa Rasulullah ﷺ tidak mengenali seorang pun dari kalangan mereka melainkan daku.

Rasulullah ﷺ pun bersabda: Terimalah berita gembira ini wahai orang-orang yang lemah dari kalangan Muhajirin dengan cahaya yang sempurna [buat kamu semua] pada Hari Kiamat kelak. Sesungguhnya kamu semua akan memasuki syurga berbanding orang-orang kaya dengan lebih awal separuh hari [Akhirat], dan itu adalah lima ratus (500) tahun [di dunia].”

T: {Abū Dāwud, 2010 #230}, No. 3666 [Lafaz di atas]; {Abū Ya'la al-Mawṣilī, 1992 #479}, No. 1151; {al-Haythamī, 1979 #392}, No. 2324; {al-Tabarānī, #349}, No. 8866; {Abū Nu'aym al-Asbahānī, 1409H #171}, No. 1243 & {al-Dhahabi, 1992 #147}, No. 848.

Hadith 3: Rasulullah ﷺ Diperintahkan Duduk bersama Para Sahabat Baginda ﷺ Yang Berzikir

عَنْ عَلِيِّ بْنِ الْأَقْمَرِ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ :

مَرَّ بِقَوْمٍ يَذْكُرُونَ اللَّهَ تَعَالَى، فَقَالَ: ((أَنْتُمْ مِنَ الَّذِينَ أُمِرْتُ أَنْ أَصْبِرَ نَفْسِي مَعَهُمْ ، وَمَا جَلَسَ عَدْلُكُمْ مِنَ النَّاسِ، فَيَذْكُرُونَ اللَّهَ تَعَالَى، إِلَّا حَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ بِأَجْنِحَتِهَا، وَغَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ، وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ))

Daripada 'Alī bin al-Aqmar, beliau meriwayatkan bahawa:

“Baginda Nabi ﷺ pernah lalu berdekatan dengan satu kaum (sekumpulan manusia dari kalangan para Sahabat ﷺ) yang sedang berzikir kepada Allah, lalu Baginda ﷺ bersabda:

Kamu semua adalah dari kalangan mereka yang aku diperintahkan oleh Allah ﷻ untuk duduk berdamping rapat bersama kamu.

Dan tidak duduk golongan seumpama kamu dari kalangan manusia, kemudian mereka berzikir kepada Allah ﷻ (menyebut dan mengingati-Nya), melainkan para malaikat akan mengelilingi mereka dengan sayap-sayap mereka, dan rahmat Allah akan meliputi mereka, dan Allah akan menyebut [nama] mereka kepada [para malaikat] yang berada di sisi [kerajaan/ kemuliaan]-Nya).”

T: (Abu Hanifah (150H), - Musnah Abi Hanifah (Riwayat al-Haskafi)), No. 28 [Lafaz di atas].

Hadith 4: Rasulullah ﷺ Duduk di Majelis Zikir 'Abdullah bin Rawāḥah dan Sahabat-sahabat Beliau

عَنْ ذَرِّ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ زُرَّارَةَ الْهُمْدَانِيِّ:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ دَفَعَ إِلَى نَفَرٍ مِنْ أَصْحَابِهِ فِيهِمْ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ رَوَاحَةَ يُدَكِّرُهُمْ بِاللَّهِ، فَلَمَّا رَأَى رَسُولَ اللَّهِ ﷺ سَكَتَ، فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((ذَكَرَ أَصْحَابَكَ))، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنْتَ أَحَقُّ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((أَمَا إِنَّكُمْ الْمَلَأُ الَّذِي أَمَرَنِي اللَّهُ أَنْ أَضْبِرَ نَفْسِي مَعَهُمْ))، ثُمَّ تَلَا عَلَيْهِمْ: ﴿ وَاصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْغَدَاةِ وَالْعَشِيِّ ﴾ الْآيَةَ، ثُمَّ قَالَ: ((مَا قَعَدَ عِدَّتِكُمْ قَطُّ مِنْ أَهْلِ الْأَرْضِ، يَذْكُرُونَ اللَّهَ ﷻ إِلَّا قَعَدَ مَعَهُمْ عِدَّتُهُمْ مِنَ الْمَلَائِكَةِ، فَإِنْ حَمِدُوا اللَّهَ حَمْدَهُ مَعَهُمْ، وَإِنْ سَبَّحُوا اللَّهَ سَبْحَهُ، وَإِنْ كَبَّرُوا اللَّهَ كَبْرَهُ، وَإِنْ اسْتَغْفَرُوا اللَّهَ أَمَّنُوا هُمْ، ثُمَّ يَعْرُجُونَ إِلَى رَبِّهِمْ، فَيَسْأَلُهُمْ وَهُوَ أَعْلَمُ مِنْهُمْ، فَيَقُولُ: أَيَنْ وَمَنْ أَيَنْ؟، فَيَقُولُونَ: رَبَّنَا أَعْبُدُ لَكَ مِنْ أَهْلِ الْأَرْضِ ذَكَرُوكَ فَذَكَرْنَاكَ، يَقُولُ: مَاذَا قَالُوا؟، قَالُوا: رَبَّنَا حَمْدُوكَ، قَالَ: أَنَا أَوْلَى مَنْ عُبِدَ وَأَحَقُّ مَنْ حَمَدَ، قَالُوا: رَبَّنَا سَبَّحُوكَ، قَالَ: مَدَحْتِي لَا تَتَّبِعِي لِأَحَدٍ غَيْرِي، قَالُوا: رَبَّنَا كَبَّرُوكَ، قَالَ: لِي الْكِبْرِيَاءُ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَنَا الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ، قَالُوا: رَبَّنَا اسْتَغْفَرُوكَ، قَالَ: فَإِنِّي أَشْهَدُكُمْ أَنِّي قَدْ غَفَرْتُ هُمْ، قَالُوا: رَبَّنَا إِنَّ فِيهِمْ فُلَانًا (/ رَبَّنَا إِنَّ فِيهِمْ فُلَانًا الْخَطَّاءَ)، قَالَ: هُمْ الْقَوْمُ لَا يَشْقَى بِهِمْ جَلِيسُهُمْ))

Daripada Dharr bin ‘Abdullāh bin Zurārah al-Hamdānī, beliau meriwayatkan bahawa:

“Sesungguhnya Rasulullah ﷺ pernah datang kepada beberapa orang⁹ dari kalangan para Sahabat Baginda ﷺ, dan di kalangan mereka ada ‘Abdullāh bin Rawāḥah ؓ yang sedang mengingatkan mereka kepada Allah ﷻ. Apabila beliau melihat Rasulullah ﷺ, maka beliau pun diam.

Rasulullah ﷺ pun bersabda kepada beliau: Berilah peringatan kepada para sahabatmu. Beliau menjawab: Wahai Rasulullah, Tuan lebih berhak.

Rasulullah ﷺ pun bersabda: Sesungguhnya kamu semua adalah kumpulan manusia yang Allah perintahkan daku agar sentiasa berdamping rapat dengan kamu.

Kemudian Baginda ﷺ pun membaca kepada mereka (Surah al-Kahfi:28):

﴿ وَاصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْغَدَاةِ وَالْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُ وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ عَنْهُمْ تُرِيدُ زِينَةَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُ عَن ذِكْرِنَا وَاتَّبَعَ هَوَاهُ وَكَانَ أَمْرُهُ فُرْطَا ۝ ﴾

“Dan jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang berdoa/ beribadat kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharapkan keredaan Allah semata-

⁹ *Nafar*: Dari tiga sehingga sepeluh orang.

mata; dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka hanya kerana engkau mahukan kesenangan hidup di dunia; dan janganlah engkau mematuhi orang yang Kami ketahui hatinya lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran Kami di dalam Al-Quran, serta ia menurut hawa nafsunya, dan tingkahlakunya pula adalah melampaui kebenaran.”

Kemudian Baginda ﷺ bersabda:

Tidaklah duduk seperti bilangan kamu ini dari kalangan penduduk bumi dalam keadaan berzikir kepada Allah ﷻ melainkan akan duduk bersama mereka seumpama mereka dari kalangan para malaikat.

Jika mereka bertahmid kepada Allah, maka para malaikat tersebut akan bertahmid kepada Allah bersama mereka.

Jika mereka bertasbih kepada Allah, maka para malaikat tersebut akan turut bertasbih kepada Allah bersama mereka.

Jika mereka bertakbir kepada Allah, maka para malaikat tersebut akan bertakbir kepada Allah bersama mereka.

Jika mereka memohon ampun daripada Allah, maka para malaikat tersebut akan mengaminkan doa-doa mereka.

Kemudian, malaikat-malaikat tersebut akan naik kepada [kerajaan] Tuhan mereka, lalu Dia akan bertanya kepada mereka sedangkan Dia lebih mengetahui berbanding mereka. Dia berfirman: Di mana dan dari mana?.

Mereka menjawab: Wahai Tuhan kami, ada para hamba bagi-Mu daripada kalangan penduduk bumi, berzikir kepada-Mu, maka kami pun turut berzikir kepada-Mu.

Allah berfirman: Apakah yang mereka ucapkan?. Para malaikat berkata: Wahai Tuhan kami, mereka bertahmid kepada-Mu (memuji-Mu).

Allah ﷻ berfirman: Akulah yang paling berhak untuk disembah dan lebih layak untuk dipuji.

Para malaikat berkata: Wahai Tuhan kami, mereka bertasbih kepada-Mu.

Allah ﷻ berfirman: Pujian bagi-Ku tidak layak untuk selain daripada-Ku.

Para malaikat berkata: Wahai Tuhan kami, mereka bertakbir kepada-Mu.

Allah ﷻ berfirman: Bagi-Ku semata-mata kebesaran [kemuliaan] di langit dan di bumi, dan hanya Akulah Yang Maha Mulia lagi Maha Bijaksana.

Para malaikat berkata: Wahai Tuhan kami, mereka meminta keampunan daripada-Mu.

Allah ﷻ berfirman: Sesungguhnya Aku menjadikan kamu semua sebagai saksi bahawa sesungguhnya Aku telah memberi keampunan kepada mereka.

Para malaikat berkata: Wahai Tuhan kami, sesungguhnya pada kalangan mereka ada si fulan [yang bukan dari kalangan mereka].

[Sebahagian riwayat: Para malaikat berkata: Wahai Tuhan kami, sesungguhnya pada mereka itu ada orang yang tersalah duduk bersama mereka]

Allah ﷻ berfirman: Mereka adalah kaum yang tidak akan sengsara orang yang duduk bersama mereka.”

T: (Abū Nu‘aym al-Asbahānī (430H), 1409H - Ḥilyat al-Awliyā’ wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā’), No. 6718 [Lafaz di atas].[Mursal Dharr bin ‘Abdullāh bin Zurārah al-Hamdānī: (صدوق): Abu Hatim al-Razi; (ما بحديثه بأس): Ahmad bin Hanbal; (ثقة): al-Nasa’i; (صدوق في الحديث): al-Bukhari; (ثقة عابد (رمي بالإرجاء (أحد الثقات الأثبات)): Ibnu Hajar al-‘Asqalani. Perawi lain di dalam sanad ini adalah thiqat dan saduq]

Hadith 5: Rasulullah ﷺ Memuji ‘Abdullāh bin Rawāḥah ﷺ Yang Suka untuk Mengajak Sahabat Yang Lain Berzikir Bersamanya dan Menyatakan Ia adalah Majelis Kebanggaan Para Malaikat

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ:

كَانَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ رَوَاحَةَ (رضي الله عنه) إِذَا لَقِيَ الرَّجُلَ مِنْ أَصْحَابِهِ، يَقُولُ: تَعَالَ نُؤْمِنُ بِرَبِّنَا سَاعَةً، فَقَالَ ذَاتَ يَوْمٍ لِرَجُلٍ، فَغَضِبَ الرَّجُلُ، فَجَاءَ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَلَا تَرَى إِلَى ابْنِ رَوَاحَةَ يَرْغَبُ عَنْ إِيمَانِكَ إِلَى إِيمَانِ سَاعَةٍ! فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: ((يَرْحَمُ اللَّهُ ابْنَ رَوَاحَةَ، إِنَّهُ يُحِبُّ الْمَجَالِسَ الَّتِي تَبَاهَى بِهَا الْمَلَائِكَةُ))

Daripada Anas bin Malik رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata:

“Abdullāh bin Rawāḥah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ itu, apabila beliau berjumpa dengan seseorang dari sahabat beliau, beliau akan berkata: Ayuh, kita beriman (berzikir) kepada Tuhan kita (Allah) dalam satu masa.

Pada suatu hari, beliau berkata dengan kata-kata tersebut kepada seorang lelaki, dan lelaki itu menjadi marah.

Lelaki itu pun datang kepada Nabi ﷺ dan berkata: Wahai Rasulullah, tidakkah Tuan lihat apa yang dilakukan oleh Ibnu Rawāḥah, dia mengajak daripada keimanan kepadamu kepada keimanan dalam sesuatu masa sahaja!.

Baginda ﷺ [yang faham tentang maksud kata-kata Ibnu Rawāḥah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ] pun bersabda: Semoga Allah merahmati Ibnu Rawāḥah, sesungguhnya beliau menggemari majlis-majlis (zikrullah) yang dibangga-banggakan oleh para malaikat (majlis zikir).”

T: (Ahmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 13385 [Lafaz di atas]; (Ibn Hajar al-'Asqalānī (852H), 1996 - Ithaf al-Maharah bi al-Fawa'id al-Mubtakarah min Atrah al-'Asharah), No.1101; (Ibn 'Asākir (571H), 1998 - Tārīkh Dimashq), No. 28151 dan lain-lain.

((Rasulullah ﷺ Cinta untuk Duduk bersama Kaum Yang Berzikir))

Hadith 6: Duduk Bersama di dalam Majelis Zikir Selepas Subuh dan Asar Lebih Baik dari Memerdekakan Empat Orang Hamba

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

((لَأَنْ أَقْعُدَ مَعَ قَوْمٍ يَذْكُرُونَ اللَّهَ تَعَالَى مِنْ صَلَاةِ الْغَدَاةِ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ أَنْ أَعْتِقَ أَرْبَعَةً مِنْ وَلَدِ إِسْمَاعِيلَ، وَلَأَنْ أَقْعُدَ مَعَ قَوْمٍ يَذْكُرُونَ اللَّهَ مِنْ صَلَاةِ الْعَصْرِ إِلَى أَنْ تَغْرُبَ الشَّمْسُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ أَنْ أَعْتِقَ أَرْبَعَةً))

Daripada Anas bin Malik رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ , beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Untuk aku duduk bersama satu kaum yang berzikir kepada Allah ﷻ daripada solat Subuh sehingga terbitnya matahari adalah lebih aku cintai daripada aku memerdekakan empat orang (hamba) daripada anak-anak (Nabi) Isma‘il عَلَيْهِ السَّلَامُ.

Dan untuk aku duduk bersama satu kaum yang berzikir kepada Allah ﷻ daripada solat Asar sehingga terbenamnya matahari adalah lebih aku cintai daripada memerdekakan empat orang (hamba).”

T: (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 3667 [Lafaz di atas]; (al-Ḍiyā' al-Maqdisī (643H), - al-Aḥādīth al-Mukhtārah), No. 2172 & 2173; (al-Bazzār (292H), 1997 - al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār), No. 7244; (Abū Ya‘lā al-Mawṣilī (307H), 1992 - Musnad Abī Ya‘lā al-Mawṣilī), No. 4126 dan lain-lain.

((Anjuran Berzikir sama ada Sendiri atau Beramai-ramai))

Hadith 7: Allah Mengingati Orang Yang Berzikir (Mengurniakan Rahmat Yang Khusus) – Sama Ada Dalam Sunyi Bersendirian atau Berjemaah¹⁰

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه ، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم فِيمَا يَحْكِي عَنْ رَبِّهِ ﷻ أَنَّهُ قَالَ:

((مَنْ ذَكَرَنِي فِي نَفْسِهِ، ذَكَرْتُهُ فِي نَفْسِي، وَمَنْ ذَكَرَنِي فِي مَلَأٍ مِنَ النَّاسِ، ذَكَرْتُهُ فِي مَلَأٍ أَكْثَرَ مِنْهُمْ وَأَطْيَبَ))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan daripada Nabi صلى الله عليه وسلم pada apa yang Baginda ﷻ khabarkan daripada Tuhannya bahawa sesungguhnya Dia (Allah ﷻ) telah berfirman (di dalam hadith *qudsi*):

“Barang siapa yang mengingati Aku di dalam dirinya, maka Aku mengingatinya pada diriku (dengan rahmat yang khusus).

Dan barangsiapa yang mengingati Aku di dalam satu kumpulan daripada manusia, maka Aku mengingatinya di dalam satu kumpulan [para malaikat] yang lebih ramai daripada mereka dan lebih baik.”

T: (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 8436 [Lafaz di atas] & 9001: Sanadnya adalah baik; (al-Ḥakim (405H), 1990 - al-Mustadrak ‘alā al-Saḥīḥayn), No. 7689 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ صَحِيحٌ الْإِسْنَادِ، وَلَمْ يُجَرِّحَاهُ بِحَدِيثِهِ) (al-Tabarānī (360H), - al-Du‘ā’), No. 1864; (Ishaq Ibn Rahuyah/ Rahwayh/ Rahawayh (238H), - Musnad Ishaq Ibn Rahuyah/ Rahwayh/ Rahawayh), No. 233; (Abū Nu‘aym al-Asbahānī (430H), 1409H - Ḥilyat al-Awliyā’ wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā’), No.

¹⁰ Hadith ini juga merupakan dalil bagi zikir secara berjemaah atau berkumpulan.

11866 & (Ibn Abi Shaybah (235H), 2004 - Musannaf Ibn Abi Shaybah), No. 29971.

Di dalam sebahagian riwayat (juga melalui Abu Hurayrah رضي الله عنه), lafaznya datang dalam bentuk perintah (*fi'l al-amr*), Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda :

((قَالَ اللهُ: يَا ابْنَ آدَمَ اذْكُرْنِي فِي نَفْسِكَ، اذْكُرْكَ فِي نَفْسِي، اذْكُرْنِي فِي مَلَأٍ مِنَ النَّاسِ، اذْكُرْكَ فِي مَلَأٍ خَيْرٍ مِنْهُمْ))

“Allah ﷻ berfirman (hadith *qudsi*):

“Wahai anak Adam! Sebutlah/ Ingatlah Aku di dalam dirimu, maka Aku akan menginglatimu pada diri-Ku.

Dan sebutlah serta ingatlah Aku di dalam satu kumpulan daripada manusia, maka Aku akan menginglatimu di dalam satu kumpulan [para malaikat] yang lebih baik daripada mereka.”

T: (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 810 [Lafaz di atas]; (al-Tabarānī (360H), - al-Du‘ā’), No. 1864; (Abū Ya‘lā al-Mawṣilī (307H), 1992 - Musnad Abī Ya‘lā al-Mawṣilī), No. 6189; (Ibn Shaḥīn (385H), 1995 - al-Tarḡīb fi Fada‘il al-A‘mal), No. 166 & (al-Dhahabī (748H), 1992 - Siyar A‘lam al-Nubala’), No. 10895.

((Kelebihan Majlis Zikir))

Hadith 8: Majlis / Halaqah Zikrullah adalah Taman Syurga

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رضي الله عنه، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم قَالَ:

((إِذَا مَرَزْتُمْ بِرِيَاضِ الْجَنَّةِ فَارْتَعُوا))، قَالُوا: وَمَا رِيَاضُ الْجَنَّةِ؟ قَالَ: ((حِلَقُ الذُّكْرِ))

Daripada Anas bin Malik رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

“Apabila kamu melalui berdekatan dengan taman-taman syurga, maka ambillah kebajikannya?.

Mereka [para sahabat رضي الله عنهم] bertanya: Dan apakah taman-taman syurga itu?.

Baginda صلى الله عليه وسلم menjawab: Bulatan-bulatan (*halaqah-halaqah*) zikir.”

T: (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 3510 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 121114; (al-Bazzār (292H), 1997 - al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār), No. 6500 & 6908; (Abū Ya‘lā al-Mawṣilī (307H), 1992 - Musnad Abī Ya‘lā al-Mawṣilī), No. 3432; (Ibn Hajar al-‘Asqalānī (852H), 1996 - Ithaf al-Maharah bi al-Fawa‘id al-Mubtakah min Atrah al-‘Asharah), No. 681 dan lain-lain.

8.1 Majlis-majlis Zikir adalah Penyembuh Bagi Hati

‘Awn bin Abdullāh¹¹ (w.61H) berkata:

مَجَالِسُ الذُّكْرِ شِفَاءُ الْقُلُوبِ

“Majlis-majlis zikrullah adalah merupakan penyembuh bagi hati.”

T: (Abū Nu‘aym al-Asbahānī (430H), 1409H - Ḥilyat al-Awliyā’ wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā’), No. 5643 [Lafaz di atas].

¹¹ ‘Awn bin Abdullah adalah merujuk kepada Awn bin Saidina Abdullah ﷺ bin Saidina Ja‘far ﷺ bin Abu Talib (w.61H). Beliau merupakan salah seorang anak kepada Saidatina Zaynab ﷺ binti Sadina Ali ﷺ bin Abu Talib. Beliau mati syahid bersama bapa saudara beliau sebelah ibu (khāl) iaitu Saidina al-Husayn ﷺ di dalam peristiwa Karbalā’, tahun 61H.

Hadith 9: Empat Kelebihan Majlis Zikir

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ وَأَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ رضي الله عنهما أَنَّهُمَا شَهِدَا عَلَى النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ قَالَ:

((لَا يَقْعُدُ قَوْمٌ يَذْكُرُونَ اللَّهَ ﷻ إِلَّا أَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ، وَغَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ، وَنَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ))

Daripada Abū Hurayrah dan Abū Sa'īd al-Khudri رضي الله عنهما, sesungguhnya mereka berdua bersaksi bahawa Baginda Nabi ﷺ telah bersabda:

“Tidak duduk satu kaum (kumpulan manusia) untuk berzikir kepada Allah ﷻ (menyebut-Nya dan mengingatiNya) melainkan:

- (i) para malaikat akan mengelilingi mereka, dan
- (ii) rahmat (Allah) akan meliputi mereka, dan
- (iii) *sakinah* (keteguhan iman bersama ketenangan) turun ke atas mereka (bagi menambah kekuatan iman-iman mereka), dan
- (iv) Allah ﷻ akan menyebut (nama-nama) mereka kepada sesiapa (para Malaikat) di sisi-Nya (agar didoakan keampunan buat mereka).”

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2702 [Lafaz di atas]; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 3378; (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 3791; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 9559, 11069, 11249, 11658 & 11674; (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 855 dan lain-lain. [Status: Sahih]

Hadith 10: Majlis Zikrullah oleh Ahli Zikir (Ahl al-Dhikr) adalah Majlis Pengampunan Allah ﷻ dan Persaksian Para Malaikat

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

((إِنَّ لِلَّهِ مَلَائِكَةً يَطُوفُونَ فِي الطَّرِيقِ يَلْتَمِسُونَ أَهْلَ الذِّكْرِ، فَإِذَا وَجَدُوا قَوْمًا يَذْكُرُونَ اللَّهَ تَنَادَوْا: هَلُمُّوا إِلَيَّ حَاجَتِكُمْ، قَالَ: فَيَحْفُوهُمْ بِأَجْنِحَتِهِمْ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا، قَالَ: فَيَسْأَلُهُمْ رَبُّهُمْ وَهُوَ أَعْلَمُ مِنْهُمْ مَا يَقُولُ عِبَادِي؟ قَالُوا: يَقُولُونَ يُسَبِّحُونَكَ، وَيُكَبِّرُونَكَ، وَيُحَمِّدُونَكَ، وَيُتَمَجِّدُونَكَ، قَالَ: فَيَقُولُ: هَلْ رَأَوْنِي؟ قَالَ: فَيَقُولُونَ: لَا وَاللَّهِ مَا رَأَوْكَ، قَالَ: فَيَقُولُ: وَكَيْفَ لَوْ رَأَوْنِي؟ قَالَ: يَقُولُونَ: لَوْ رَأَوْكَ كَانُوا أَشَدَّ لَكَ عِبَادَةً، وَأَشَدَّ لَكَ تَمَجِيدًا، وَتَحْمِيدًا، وَأَكْثَرَ لَكَ تَسْبِيحًا، قَالَ: يَقُولُ: فَمَا يَسْأَلُونِي؟ قَالَ: يَسْأَلُونَكَ الْجَنَّةَ، قَالَ: يَقُولُ: وَهَلْ رَأَوْهَا؟ قَالَ: يَقُولُونَ: لَا، وَاللَّهِ يَا رَبِّ مَا رَأَوْهَا، قَالَ: يَقُولُ: فَكَيْفَ لَوْ أَنَّهُمْ رَأَوْهَا؟ قَالَ: يَقُولُونَ: لَوْ أَنَّهُمْ رَأَوْهَا كَانُوا أَشَدَّ عَلَيْهَا حِرْصًا، وَأَشَدَّ لَهَا طَلَبًا، وَأَعْظَمَ فِيهَا رَغْبَةً، قَالَ: فَمِمَّ يَتَعَوَّذُونَ؟ قَالَ: يَقُولُونَ: مِنَ النَّارِ، قَالَ: يَقُولُ: وَهَلْ رَأَوْهَا؟ قَالَ: يَقُولُونَ: لَا، وَاللَّهِ يَا رَبِّ مَا رَأَوْهَا، قَالَ: يَقُولُ: فَكَيْفَ لَوْ رَأَوْهَا؟ قَالَ: يَقُولُونَ: لَوْ رَأَوْهَا كَانُوا أَشَدَّ مِنْهَا فِرَارًا، وَأَشَدَّ لَهَا خَافَةً، قَالَ: فَيَقُولُ: فَأَشْهَدُكُمْ أَنِّي قَدْ غَفَرْتُ لَهُمْ، قَالَ: يَقُولُ: مَلَكٌ مِنَ الْمَلَائِكَةِ: فِيهِمْ فُلَانٌ لَيْسَ مِنْهُمْ إِنَّمَا جَاءَ لِحَاجَةٍ، قَالَ: هُمْ الْجُلَسَاءُ لَا يَشْقَى بِهِمْ جَلِيسُهُمْ))

Daripada Abu Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Sesungguhnya bagi Allah itu para malaikat yang berjalan di jalan-jalan mencari-cari **ahli-ahli zikir** (di bumi). Apabila mereka mendapati satu kaum (kumpulan manusia) yang sedang berzikir

kepada Allah, maka mereka akan saling panggil memanggil: Marilah kamu semua datang kepada hajat kamu ini (diperintahkan untuk mencari majlis zikir).

Baginda ﷺ bersabda: Maka para malaikat itu akan meliputi mereka dengan sayap-sayap mereka sehingga ke langit dunia.

Baginda ﷺ bersabda: Maka (Allah) Tuhan mereka pun berfirman kepada mereka sedangkan Dia lebih mengetahui: Apakah yang telah diucapkan oleh hamba-hamba-Ku? Mereka menjawab: Mereka sedang bertasbih kepada-Mu, bertakbir kepada-Mu, memanjatkan pujian kepada-Mu, dan mengagungkan-Mu.

Maka Dia (Allah) berfirman: Adakah mereka telah melihat Aku?, lalu mereka menjawab: Tidak, Demi Allah, mereka belum pernah melihat-Mu.

Dia (Allah) berfirman: Bagaimanakah sekiranya mereka telah melihatKu?.

Baginda ﷺ bersabda: Para malaikat menjawab: Sekiranya mereka telah melihat-Mu, pastinya mereka akan lebih kuat beribadat kepada-Mu, dan akan lebih banyak mengagungkan-Mu, dan akan lebih banyak bertasbih kepada-Mu.

Dia (Allah) berfirman: Maka apakah yang mereka minta daripadaku?.

Mereka menjawab: Mereka meminta daripada-Mu syurga.

Dia (Allah) berfirman: Dan adakah mereka telah melihatnya?.

Mereka menjawab: Tidak, Demi Allah, wahai Tuhan kami, mereka belum pernah melihatnya.

Dia (Allah) berfirman: Maka bagaimanakah sekiranya mereka telah melihatnya.

Mereka menjawab: Sekiranya mereka telah melihatnya, pasti mereka akan lebih bersungguh-sungguh untuk mendapatkannya, dan lebih kuat dalam mencarinya, dan lebih besar cinta mereka padanya.

Dia (Allah) berfirman: Maka daripada apakah mereka meminta perlindungan?. Mereka menjawab: Daripada api neraka.

Dia (Allah) berfirman: Adakah mereka telah melihatnya?. Mereka menjawab: Tidak, Demi Allah, wahai Tuhan kami, mereka belum pernah melihatnya.

Dia (Allah) berfirman: Bagaimanakah sekiranya mereka melihatnya?. Mereka menjawab: Sekiranya mereka telah melihatnya pasti mereka akan lebih berusaha untuk lari daripadanya, dan lebih kuat ketakutan mereka padanya.

Maka Dia (Allah) berfirman: Maka Aku menjadikan kamu semua sebagai saksi bahawa sesungguhnya Aku telah mengampunkan mereka.

Maka satu malaikat daripada kalangan malaikat tersebut berkata: Di dalam kumpulan mereka ini ada si fulan (seseorang) yang bukan daripada kalangan mereka (ahli zikir); dia sebenarnya datang (ke dalam majlis ini) kerana mempunyai sesuatu hajat (yang lain).

Dia (Allah) berfirman: [Dia juga diampunkan,] Mereka (orang yang berhimpun dan berzikir) adalah teman-teman duduk yang tidak akan sengsara sesiapa sahaja yang duduk bersama mereka.”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 6408 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2691; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi' al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 3600; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 7376, 8489 & 8749; (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 856 & 856 dan lain-lain. [Status: Sahih]

10.1 Majlis Zikir adalah Majlis Para Malaikat

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:

((إِنَّ لِلَّهِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى مَلَائِكَةً سَيَّارَةً فَضُلًّا يَتَّبِعُونَ مَجَالِسَ الذُّكْرِ، فَإِذَا وَجَدُوا مَجْلِسًا فِيهِ ذِكْرٌ قَعَدُوا مَعَهُمْ، وَحَفَّ بَعْضُهُمْ بَعْضًا بِأَجْنِحَتِهِمْ حَتَّى يَمْلُثُوا مَا بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ السَّمَاءِ الدُّنْيَا، فَإِذَا تَفَرَّقُوا عَرَجُوا وَصَعِدُوا إِلَى السَّمَاءِ، قَالَ: فَيَسْأَلُهُمُ اللَّهُ ﷻ وَهُوَ أَعْلَمُ بِهِمْ مِنْ أَيْنَ جِئْتُمْ؟ فَيَقُولُونَ: جِئْنَا مِنْ عِنْدِ عِبَادِكَ فِي الْأَرْضِ يُسَبِّحُونَكَ، وَيُكَبِّرُونَكَ، وَيُهَلِّلُونَكَ، وَيُحَمِّدُونَكَ، وَيَسْأَلُونَكَ، قَالَ: وَمَاذَا يَسْأَلُونِي؟ قَالُوا: يَسْأَلُونَكَ جَنَّتِكَ، قَالَ: وَهَلْ رَأَوْا جَنَّتِي؟ قَالُوا: لَا أَيْ رَبِّ، قَالَ: فَكَيْفَ لَوْ رَأَوْا جَنَّتِي؟ قَالُوا: وَيَسْتَجِيرُونَكَ، قَالَ: وَمِمَّ يَسْتَجِيرُونَني؟ قَالُوا: مِنْ نَارِكَ يَا رَبِّ، قَالَ: وَهَلْ رَأَوْا نَارِي؟ قَالُوا: لَا، قَالَ: فَكَيْفَ لَوْ رَأَوْا نَارِي؟ قَالُوا: وَيَسْتَغْفِرُونَكَ، قَالَ، فَيَقُولُ: قَدْ غَفَرْتُ لَهُمْ فَأَعْطَيْتُهُمْ مَا سَأَلُوا وَأَجْرْتُهُمْ مِمَّا اسْتَجَارُوا، قَالَ: فَيَقُولُونَ: رَبِّ فِيهِمْ فُلَانٌ عَبْدٌ خَطَاءٌ إِنَّمَا مَرَّ فَجَلَسَ مَعَهُمْ، قَالَ: فَيَقُولُ: وَلَهُ غَفَرْتُ هُمُ الْقَوْمُ لَا يَشْقَى بِهِمْ جَلِيسُهُمْ))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

“Sesungguhnya bagi Allah ﷻ itu ada para malaikat yang sentiasa berjalan-jalan, mempunyai kemuliaan, mencari-cari **majlis-majlis zikir**. Apabila mereka mendapati satu majlis yang ada padanya zikrullah, mereka akan duduk bersama ahlinya. Dan sebahagian mereka akan mengelilingi mereka dengan sayap-sayap mereka sehinggalah mereka akan memenuhi ruang yang ada di antara mereka dan langit dunia.

Apabila mereka [selesai berzikir] dan bersurai, para malaikat ini akan naik ke langit.

Lalu, Allah ﷻ berfirman kepada mereka sedangkan Dia lebih mengetahui tentang keadaan mereka: Dari manakah kalian datang?

Para malaikat berkata: Kami datang dari sisi para hamba-Mu di bumi yang bertasbih kepada-Mu, bertakbir kepada-Mu, bertahlil kepada-Mu, bertahmid kepada-Mu dan memohon [doa] daripada-Mu.

Allah berfirman: Apakah yang mereka pinta?

Para malaikat menjawab: Mereka memohon daripada-Mu syurga-Mu.

Allah berfirman: Adakah mereka telah melihat syurga-Ku?

Para malaikat menjawab: Tidak, wahai Tuhan kami.

Allah berfirman: Bagaimanakah jika mereka telah melihat syurga-Ku?!

Para malaikat berkata: Mereka juga meminta perlindungan daripada-Mu.

Allah ﷻ berfirman: Daripada apakah mereka minta perlindungan daripada-Ku?

Para malaikat menjawab: Dari api neraka-Mu, wahai Tuhan kami.

Allah ﷻ berfirman: Adakah mereka telah melihat neraka-Ku?

Mereka menjawab: Tidak.

Allah ﷻ berfirman: Bagaimanakah jikalau mereka telah melihat neraka-Ku?!

Para malaikat berkata: Mereka juga meminta keampunan daripada-Mu.

Allah ﷻ berfirman: Sesungguhnya Aku telah mengampunkan mereka. Dan Aku telah memberi mereka apa yang mereka pinta dan Aku telah lindungi mereka daripada apa yang mereka minta perlindungan [dengan-Ku] daripadanya.

Para malaikat berkata: Wahai Tuhan kami, di kalangan mereka ada seorang yang hamba yang tersalah duduk bersama mereka, dia kebetulan hanya lalu dan duduk bersama mereka.

Maka Allah ﷻ berfirman: Dan Aku juga telah memberi keampunan baginya. Mereka adalah kaum (kumpulan manusia) yang tidak akan sengsara sesiapa sahaja yang duduk bersama mereka.”

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 6408; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2691 [Lafaz di atas]; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 3600; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 7376, 8489 & 8749; (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 856 & 856 dan lain-lain. [Status: Sahih]

Hadith 11: Berhimpun Untuk Zikrullah adalah Sebab Keampunan

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رضي الله عنه، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم قَالَ:

((مَا مِنْ قَوْمٍ اجْتَمَعُوا يَذْكُرُونَ اللَّهَ، لَا يُرِيدُونَ بِذَلِكَ إِلَّا وَجْهَهُ، إِلَّا نَادَاهُمْ مُنَادٍ مِنَ السَّمَاءِ أَنْ: قَوْمُوا مَغْفُورًا لَكُمْ، قَدْ بُدِّلتْ سَيِّئَاتِكُمْ حَسَنَاتٍ))

Daripada Anas bin Malik رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

“Tidak ada satu kaum (kumpulan manusia) yang berhimpun untuk berzikir kepada Allah صلى الله عليه وسلم; mereka tidak mahukan sesuatu apa pun dengan (himpunan zikrullah) tersebut melainkan keredaan-Nya, melainkan akan ada satu penyeru yang menyeru mereka dari langit dengan berkata:

Bangunlah kamu semua dalam keadaan keampunan diberikan kepada kamu. Sesungguhnya kejahatan-kejahatan kamu telah ditukarkan menjadi kebajikan.”

T: (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 12045 [Lafaz di atas]; (al-Diyā' al-Maqdisī (643H), - al-Aḥādīth al-Mukhtārah), No. 2396 & 2397; (al-Bazzār (292H), 1997 - al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār), No. 6467; (Abū Ya'la al-Mawṣilī (307H), 1992 - Musnad Abī Ya'la al-Mawṣilī), No. 4141; (al-Būṣirī (840H), 1998 - Itḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawā'id al-Masānīd al-'Asharah), No.8117; (al-Haythamī (807H), 1979 - Kashf al-Astār 'an Zawā'id al-Bazzār), No. 3057 dan lain-lain.

Hadith 12: Kaum Yang Berkumpul Kerana Allah dan Zikrullah Dicemburui oleh Para Manusia di Akhirat Kelak

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ رضي الله عنه قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

((لَيَبْعَثَنَّ اللَّهُ أَقْوَامًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِي وُجُوهِهِمُ النُّورُ، عَلَى مَنَابِرِ اللُّؤْلُؤِ، يَغْبِطُهُمُ النَّاسُ، لَيْسُوا بِأَنْبِيَاءَ وَلَا شُهَدَاءَ)) . قَالَ: فَجِئْنَا أَعْرَابِيًّا عَلَى رُكْبَتَيْهِ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، حَلِّهِمْ لَنَا نَعْرِفَهُمْ. قَالَ: ((هُمْ الْمُتَحَابُّونَ فِي اللَّهِ، مِنْ قَبَائِلِ شَتَّى، وَبِلَادٍ شَتَّى، يَجْتَمِعُونَ عَلَى ذِكْرِ اللَّهِ يَذْكُرُونَهُ))

Daripada Abū al-Dardā' رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Sesungguhnya Allah ﷻ pasti akan membangkitkan beberapa kaum (kumpulan manusia) pada hari Kiamat kelak, pada wajah-wajah mereka itu ada cahaya, di atas mimbar-mimbar daripada mutiara, seluruh manusia mencemburui mereka, sedangkan mereka bukanlah para Nabi dan bukan pula para Shuhada'.

Maka seorang lelaki badawi pun duduk di atas kedua-dua lututnya dan berkata: Wahai Rasulullah! Huraikanlah ciri-ciri mereka kepada kami agar dapat kami mengenali mereka.

Baginda ﷺ bersabda: Mereka adalah orang-orang yang saling kasih mengasihi kerana Allah daripada kabilah-kabilah yang pelbagai dan negara/negeri yang pelbagai, mereka berhimpun kerana zikrullah, mereka berzikir mengingati-Nya dan menyebut-Nya.”

T: (al-Haythamī (807H), 1994 - Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id), No. 16770 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (رَوَاهُ الطَّبْرَانِيُّ، وَإِسْنَادُهُ) (حسن) al-Tabarani telah meriwayatkannya dan sanadnya adalah baik (hasan) & (al-Mundhiri (656H), 1417H - al-Tarhib wa al-Tarhib min al-

Hadith al-Sharif) - Beliau berkata: (رَوَاهُ الطَّبْرَانِيُّ بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ) al-Tabarani telah meriwayatkannya dengan sanad yang baik. [Status: Hasan]

Hadith 13: *Ghanimah* Majlis-majlis Zikrullah ialah Syurga

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رضي الله عنهما، قَالَ:

قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَا غَنِيمَةُ مَجَالِسِ الذُّكْرِ؟ قَالَ: ((غَنِيمَةُ مَجَالِسِ الذُّكْرِ الْجَنَّةُ الْجَنَّةُ))

Daripada ‘Abdullah Bin ‘Amr رضي الله عنهما, beliau berkata:

“Aku bertanya: Wahai Rasulullah! Apakah *ghanimah* (ganjaran) bagi majlis-majlis zikir?.

Baginda menjawab: *Ghanimah* bagi majlis-majlis zikir ialah syurga, syurga.”

T: (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad) No. 6474 [Lafaz di atas] & 6601.

13.1 *Ghanimah* Majlis Zikir adalah Syurga

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رضي الله عنهما، قَالَ:

قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَا غَنِيمَةُ مَجَالِسِ الذُّكْرِ؟ قَالَ: ((الْجَنَّةُ))

Daripada ‘Abdullāh Ibnu ‘Amr رضي الله عنهما, beliau berkata:

“Aku berkata: Wahai Rasulullah! Apakah *ghanimah* bagi majlis-majlis zikir?.

Baginda ﷺ menjawab: Syurga.”

T: (al-Tabarānī (360H), - Musnad al-Shāmiyyīn), No. 1325.

Hadith 14: Majlis Zikrullah di Masjid-masjid adalah Majlis Orang-orang Yang Mempunyai Kemuliaan di sisi Allah ﷺ

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ قَالَ:

((يَقُولُ اللَّهُ جَلَّ وَعَلَا: سَيَعْلَمُ أَهْلُ الْجَمْعِ الْيَوْمَ مَنْ أَهْلُ الْكَرَمِ))، فَقِيلَ: مَنْ أَهْلُ الْكَرَمِ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: ((أَهْلُ مَجَالِسِ الذُّكْرِ فِي الْمَسَاجِدِ))

Daripada Abū Sa‘īd (al-Khudri) رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah (*jalla wa ‘alā*) akan berfirman (hadith *qudsi*): Orang-orang di dalam perhimpunan pada hari (Akhirat) ini akan mengetahui siapakah mereka orang-orang yang mempunyai kemuliaan (di sisi-Ku).

Maka (Rasulullah ﷺ) ditanya: Siapakah ahli (pemilik) kemuliaan itu, wahai Rasulullah?.

Baginda menjawab: Ahli majlis-majlis zikir di masjid-masjid (ketika di dunia).”

T: (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No.816 [Lafaz di atas]; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No.27309 & 27322; (Abū Ya‘lā al-Mawṣilī (307H), 1992 - Musnad Abī Ya‘lā al-Mawṣilī), No. 1046&1403; (al-Bayhaqī (458H), - Shu‘ab al-Imān), No. 535 dan lain-lain.



Nota: Istilah “Majlis Zikir” adalah istilah yang datang dari Rasulullah ﷺ sendiri; ia bukanlah istilah yang diciptakan atau dimulakan oleh para ulama’ semata-mata. Hakikat ini menunjukkan kepentingan dan kemuliaan Majlis Zikir di dalam Islam.

Hadith 15: Allah ﷻ Menzahirkan Keredaan-Nya bagi Majlis Zikrullah terhadap Para Malaikat

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ مُعَاوِيَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ:

إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ خَرَجَ عَلَى حَلْقَةٍ مِنْ أَصْحَابِهِ، فَقَالَ: ((مَا أَجْلَسَكُمْ؟))، قَالُوا: جَلَسْنَا نَذْكُرُ اللَّهَ وَنَحْمَدُهُ عَلَى مَا هَدَانَا لِلْإِسْلَامِ، وَمَنْ بِهِ عَلَيْنَا، قَالَ: ((اللَّهُ مَا أَجْلَسَكُمْ إِلَّا ذَاكَ؟))، قَالُوا: وَاللَّهِ مَا أَجْلَسَنَا إِلَّا ذَاكَ. قَالَ: ((أَمَا إِنِّي لَمْ أَسْتَحْلِفْكُمْ تِهْمَةً لَكُمْ، وَلَكِنَّهُ أَتَانِي جَبْرِيْلُ فَأَخْبَرَنِي أَنَّ اللَّهَ ﷻ يُبَاهِي بِكُمْ الْمَلَائِكَةَ))

Daripada Abu Sa'id al-Khudri رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Mu'awiyah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ berkata:

“Sesungguhnya Rasulullah ﷺ pernah keluar ke satu majlis (bulatan) para sahabat Baginda رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, lalu Baginda رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ bertanya: Apakah yang menyebabkan kamu semua duduk (di sini)?

Mereka menjawab: Kami duduk [untuk] kami berzikir kepada Allah dan memuji-Nya di atas pentunjuk-Nya kepada kami [untuk memeluk] Islam, dan apa yang telah Dia kurniakan ke atas kami [daripada nikmat-nikmat].

Baginda رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ bersabda: Demi Allah! Tidak ada yang menyebabkan kamu duduk di sini melainkan perkara itu?.

Mereka menjawab: Demi Allah! Tidak ada yang menyebabkan kami duduk di sini melainkan perkara itu.

Baginda رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ bersabda: Sesungguhnya aku tidaklah meminta kamu bersumpah kerana mempunyai tohmahan terhadap kamu, akan

tetapi Jibril ﷺ telah datang kepadaku dan telah memberitahuku bahwa sesungguhnya Allah ﷻ sedang berbangga-bangga (menzahirkan keredaan-Nya/rahmat-Nya) dengan kalian semua terhadap para malaikat.”

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2703. Bab Fadl al-Ijtima‘ ‘ala Tilawat al-Qur’an wa ‘ala al-Dhikr. [Status: Sahih]

Hadith 17: Beradalah di dalam Majlis-majlis Zikrullah dan Masuklah Waktu Pagi dan Petang dalam Keadaan Berzikir

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رضي الله عنه، قَالَ:

خَرَجَ عَلَيْنَا النَّبِيُّ ﷺ فَقَالَ: ((يَا أَيُّهَا النَّاسُ، إِنَّ اللَّهَ سَرَّ آيَا مِنَ الْمَلَائِكَةِ تَحِلُّ وَتَقِفُ عَلَى مَجَالِسِ الذُّكْرِ فِي الْأَرْضِ، فَارْتَعُوا فِي رِيَاضِ الْجَنَّةِ))، قَالُوا: وَأَيْنَ رِيَاضِ الْجَنَّةِ؟، قَالَ: ((مَجَالِسِ الذُّكْرِ، فَاعْبُدُوا وَرَوْحُوا فِي ذِكْرِ اللَّهِ، وَذَكِّرُوهُ أَنْفُسَكُمْ مَنْ كَانَ يُحِبُّ أَنْ يَعْلَمَ مَنْزِلَتَهُ عِنْدَ اللَّهِ فَلْيَنْظُرْ كَيْفَ مَنْزِلَةُ اللَّهِ عِنْدَهُ، فَإِنَّ اللَّهَ يُنَزِّلُ الْعَبْدَ مِنْهُ حَيْثُ أَنْزَلَهُ مِنْ نَفْسِهِ))

Daripada Jābir bin ‘Abdullāh رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ telah keluar kepada kami lalu bersabda:

“Wahai para manusia! Sesungguhnya bagi Allah itu rombongan-rombongan daripada kalangan para malaikat yang memasuki dan berdiri di dalam majlis-majlis zikir di bumi, maka ambillah kebaikan di taman-taman syurga.

Mereka [para sahabat رضي الله عنهم] bertanya: Dan di manakah taman-taman syurga itu?.

Baginda ﷺ menjawab: Majlis-majlis Zikir; maka hendaklah kamu memasuki waktu pagi dan petang dalam keadaan melakukan zikrullah. Dan ingatkanlah ia kepada diri-diri kamu bahawa barangsiapa yang suka untuk mengetahui kedudukannya di sisi Allah ﷻ, maka hendaklah dia melihat bagaimana kedudukan Allah ﷻ di sisinya, maka sesungguhnya Allah ﷻ meletakkan seseorang hamba itu daripada-Nya sebagaimana dia meletakkan-Nya daripada dirinya.”

T: (al-Hakim (405H), 1990 - al-Mustadrak 'alā al-Sahīhayn), No.1753 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ صَحِيحٌ الْإِسْنَادِ، وَلَمْ يُجْرَحْهُ); (Abū Ya'la al-Mawṣilī (307H), 1992 - Musnad Abī Ya'la al-Mawṣilī), No.1849&2138; (Ibn Hajar al-'Asqalānī (852H), 1998 - al-Maṭālib al-'Āliyah bi Zawā'id al-Masānid al-Thamāniyah), No.3387; (al-Būṣīrī (840H), 1998 - Ithāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawā'id al-Masānīd al-'Asharah), No.8124; ('Abd Ibn Humayd (249H), - Musnad 'Abd Ibn Humayd), No. 1107; (Ibn Hajar al-'Asqalānī (852H), 1996 - Ithaf al-Maharah bi al-Fawa'id al-Mubtakarah min Atrāf al-'Asharah), No.2521; (al-Haythami (807H), - al-Maqsid al-'Ali fi Zawa'id Abi Ya'la al-Mawṣili), No.1627; (al-Haythamī (807H), - Kashf al-Astār 'an Zawā'id al-Bazzār),No.3060; (al-Tabarānī (360H), - al-Mu'jam al-Awṣaṭ), No. 2501; (al-Bayhaqī (458H), - Shu'ab al-Imān), No. 527; (Ibn 'Asākir (571H), 1998 - Tārīkh Dimashq), No. 59867&59868; (al-Tabarānī (360H), - al-Du'ā'), No. 1891; (al-Bayhaqī (458H), 1986 - al-Da'awat/ al-Da'wat al-Kabir), No.6 dan lain-lain.

Hadith 18: Majlis Zikir adalah Majlis Keampunan dan Rahmat Allah ﷺ

عَنِ الْحَسَنِ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ:

((إِذَا جَلَسَ الْقَوْمُ يَذْكُرُونَ اللَّهَ ﷻ، قَالَ اللَّهُ لِمَلَائِكَتِهِ: إِنِّي قَدْ غَفَرْتُ لَهُمْ فَجَلَّلُوهُمْ بِالرَّحْمَةِ، قَالَتِ الْمَلَائِكَةُ: يَا رَبَّنَا إِنَّ فِيهِمْ فُلَانًا، قَالَ: هُمْ الْقَوْمُ لَا يَشْقَى بِهِمْ جَلِيسُهُمْ))

Daripada al-Hasan¹² [al-Basri] (w.110H), beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

“Apabila satu kaum (kumpulan manusia) duduk dalam keadaan (/untuk) mereka berzikir kepada Allah.

Allah ﷻ berfirman (hadith *qudsi*) kepada para malaikat-Nya: Sesungguhnya aku telah memberi keampunan kepada mereka, maka muliakanlah mereka dengan rahmat.

Para malaikat pun berkata: Wahai Tuhan kami, sesungguhnya di kalangan mereka itu ada si fulan [yang bukan dari kalangan mereka/ tersalah duduk bersama mereka].

Allah ﷻ berfirman: [Si fulan juga diampunkan dan dirahmati,] Mereka (kumpulan manusia yang berzikir) adalah kaum (kumpulan manusia) yang tidak akan sengsara (/celaka) orang-orang yang duduk bersama mereka.”

¹² Imam al-Hasan al-Basri (21H – 110H) adalah salah seorang tokoh umat Islam dari kalangan Tabi‘in yang sangat terkemuka. Beliau adalah seorang Imam yang Faqih, Qadi, Muhaddith yang thiqah, Hujjah, ahli ilmu, ahli ibadah, mempunyai lisan yang fasih dan memiliki paras rupa yang kacak.

T: (Ahmad (241H), - al-Zuhd), No. 2337 [Lafaz di atas][Status: Mursal al-Hasan al-Basri dan semua para perawinya adalah thiqat – Sahih li ghayrih].

((Kehinaan Majlis Tanpa Zikrullah))

Hadith 19: Majlis Tanpa Zikrullah Busuk Seumpama Bangkai

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

((مَا مِنْ قَوْمٍ يَقُومُونَ مِنْ مَجْلِسٍ لَا يَذْكُرُونَ اللَّهَ فِيهِ إِلَّا قَامُوا عَنْ مِثْلِ جِيْفَةِ حِمَارٍ وَكَانَ لَهُمْ حَسْرَةٌ))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Tidak ada satu kaum (kumpulan manusia) pun yang bangun daripada sesuatu majlis (di mana) mereka tidak berzikir kepada Allah padanya, melainkan mereka seumpama bangun daripada bangkai keldai dan ia merupakan satu penyesalan bagi mereka (di Akhirat kelak).”

T: (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 4855 [Lafaz di atas]; (al-Bayhaqī (458H), 1986 - al-Adab), No. 341 dan lain-lain. [Status: Sahih li ghayrih]

Hadith 20: Majlis Tanpa Zikrullah adalah Satu Penyesalan

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ:

((مَا جَلَسَ قَوْمٌ مَجْلِسًا لَمْ يَذْكُرُوا اللَّهَ فِيهِ، وَلَمْ يُصَلُّوا عَلَى نَبِيِّهِمْ، إِلَّا كَانَ عَلَيْهِمْ تِرَةٌ،
فَإِنْ شَاءَ عَذَّبَهُمْ وَإِنْ شَاءَ عَفَرَ لَهُمْ))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda:

“Tidak duduk satu kaum (kumpulan manusia) di dalam satu majlis yang mereka tidak berzikir kepada Allah صلى الله عليه وسلم di dalamnya, dan mereka tidak berselawat ke atas Nabi mereka صلى الله عليه وسلم padanya, melainkan majlis tersebut menjadi satu penyesalan ke atas mereka [pada Hari Kiamat kelak].

Sekiranya Dia (Allah) mengkehendaki maka Dia akan mengazab mereka, dan sekiranya Dia kehendaki, maka Dia akan mengampunkan mereka.”

T: (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 3380 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ) dan lain-lain. [Status: Sahih li ghayrih]

Hadith 21: Penyesalan Ahli Syurga kerana Tidak Berzikir / Melazimi *Zikrullah* Di Dunia

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ:

((مَا قَعَدَ قَوْمٌ مَّقْعَدًا لَا يَذْكُرُونَ اللَّهَ عز وجل وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم إِلَّا كَانَ عَلَيْهِمْ حَسْرَةٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَإِنْ دَخَلُوا الْجَنَّةَ، لِلثَّوَابِ))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda:

“Tidak duduk sesuatu kaum (kumpulan manusia) di satu tempat [di mana] mereka tidak berzikir kepada Allah dan tidak berselawat ke atas Nabi صلى الله عليه وسلم padanya [di dunia ini] melainkan ia merupakan satu penyesalan ke atas mereka pada hari Kiamat nanti, walaupun mereka memasuki syurga, kerana pahalanya (yang luput).”

T: (Ahmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 9649 [Lafaz di atas]; (Ahmad (241H), - al-Zuhd), No. 141 & (Ibn Hibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān), No. 591 & 592. [Status: Sahih]

PENUTUP

Berdasarkan hadith-hadith yang telah lalu, kita dapat melihat dengan jelas bahawa istilah “majlis zikir”, “halaqah zikir” dan “ahli zikir” adalah istilah agama yang datangnya daripada Rasulullah ﷺ sendiri dan disebut oleh Baginda ﷺ di dalam banyak hadith. Bukan sahaja Rasulullah ﷺ diperintahkan oleh Allah ﷻ untuk duduk bersama dengan para Sahabat Baginda ﷺ yang berzikir; bahkan Rasulullah ﷺ juga diriwayatkan memuji para Sahabat رضى الله عنهم yang berkumpul dan berhimpun serta berzikir kepada Allah ﷻ.

Rasulullah ﷺ juga mengumpamakan majlis zikir sebagai taman-taman syurga. Ini memberi maksud bahawa majlis zikir adalah satu amalan yang amat penting di dalam agama Islam. Terdapat begitu banyak kelebihan yang dikurniakan oleh Allah ﷻ kepada orang-orang yang menghadiri majlis zikir. Berdasarkan hadith-hadith yang telah dikemukakan di dalam bab ini, kita juga dapat membuat beberapa kesimpulan berkenaan fadilat majlis zikir iaitu:

- Majlis zikir adalah majlis yang telah wujud sejak zaman Rasulullah ﷺ, iaitu zaman *Penshariatan (tashri‘)*.
- Rasulullah ﷺ pernah diperintahkan oleh Allah untuk bersama para sahabat رضى الله عنهم di dalam majlis zikir. Dan perintah ini kekal berada di dalam al-Qur’an: ayat 28 dari surah al-Kahfi.
- Majlis zikir adalah majlis para malaikat. Terdapat para malaikat yang khusus diperintahkan oleh Allah ﷻ untuk duduk dan hadir di majlis-majlis zikir di bumi.

- Majlis zikir adalah majlis keampunan Allah ﷻ dan para malaikat yang hadir menjadi saksi bagi pengampunan tersebut.
- Majlis zikir adalah penguat keimanan kerana *sakīnah* turun ke atas mereka yang hadir.

Allah ﷻ berfirman (surah al-Fath:4):

﴿هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ لِيَزْدَادُوا إِيمَانًا مَعَ إِيمَانِهِمْ﴾

“Dia (Allah) lah yang menurunkan *sakīnah* ke dalam hati orang-orang yang beriman supaya **mereka bertambah iman dan yakin** beserta dengan iman dan keyakinan mereka yang sedia ada ...”

- Majlis zikir adalah tempat turunnya rahmat Allah ﷻ.
- Orang yang hadir ke majlis adalah orang-orang saling kasih-mengasihi kerana Allah – mereka bertemu dan berpisah kerana Allah.
- Orang-orang yang hadir ke majlis zikir akan disebut nama mereka di majlis para malaikat.
- Para malaikat mendoakan keampunan buat mereka yang hadir ke majlis zikir.
- Majlis zikir adalah taman-taman syurga.

Pada hakikatnya, zikir dianjurkan secara individu dan beramai-ramai/ berjemaah sepertimana ia dianjurkan juga secara perlahan (*sirr/khafi*) dan secara nyaring (*jahar*). Berdasarkan pemerhatian penulis juga, istilah “Majlis Zikir” boleh merujuk kepada empat majlis iaitu:

- (i) Majlis zikir (dengan makna yang khusus), di mana tasbih, tahmid, tahlil, takbir, selawat dan istighfar serta sebahagian al-Qur'an dibaca beramai-ramai,
- (ii) Majlis pembacaan al-Qur'an beramai-ramai atau sebahagiannya membaca al-Qur'an dan sebahagian pula mendengarnya,
- (iii) Majlis ilmu, di mana ilmu-ilmu agama khususnya diajarkan, dan
- (iv) Masjlis dakwah atau tazkirah, di mana seseorang memberi nasihat dan peringatan kepada para hadirin tentang ketaqwaan kepada Allah, kepentingan Sunnah Rasulullah ﷺ, seruan kepada akhlak-akhlak yang baik serta menyintai akhirat dan membuat persiapan baginya.

Janganlah kita menjadi sebahagian daripada golongan yang menyempitkan ibadah zikrullah ini kerana pada hakikatnya zikrullah adalah merupakan ibadah yang paling luas di dalam Islam. Ia dituntut dalam setiap masa dan keadaan. Untuk penjelasan yang lebih lanjut berkenaan kemuliaan dan kepentingan zikrullah secara ringkas di dalam bahasa Melayu berasaskan hadith-hadith Rasulullah ﷺ, penulis mencadangkan agar pembaca menelusuri buku penulis yang bertajuk “50 Hadith Utama Berkenaan Kepentingan dan Kelebihan Zikrullah” atau seumpamanya.

Semoga Allah memberi kita taufik untuk sentiasa berzikir kepada-Nya dalam semua keadaan dan setiap masa serta menjadikan kita dari kalangan “Ahli-ahli Zikir” yang sentiasa melazimi “Majlis-majlis/ Halaqah-halaqah Zikir” dan mendapat kemuliaannya sejak di dunia ini lagi dan di Akhirat nanti. Amin.



Akhir kata: “Segala puji hanyalah bagi Allah ﷻ.”

Nilai Impian, Nilai, Negeri Sembilan.

16 Rajab 1440 Hijrah bersamaan 23 Mac 2019

Kemaskini: 29 Ramadan 1442 Hijrah bersamaan 11 Mei 2021 Masihi

وَاللَّهُ وَلِيُّ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ

﴿ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴾ ﴿ وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴾

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ عَدَدَ مَا وَسِعَهُ عِلْمُ اللَّهِ

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Naskhah PDF ini diberikan secara percuma kepada semua umat
Islam pada malam **29 Ramadan 1442H** bersamaan 11 Mei 2021

PENULIS

Nama	Dr. Abdullaah Jalil
Jawatan	Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Latar Belakang Pendidikan	<p>2019: PhD Kewangan Islam, INCEIF, Kuala Lumpur.</p> <p>2004: MBA (Perbankan dan Kewangan Islam), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak. – (Anugerah Pelajar Terbaik Program).</p> <p>2001: Sarjana Muda Shariah (Fiqh dan Pengajian Islam), Universiti Yarmouk, Irbid, Jordan. (Kelas Pertama / <i>Mumtāz</i>).</p> <p>1996-1997: Kolej Islam Sultan Alam Shah. SPM & SKK (<i>Mumtāz</i>).</p> <p>1993-1995: Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang. PMR & SRA (<i>Mumtāz</i>)</p>
Bidang Kepakaran dan Kajian	<ul style="list-style-type: none"> • Fiqh Muamalat dan Aplikasinya • Kepatuhan dan Tadbir Urus Shariah • Perbankan dan Kewangan Islam • Pengurusan Masjid & Wakaf Korporat • Ahli Sunnah dan Jamaah • Deradikalisasi & PCVE
Hasil Penulisan (Buku)	<ol style="list-style-type: none"> 1. (2011) The Four Introductory Theories of Fiqh Muamalat. 2. (2012) Pengurusan Kewangan Masjid: Model Imarah Masjid. 3. (2013) 40 Hadith Pengurusan Harta dan Perancangan Kewangan. 4. (2013) Menjawab Persoalan Agama: Konsep al-Tark dan Perkara Baru dan Baik dari Perspektif Shariat. [Siri Memperbaiki Kefahaman Agama]. 5. (2013) Natijah Fikir dan 40 Hadith Kelebihan Zikir.

6. (2013) Pengajian Halaqah UTH3012: Program Pensiswazahan Guru.
7. (2013) Cahaya-Cahaya Sunnah Yang Khusus Berkenaan Kelebihan Selawat Ke Atas Nabi Yang Terpilih ﷺ (Abdullaah Jalil, Terjemah).
8. (2013;2016) *Nusūs Turāthiyyah: Dirāsah Manhajiiyyah* (Subjek *al-Halaqah*).
9. (2014) The Four Main Contracts of Fiqh Muamalat.
- 10.(2014) Fiqh and Management of Hajj and Umrah.
- 11.(2014) Arabic-English Terminology for Special Purposes in Management Studies.
- 12.(2015) Miftah al-Muamalat: The Gateway to Business.
- 13.(2016) 40 Hadith Puasa dan Ramadan: Dengan Nota Ringkas Fiqh Mazhab al-Shafi'i dan Fiqh Perbandingan.
- 14.(2016). Sosial Sekuriti (Takaful Ijtima'i) Menurut Perspektif Islam.
- 15.(2017) Quranic Index for Medical Sciences.
- 16.(2017) Quranic Index for Economics, Business and Management.
- 17.(2017) 40 Hadith Berkenaan Ketegasan Pengharaman Riba (Dengan Ulasan dan Edit) (Abdullaah Jalil, Trans.).
- 18.(2018); (2021) 40 Hadith Berkenaan Ibadat Harta.
- 19.(2018) Islamic Law of Tort.
20. (2019) 50 Hadith Utama Berkenaan Kepentingan dan Kelebihan Zikrullah.
- 21.(2019) Natijah Fikir dan Mutiara Nabawi Berkenaan Majlis Zikir.
22. (2019) 50 Hadith Doa Rasulullah ﷺ dan Adab serta Kelebihannya.
23. (2019) 40 Hadith Kelebihan Ilmu dan Adab-adabnya.
24. (2019) 40 Hadith Berkenaan Kelebihan Penghulu Para Rasul ﷺ (Abdullaah Jalil: Terjemahan dan Edit)


- | | |
|--|--|
| | <p>25. (2020) Aqidah Murshidah dan Beberapa Muqaddimah Aqidah.</p> <p>26. (2020) 40 Hadith Kemuliaan Masjid dan Adab-adabnya.</p> <p>27.(2020) 40 Hadith Imam Nawawi Berkenaan Asas-asas Agama Islam dan Prinsip Hukum Shariat.</p> <p>28. (2021) Matan Abi Shuja': Bahagian Muamalat. Nilai: Wisdom Publication (Modul)</p> |
|--|--|

BIBLIOGRAFI

- 'Abd Ibn Humayd (249H). *Musnad 'Abd Ibn Humayd*. al-Qahirah: Maktabat al-Sunnah.
- Abū Dāwud, Sulaymān al-Sijistānī (275H). (2010). *Sunan Abī Dāwud*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu Hanifah (150H). *Musnah Abi Hanifah (Riwayat al-Haskafi)*. Misr: Al-Adab.
- Abū Nu'aym al-Asbahānī (430H). (1409H). *Hilyat al-Awliyā' wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā'* (Vol. 10). Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abū Ya'lā al-Mawṣilī (307H). (1992). *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī*. Dimashq - Bayrūt: al-Thaqāfah al-'Arabiyyah.
- Ahmad, Ibn Hanbal (241H). *al-Zuhd*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Aḥmad, Ibn Ḥanbal (241H). (1995). *al-Musnad*. 'Ammān: Mu'assasat al-Risālah.
- al-Bayhaqī (458H). *Shu'ab al-Imān*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bayhaqī (458H). (1986). *al-Adab*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bayhaqī (458H). (1986). *al-Da'awat/ al-Da'wat al-Kabir*. al-Kuwayt: Markaz al-Makhtutat wa al-Turath.
- al-Bazzār, Abū Bakr (292H). (1997). *al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār*. al-Madīnah al-Munawwarah: Maktabat al-'Ulūm wa al-Ḥikam.
- al-Bukhārī, Muḥammad Ismā'īl (256H). (1999). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. al-Riyāḍ: Dar al-Salām.
- al-Būṣīrī (840H). (1998). *Ithāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawā'id al-Masānīd al-'Asharah*. al-Riyad: al-Rushd.
- al-Dhahabi, Muhammad Ahmad (748H). (1992). *Siyar A'lam al-Nubala'*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.

- al-Diyā' al-Maqdisī (643H). *al-Aḥādīth al-Mukhtārah*. al-Sa'udiyyah: 'Abd al-Malik Dahish.
- al-Ḥakim, Ibn al-Bayyī' al-Naysabūrī (405H). (1990). *al-Mustadrak 'alā al-Sahīḥayn*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Haythami, Nur al-Din (807H). al-Maqsid al-'Ali fi Zawa'id Abi Ya'la al-Mawsili.
- al-Haythamī, Nūr al-Dīn (807H). (1979). *Kashf al-Astār 'an Zawā'id al-Bazzār*. Bayrūt: Mu'assasat al-Risālah.
- al-Haythamī, Nūr al-Dīn (807H). (1994). *Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id*. al-Qahirah: Maktabat al-Qudsi.
- al-Mundhiri, Zakiyy al-Din 'Abd al-'Azim (656H). (1417H). *al-Tarḡhib wa al-Tarḥīb min al-Hadīth al-Sharīf*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tabarānī, Sulaymān Aḥmad (360H). *al-Du'ā'*. Bayrut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah / Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tabarānī, Sulaymān Aḥmad (360H). *al-Mu'jam al-Awṣaṭ*. al-Mawsil: Maktabat al-'Ulum wa al-Hikam.
- al-Tabarānī, Sulaymān Aḥmad (360H). *Musnad al-Shāmiyyīn*. Bayrūt: Mu'assasat al-Risālah.
- al-Tirmidhī, Muḥammad 'Isā (279H). *al-Jāmi' al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)*. al-Riyāḍ: Maktabat al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Ibn Abi Shaybah (235H). (2004). *Musannaf Ibn Abi Shaybah*. al-Riyad: al-Rushd.
- Ibn 'Asākir, Ali Hasan (571H). (1998). *Tārīkh Dimashq*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad 'Alī (852H). (1996). *Ithaf al-Maharah bi al-Fawa'id al-Mubtakarah min Aṭraf al-'Asharah*. al-Madinah al-Munawwarah: Majma' al-Malik Fahd wa Markaz Khidmat al-Sunnah wa al-Sirah al-Nabawiyyah.
- Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad 'Alī (852H). (1998). *al-Maṭālib al-'Āliyah bi Zawā'id al-Masānid al-Thamāniyah*. al-'Āṣimah al-Ghayth: al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah.

- Ibn Hibbān, Muḥammad (354H). (1993). *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān*. Bayrūt: Mu'assasat al-Risālah.
- Ibn Mājah, Muḥammad Yazīd Qazwīnī (273H). (2010). *Sunan Ibn Mājah*: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Ibn Shahin (385H). (1995). *al-Tarḡīb fī Fada'il al-A'mal*. al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyyah: Ibn al-Jawzi.
- Ishaq Ibn Rahuyah/ Rahwayh/ Rahawayh (238H). *Musnad Ishaq Ibn Rahuyah/ Rahwayh/ Rahawayh*. al-Madinah al-Munawwarah: Maktabat al-Iman.
- Muslim, Ibn al-Ḥajjāj (261H). (2006). *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim*. al-Riyāḍ: Dār Ṭaybah.



Sinopsis

Buku “Natijah Fikir dan Mutiara Nabawi berkenaan Majlis Zikir” ini diusahakan dengan tujuan untuk memperbaiki salah faham yang berlaku di kalangan sebahagian masyarakat yang dilihat tergesa-gesa dalam membuat tuduhan bid’ah dan sesat terhadap beberapa amalan para ulama’ yang muktabar dan masyarakat Islam khususnya berkaitan Majlis Zikir. Buku ini juga bertujuan untuk membuktikan bahawa Majlis Zikir/ Zikrullah adalah merupakan amalan yang mulia, penting dan mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam Islam. Bahkan, di sana terdapat begitu banyak kurniaan dan rahmat Allah bagi orang-orang yang datang dan berhimpun di dalam Majlis Zikir.

Buku ini pada asalnya adalah merupakan bahagian pertama dari sebuah buku bertajuk “Natijah Fikir dan 40 Hadith Kelebihan Zikir” yang ditulis oleh penulis pada tahun 2013. Kemudian, pada tahun 2019, buku tersebut telah dibahagikan dan dikembangkan menjadi dua buku yang baru dan tersendiri iaitu: (i) Natijah Fikir dan Mutiara Nabawi Berkenaan Majlis Zikir (2019) (Buku ini) dan (ii) 50 Hadith Utama Berkenaan Kepentingan dan Kelebihan Zikir (2019).



WISDOM
PUBLICATION